KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# MEMBANTU PEMULIHAN NEGARA

## LAPORAN TAHUNAN 2021

Pelanjutan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021

Pelanjutan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma

Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan

Pengurangan kompaun sehingga 90% bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 Akta Syarikat 2016

Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal

Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* bagi serah simpan dokumen berkanun

Penerusan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan

Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan

Mengiktiraf mata *Continuing Professional Education* melalui latihan secara dalam talian

Pengenalan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin




# RASIONAL **MUKA HADAPAN**

Rasional konsep muka hadapan dengan tema "Membantu Pemulihan Negara" menerangkan tentang komitmen SSM yang terus komited menyusun pelan tindakan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk membantu komuniti korporat dan perniagaan yang terkesan dengan pandemik yang telah melanda seluruh dunia. Bagi tujuan ini, SSM telah memanfaatkan penggunaan teknologi digital sebagai pemudah cara dalam penyampaian perkhidmatannya.

**MENARA SSM@SENTRAL**
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5, KUALA LUMPUR SENTRAL
50623 KUALA LUMPUR.

**Tel:** +603 7721 4000 **E-mel:** enquiry@ssm.com.my **Laman Sesawang:** www.ssm.com.my

**Media Sosial:**

*/SSMOFFICIALPAGE*

Imbas Kod untuk mengakses laman web rasmi SSM

# DALAM LAPORAN INI


## PERUTUSAN YB MENTERI

MS 5 - 7

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
MS 16 - 28

## LAPORAN PENGURUSAN
MS 46 - 148

- PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
- INISIATIF PENGUATKUASAAN
- INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG
- AKADEMI LATIHAN & PENGURUSAN PENGETAHUAN
- PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN
- SOROTAN MEDIA

## PRAKATA PENGERUSI

MS 8 - 9

## ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MS 10 - 14

## ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
MS 30 - 34

## PENYATA KEWANGAN
MS 150 - 188

## PENGURUSAN EKSEKUTIF
MS 36 - 41

## DIREKTORI SSM
MS 190 - 193

# KAMI **SSM**

## PERNYATAAN **VISI**

**UNTUK MENJADI PENDAFTAR DAN PENGAWAL SELIA KORPORAT TERULUNG**

## TERAS **STRATEGIK**

**Teras Strategik 1:**
Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses

**Teras Strategik 2:**
Menggunakan Platform Teknologi Agil

**Teras Strategik 3:**
Memupuk Budaya Kerja Cemerlang

**Teras Strategik 4:**
Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai

**Teras Strategik 5:**
Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

## NILAI-NILAI **KORPORAT**

### KOLABORASI
Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.

### UTAMAKAN PELANGGAN
Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.

### NOBATKAN ILMU
Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.

### CEMERLANG
Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkauinya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesanan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.

### INTEGRITI
Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.

# **11 INISIATIF SSM TAHUN 2021** SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN UNTUK MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN

**Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran baharu secara PERCUMA kepada:**

- Usahawan Kumpulan B40
- Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Sepenuh Masa

**Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang memberikan pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan PERCUMA kepada usahawan OKU**

- Terhad untuk satu (1) pendaftaran perniagaan sahaja

**Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara PERCUMA sehingga 31 Disember 2021**

**Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021**

**Mengurangkan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 sehingga 31 Disember 2021**

**Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuat kuasa pada 1 April 2021**

**Mengiktiraf mata *Continuing Professional Education* (CPE) melalui latihan secara dalam talian**

**Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan**

**Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah APLT 2012**

**Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* bagi serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012**

**Pelanjutan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021**

- Mengedarkan penyata kewangan
- Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)
- Menyerah simpan penyata kewangan
- RM100 fi permohonan lanjutan masa dikecualikan

# PERUTUSAN YB MENTERI



**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

**Salam Sejahtera.**

**Saya amat berbesar hati untuk memperkenalkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2021.**

**Sebagai Menteri yang menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), visi Kementerian ini adalah agar perdagangan domestik dapat menjadi tunjang ekonomi berpendapatan tinggi dan salah satu dari misi Kementerian pula adalah untuk memastikan sektor domestik utama terus maju, berdaya saing dan mampan. SSM yang merupakan agensi di bawah Kementerian memainkan peranan untuk memastikan visi dan misi Kementerian dilaksanakan.**

Kita sedia maklum bahawa tahun 2021 penuh dengan cabaran luar biasa yang telah mengubah landskap perniagaan negara. Dari sudut positif, pandemik yang telah mengakibatkan pengurangan dan pemberhentian pekerjaan itu telah mencetuskan minat untuk menceburi perniagaan dalam talian sebagai kerjaya pilihan yang secara tidak langsung berupaya meningkatkan tahap efisien dalam tugasan, menjimatkan kos operasi perniagaan serta dapat memperluas jangkauan pasaran mereka. Perkara yang membanggakan saya ialah ekonomi Malaysia yang pulih secara beransur-ansur berikutan kelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan kejayaan mencapai imuniti kelompok seterusnya telah membolehkan pembukaan semula aktiviti ekonomi serta sosial yang lebih luas.

KPDNHEP serta agensi di bawahnya memikul tanggungjawab yang besar dalam merangsang ekonomi domestik pada waktu mencabar ini. Pegawai-pegawai di Kementerian saya serta agensi-agensi di bawahnya telah bertungkus lumus berkhidmat untuk memastikan ekonomi domestik kekal berdaya saing dan mampan. Keutamaan telah diberikan kepada penambahbaikan terhadap pelbagai SOP serta proses kerja bagi memastikan aktiviti perniagaan dapat diteruskan dan berjalan lancar dalam tempoh pelaksanaan pelbagai sekatan pergerakan bagi membendung virus COVID-19 ini.

*PERUTUSAN YB MENTERI*

KPDNHEP melalui SSM juga telah mengambil pelbagai tindakan proaktif dengan memperkenalkan 11 inisiatif dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan mengurangkan impak yang dihadapi oleh sektor korporat dan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19 yang merangkumi inisiatif berikut:

**Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran PERCUMA kepada:**

- Usahawan Kumpulan B40
- Pelajar IPT Sepenuh Masa

**Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P)**

- Terhad 1 perniagaan setiap OKU

**Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara PERCUMA**

- Sehingga 31 Disember 2021

**Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan**

- Sehingga 31 Disember 2021

**Mengurangkan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 Akta Syarikat 2016**

- Sehingga 30 Jun 2021
- Dilanjutkan hingga 31 Disember 2021

**Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuat kuasa pada 1 April 2021**

**Mengiktiraf mata *Continuing Professional Education* (CPE) melalui latihan secara dalam talian**

- Bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat
- Bermula 1 Januari 2021

**Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan**

**Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**

**Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* bagi serah simpan dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**

- Fi lewat serah simpan dikecualikan

**Melanjutkan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021**

- Mengedarkan penyata kewangan
- Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)
- Menyerah simpan penyata kewangan
- RM100 fi permohonan lanjutan masa dikecualikan

Sebagai tambahan kepada 11 inisiatif tersebut, SSM juga berjaya melancarkan Portal XCESS pada 2 September 2021 yang menyediakan perkhidmatan penjualan maklumat entiti perkongsian liabiliti terhad (PLT), maklumat Penglibatan Peribadi di dalam syarikat, perniagaan dan PLT secara dalam talian (*online*). Melalui portal XCESS ini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan PLT dan penglibatan peribadi dengan lebih mudah secara dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter SSM.

*PERUTUSAN YB MENTERI*

Dalam mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatannya, SSM telah melaksanakan Projek Hala Tuju HT1 – MyLLP yang merupakan salah satu projek *Quick Win* telah berjaya direalisasikan dengan pelaksanaan sistem MyLLP baharu pada 19 Ogos 2021. Sistem MyLLP sedia ada telah diganti dengan sistem MyLLP baharu dengan beberapa ciri penambahbaikan sistem dan menyediakan modul-modul yang baharu.

**Selain itu, saya juga ingin berkongsi maklumat berkaitan inisiatif oleh Kerajaan iaitu pada 27 September 2021 telah membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025 (RMKe-12) di Dewan Rakyat yang menetapkan hala tuju strategik bertemakan 'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan'. Fokus RMKe-12 ini tertumpu kepada tiga (3) fokus utama iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusif serta melonjakkan kemampanan.**

Berdasarkan dokumen RMKe-12, SSM telah tersenarai sebagai agensi pelaksana yang melibatkan dua (2) bab iaitu Bab 5 tentang 'Menangani Kemiskinan, Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Pemacu Perubahan' serta Bab 7 berkaitan 'Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak dan Pemacu Perubahan.'

Penglibatan SSM di dalam Bab 5 meliputi dua (2) strategi iaitu yang pertamanya dengan menambah baik tadbir urus dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan di mana pindaan kepada Akta Syarikat 2016 sedang dimuktamadkan berhubung kerangka pelaporan pemunya benefisial. Pindaan ini sebagai pelengkap kepada kerangka sedia ada bagi tujuan ketelusan korporat dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AMLA). Bagi strategi kedua iaitu memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan, SSM bertanggungjawab dalam membekalkan data-data kepada Kerajaan yang melibatkan fungsi dan undang-undang di bawah SSM bagi tujuan analisa.

Manakala penglibatan SSM bagi Bab 7 adalah dalam pengenalan kerangka perundangan pendaftaran perniagaan yang moden dan terpakai ke seluruh Malaysia. Ingin saya berkongsi bahawa penglibatan ini dilaksanakan dengan menyelaraskan kajian pendaftaran perniagaan di Sabah dan Sarawak. SSM juga bersedia untuk bekerjasama dalam berkongsi teknologi bagi tujuan pengumpulan data pendaftaran perniagaan agar lebih tersusun dan berpusat yang dapat membantu Kerajaan Persekutuan dalam memperkenalkan polisi yang lebih bersifat inklusif untuk dilaksanakan di seluruh negara.

**Pelaksanaan beberapa inisiatif yang saya nyatakan di atas hanyalah sebahagian daripada pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan SSM pada tahun 2021 seperti yang dibentangkan di dalam Laporan Tahunan SSM bagi tahun 2021 ini. Saya berharap, para pembaca akan dapat manfaat melalui maklumat-maklumat yang dilaporkan di dalam penerbitan ini.**

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja SSM yang bertugas sebagai barisan hadapan dalam menyampaikan perkhidmatan yang baik dan memastikan prospek pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh untuk jangka masa sederhana dan panjang. Mereka teguh bersama-sama dengan Pengurusan SSM untuk memastikan perkhidmatan kepada para pelanggan dapat disampaikan dengan cemerlang dan lancar sepanjang tempoh pandemik ini.

Saya gembira dan bersyukur atas usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SSM sepanjang tahun 2021 dan mendoakan kejayaan yang berterusan pada masa depan.

Terima kasih.

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan*
*Hal Ehwal Pengguna*

# PRAKATA PENGERUSI




**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
*Pengerusi*
*Suruhanjaya Syarikat Malaysia*

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua warga Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan SSM 2021.

**Tahun ini merupakan tahun kedua saya berkhidmat sebagai Pengerusi SSM. Tahun ini juga menjadi lembaran baharu kepada Malaysia dalam mendepani wabak COVID-19 dengan kadar vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa di bawah Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang telah mencapai 90 peratus. Pencapaian ini sekaligus telah mendorong kepada pemulihan ekonomi negara dengan pembukaan semula premis kedai makan, kedai-kedai runcit, pusat beli-belah, fasiliti-fasiliti sukan termasuk gimnasium, pejabat-pejabat dan lain-lain.**

Sejak awal tahun 2020 hingga 2021, negara kita dan seluruh dunia telah diuji dengan pandemik COVID-19. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita secara individu, tetapi juga menguji daya ketahanan kita sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab mengawal selia komuniti perniagaan di negara ini. Dengan ancaman pandemik COVID-19 yang terus meningkat, semua warga SSM perlu meningkatkan lagi langkah berjaga-jaga dan mematuhi SOP yang ditetapkan semasa menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Dalam mendepani pandemik COVID-19 yang telah memberi impak kepada sektor korporat dan perniagaan, SSM telah memperkenalkan 11 inisiatif pada tahun 2021 bagi meringankan beban golongan yang terkesan. Inisiatif tersebut termasuklah memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* untuk menyerah simpan dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dengan pengecualian fi lewat serah simpan. Inisiatif ini dilaksanakan setelah meneliti keadaan ekonomi global dan dalam negara yang

*PRAKATA PENGERUSI*

mungkin mengambil masa lebih lama untuk pulih akibat pandemik COVID-19.

SSM juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif lain antaranya pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016 sehingga 31 Disember 2021 dan menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuat kuasa pada 1 April 2021. Selain itu, SSM telah memberi lanjutan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021 untuk mengedarkan penyata kewangan, mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan, menyerah simpan penyata kewangan dan pengecualian fi permohonan lanjutan masa serta pelbagai inisiatif lain yang telah diumumkan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan tadbir urus korporat syarikat, SSM sedang menyediakan Rang Undang-Undang Syarikat (RUU Syarikat) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (RUU PLT). Pada ketika ini, RUU Syarikat sedang dalam proses dimuktamadkan oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara. Selepas itu, RUU PLT pula akan dimuktamadkan berdasarkan gubalan peruntukan-peruntukan yang telah dipersetujui berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah RUU Syarikat.

Kedua-dua draf RUU Syarikat dan PLT ini akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat. Antara cadangan di dalam RUU tersebut ialah penambahbaikan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan di bawah Akta Syarikat 2016 dan pengenalan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Penambahbaikan ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara serta peranan SSM dalam menyokong inisiatif berterusan oleh Kerajaan.

Selain itu, kajian berhubung impak sektor gig ekonomi terhadap keperluan pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 merupakan sebahagian daripada kajian pembaharuan undang-undang yang sedang dibuat bagi tujuan memodenkan APP 1956 selaras dengan trend perniagaan kini. Ingin saya berkongsi kepada semua bahawa gig ekonomi ialah satu pekerjaan yang dijalankan tanpa majikan dengan menjual perkhidmatan mereka kepada orang lain tidak kira secara sepenuh masa atau separuh masa.

Di samping itu, saya ingin memetik ucapan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 23 Oktober 2021 iaitu semasa Majlis Pelancaran Keluarga Malaysia. Dalam majlis tersebut, beliau telah menyeru agar setiap kementerian memperkenalkan program dan inisiatif bagi membantu mengurangkan kesan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Seiring dengan seruan ini, SSM telah merangka program-program yang memberi fokus kepada golongan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa bagi mempromosikan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) melalui penganjuran Program Bimbingan Usahawan 21 (PBU21) dan Program Usahawan Muda 21 (PUM21).

**Alhamdulillah, kesemua program ini telah berjaya mencapai jumlah pendaftaran sebanyak 429 peserta PBU21 dan 3,308 peserta PUM21 yang dilaksanakan bertujuan untuk menggilap potensi golongan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa dan menggalakkan mereka melibatkan diri dalam bidang perniagaan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.**

Saya berharap SSM sebagai pengawal selia sektor korporat dan perniagaan akan terus mengekalkan prestasi yang baik ini dalam amalan penguatkuasaan seimbang dan pada masa yang sama cakna serta prihatin terhadap keperluan pemegang taruh SSM. Hal ini penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan pembangunan mampan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-12.

Saya yakin bahawa SSM memiliki kepakaran, pengalaman serta kewibawaan dalam penyediaan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pihak berkepentingan di masa hadapan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan, Anggota Suruhanjaya, barisan Pengurusan Eksekutif dan warga kerja SSM di atas sokongan, dedikasi dan sumbangan mereka yang berterusan. Semoga komitmen dan semangat kerja berpasukan ini akan terus dikekalkan pada masa akan datang.

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
*Pengerusi*
*Suruhanjaya Syarikat Malaysia*

# ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.**

**Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tahun 2021. Tahun ini merupakan tahun kedua negara kita mengharungi cabaran pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, kita bersyukur kerana Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaksanakan segera telah berjaya mengekang penularan wabak ini dan seterusnya membawa kepada pengoperasian semula sektor perniagaan untuk menyokong proses pemulihan ekonomi negara.**



**YBHG. DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
*Ketua Pegawai Eksekutif*
*Suruhanjaya Syarikat Malaysia*

Pada tahun 2021, kita dapati pemulihan dari aspek memulakan perniagaan mula berlangsung di mana sebanyak 384,300 perniagaan yang merangkumi 350,195 perniagaan milikan tunggal dan 34,105 perniagaan perkongsian telah didaftarkan bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Manakala sebanyak 3,646 perkongsian liabiliti terhad dan 45,416 syarikat yang merangkumi 22 syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama. Statistik ini menyumbang kepada jumlah keseluruhan sebanyak 8,285,467 perniagaan, 30,252 perkongsian liabiliti terhad dan 1,434,323 syarikat yang telah didaftarkan sehingga 31 Disember 2021.







Pada tahun 2021 juga, SSM meneruskan usaha dalam memuktamadkan draf-draf Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) dan akan dibentangkan di sesi Parlimen terdekat pada tahun 2022. Rang Undang-Undang (RUU) ini bertujuan untuk memperkasa dan menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat untuk membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan. RUU ini juga

membolehkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan tetapi mempunyai kemampuan untuk terus berdaya saing memasuki rehabilitasi dengan pemiutang melalui cadangan pindaan yang bersifat fasilitatif, antaranya adalah seperti berikut:

(a) meluaskan pemakaian Mekanisme Penyelamat Korporat sedia ada iaitu perkiraan sukarela korporat *(corporate voluntary arrangement)* dan pengurusan kehakiman *(judicial management)* kepada lebih banyak kategori syarikat termasuk syarikat awam yang disenaraikan *(public listed company)*;

(b) menambah baik peruntukan berkaitan Skim Perkiraan atau Kompromi *(Scheme of Arrangement)* dengan menyediakan prosedur yang lebih efisien bagi membolehkan syarikat mendapatkan perintah halangan daripada tindakan penggulungan atau perundangan oleh pemiutang;

(c) memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk meluluskan Skim Perkiraan atau Kompromi dengan memastikan hak-hak pemiutang minoriti tidak diprejudis;

(d) membolehkan syarikat yang telah memasuki Skim Perkiraan atau Kompromi atau yang telah mendapat perintah pengurusan kehakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat *(rescue financing)* serta memberikan perlindungan terhadap pembiaya tersebut; dan

(e) menyediakan peruntukan yang melindungi pembekalan perkhidmatan atau barangan penting *(supply of essential goods and services)* kepada syarikat yang telah memasuki proses rehabilitasi.

**Terdapat sejumlah 25 cadangan pindaan untuk diperkenalkan di dalam RUU ini yang merupakan penambahbaikan penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 serta melaksanakan peranan SSM dalam menyokong inisiatif berterusan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. SSM juga meneruskan usaha memuktamadkan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2021 (RUU PLT). Pindaan yang dicadangkan antaranya bertujuan untuk memperkenalkan keseluruhan kerangka Mekanisme Penyelamat Korporat di dalam Akta Syarikat 2016 serta pindaan-pindaan yang berkaitan untuk turut terpakai ke atas PLT. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi PLT. Penambahbaikan serta pindaan untuk memperluaskan pemakaian perundangan berhubung Mekanisme Penyelamat Korporat ini akan membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat agar PLT boleh terus beroperasi *(stay afloat)*.**

Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat, entiti perniagaan seperti syarikat dan PLT akan menghadapi risiko untuk diambil tindakan penggulungan sekiranya mereka berdepan dengan masalah kewangan walaupun perniagaan tersebut pada hakikatnya masih berdaya maju. Dengan pindaan ini, mana-mana PLT yang menghadapi masalah kewangan sementara tetapi masih berkemampuan serta berdaya saing boleh

memanfaatkan Mekanisme Penyelamat Korporat dengan memasuki pelan rehabilitasi dengan pemiutang mereka. Inisiatif ini adalah penting untuk membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan, terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19 agar kekal beroperasi dan menjana ekonomi negara.

Pada tahun 2021, SSM juga meneruskan usaha untuk mencadangkan pengenalan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB). Cadangan pengenalan RUU HAKB ini bertujuan mengatasi jurang perundangan di Malaysia supaya entiti perniagaan dapat memanfaatkan harta alih yang dimiliki dan dijadikan kolateral/ sandaran bagi mendapatkan pembiayaan untuk mengembangkan lagi perniagaan. Bagi cadangan ini, Memorandum Jemaah Menteri (MJM) RUU HAKB ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari 2021 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa RUU HAKB digubal bagi tujuan pendaftaran dan pengawalseliaan kepentingan bercagar bagi harta alih di Malaysia. SSM menjadi agensi yang bertanggungjawab mentadbir kerangka perundangan HAKB dan mengawal selia aktiviti berhubung pendaftaran cagaran harta alih.

Berikutan itu, draf RUU HAKB telah disediakan bagi mengawal selia pendaftaran dan penguatkuasaan hak terhadap harta alih yang digunakan sebagai sekuriti kepentingan atau cagaran bagi mendapatkan pinjaman, pembiayaan atau menjalankan suatu obligasi.

Draf RUU tersebut yang merangkumi 108 peruntukan perundangan yang berdasarkan kepada 23 kenyataan polisi telah diluluskan oleh Kabinet dan sedang dimuktamadkan untuk proses penyerahan seterusnya kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

**Tahun 2021 juga telah melakar sejarah kepada SSM dengan penganjuran Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-10 dengan tema *'Governing Under New Normal'* yang telah diadakan pada 24 Ogos 2021 secara virtual. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP yang juga merangkap Pengerusi SSM. Buat pertama kalinya sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011, Persidangan Kebangsaan SSM 2021 telah dihoskan melalui platform persidangan maya yang membenarkan perwakilan menyertai empat (4) sesi plenari serta berinteraksi di *networking lounge* dan reruai pameran.**

Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 2,049 peserta yang merupakan kehadiran tertinggi pernah direkodkan oleh SSM. Para peserta terdiri daripada pengamal sektor korporat dan perniagaan yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, ahli ekonomi dan kewangan, usahawan, ahli akademik dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk peserta luar negara iaitu dari Pakistan, Republik Macedonia, Kazakhstan, Filipina dan Singapura.

Tidak lupa juga penganjuran Dialog Tahunan SSM 2021 yang telah diadakan pada 23 November 2021 secara dalam talian. Sesi dialog pada tahun ini telah dihadiri lebih 500 orang peserta yang merupakan setiausaha syarikat dan pembantu setiausaha syarikat dari negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Dialog Tahunan SSM merupakan salah satu inisiatif tahunan SSM bagi mewujudkan hubungan strategik di antara SSM dengan pihak-pihak berkepentingan. Ia merupakan salah satu program bersasar yang menyediakan platform bagi SSM untuk memperjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan meliputi skop operasi dan penguatkuasaan. Dialog Tahunan ini juga merupakan usaha SSM untuk mengenal pasti dan mendapatkan pandangan berhubung polisi dan perkhidmatan yang perlu ditambah baik.

Pada 19 November 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SSM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk meneruskan kerjasama strategik serta memperkasakan lagi kolaborasi sedia ada antara kedua-dua agensi.

**MoU kali kedua bersama SSM ini diadakan bagi memperbaharui MoU pertama yang ditandatangani pada tahun 2009. Melalui kerjasama semasa ini, DOSM akan meneruskan perkongsian maklumat-maklumat berkaitan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) yang berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), mengadakan kursus dan taklimat berkenaan statistik yang diperlukan oleh SSM serta pembekalan statistik rasmi lain kepada SSM.**

SSM diberi penghormatan atas pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (SPAR) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM) pada 5 Oktober 2021. Berikutan itu, Sijil Pengiktirafan Standard Malaysia (MS) ISO 37001: 2016 ABMS telah disampaikan oleh SIRIM kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi SSM.

Rentetan daripada itu, bersempena dengan Sambutan Hari Integriti Kebangsaan 2021, SSM telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti 2021 peringkat SSM iaitu pada 7 Disember 2021 yang bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral secara fizikal dan dalam talian. Sambutan Hari Integriti SSM ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi SSM. Pada majlis yang sama, Buku Kod Etika SSM 2021 yang dikemaskini juga telah dilancarkan.

Dalam usaha SSM untuk membantu mengurangkan beban dan tekanan komuniti perniagaan serta sektor korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19, SSM meneruskan beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 serta turut memperkenalkan inisiatif baharu. Inisiatif ini menunjukkan sokongan berterusan SSM bagi memastikan peniaga dan sektor korporat berdaya tahan dan seterusnya berdaya saing untuk menjana aktiviti ekonomi dalam tempoh penularan wabak ini. Inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban sektor korporat dan perniagaan adalah seperti berikut:

(a) Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa. Bermula pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 26,302 pendaftaran perniagaan secara percuma telah dimanfaat oleh usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa;

(b) Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P). Sejumlah 1,752 pendaftaran perniagaan di bawah S1O1P telah direkodkan bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021;

(c) Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021. Sejak dari pengenalan pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 820,753 entiti perniagaan secara fizikal telah didaftarkan dengan SSM BizTrust melalui inisiatif terbaharu ini;

(d) Memberi pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021. Dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 518,911 perniagaan telah mendapat pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan perniagaan manakala 3,876 perniagaan telah memanfaatkan pengecualian kompaun atas kelewatan mendaftarkan perniagaan;

(e) Mengurangkan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 Akta Syarikat 2016 sehingga 31 Disember 2021. Berdasarkan rekod, kompaun pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 Akta Syarikat 2016 bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 27,105 notis, 6,355 syarikat dan 8,574 pengarah;

*ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF*

(f) Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 berkuat kuasa 1 April 2021 sebagai satu nilai ambang baharu yang kekal setelah mengambil kira ketidaktentuan keadaan ekonomi global dan dalam negara akibat kesan pandemik COVID-19. Inisiatif kenaikan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 ke RM50,000 telah berjaya menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah petisyen penggulungan yang diserah simpan ke SSM;

(g) Mengiktiraf semua 20 mata *Continuing Professional Education* (CPE) setahun yang dikumpul melalui latihan secara dalam talian bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bermula 1 Januari 2021. Sebanyak 4,045 permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha telah diterima dan diluluskan melalui sistem *e-Secretary* mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021;

(h) Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan;

(i) Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;

(j) Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* untuk menyerah simpan dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dengan pengecualian fi lewat serah simpan. Dari 1 Jun 2021 hingga 31 Disember 2021, sebanyak 208,367 transaksi telah mendapat pengecualian fi lewat serah simpan; dan

(k) Melanjutkan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021. Sejak mula diperkenalkan sehingga 31 Julai 2021, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada sejumlah 102,743 syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021.

Di samping menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu sektor korporat dan perniagaan yang terkesan dengan pandemik COVID-19, SSM juga telah mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negara pada 23 Disember 2021. Antara inisiatif bantuan yang diberikan adalah penggantian semula sijil perakuan pendaftaran perniagaan yang musnah akibat bencana banjir secara percuma, penubuhan Skuad Bantuan Kilat bagi membantu kerja-kerja pembersihan rumah yang terjejas akibat banjir dan sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM100,000 kepada Pusat Perpindahan Sementara (PPS) untuk membantu meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir. Segala inisiatif yang diambil adalah sebagai menyahut seruan Kerajaan agar semua pihak berganding bahu untuk membantu dan menyumbang ke arah kesejahteraan di bawah konsep 'kebersamaan' Keluarga Malaysia.

Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi serta Anggota Suruhanjaya atas sokongan yang berterusan sepanjang tahun 2021. Juga setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja SSM yang telah menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi, sentiasa bekerjasama dan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pihak berkepentingan walaupun dalam persekitaran kerja yang amat mencabar akibat pandemik COVID-19 bersesuaian dengan tema Laporan Tahunan SSM 2021 iaitu **"Membantu Pemulihan Negara."**

**YBHG. DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
*Ketua Pegawai Eksekutif*
*Suruhanjaya Syarikat Malaysia*

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

SSM sentiasa komited dan percaya penekanan kepada tadbir urus korporat adalah penting dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta integriti sebagai sebuah agensi yang mengawal selia entiti korporat dan perniagaan di Malaysia. SSM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan meneruskan komitmen terhadap amalan tadbir urus korporat yang baik.

## ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memacu hala tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, panduan dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan menjadi penanda aras dalam sektor korporat.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ANGGOTA

Anggota Suruhanjaya perlu memenuhi/ mematuhi perkara-perkara berikut:

(a) Anggota yang dilantik harus melaksanakan peranan dan tanggungjawab selaras dengan undang-undang Akta Tubuh Suruhanjaya.

(b) Mengambil kira kepentingan Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan Agensi yang diwakilkannya bagi Anggota yang dilantik dalam kalangan kakitangan Perkhidmatan Awam/ Kerajaan.

(c) Mengisytiharkan percanggahan kepentingan atau konflik tersebut dan mengecualikan diri daripada mengundi atau terlibat dalam membuat sebarang keputusan.

(d) Tanpa prejudis mengisytiharkan kepentingan dan dikecualikan dalam apa-apa perkara melibatkan kepentingannya bagi mengelakkan unsur-unsur salah guna kuasa dan percanggahan kepentingan.

(e) Dalam tempoh pelantikan, Anggota adalah bertanggungjawab untuk membuat perisytiharan bagi sebarang ketidakakuran yang berlaku melibatkan mana-mana elemen dalam Tapisan Keselamatan dan Keutuhan. Dalam hal ini, pengosongan jawatan perlu dilaksanakan segera.

(f) Menghadiri kursus/ sesi taklimat sebagaimana ditetapkan oleh Kementerian.

Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak 10 kali sepanjang tahun 2021 bagi membincangkan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan analisis petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting untuk dimasukkan ke dalam pelbagai fungsi serta tugas yang dilaksanakan dalam mengawal selia operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM.

*PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT*

Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2021 ialah seperti berikut:

## JUMLAH KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA UNTUK MESYUARAT ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2021

| Anggota Suruhanjaya | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-113<br>4 Februari 2021 | Mesyuarat Khas Anggota Bil. 1/2021<br>8 Mac 2021 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-114<br>22 April 2021 | Mesyuarat Khas Anggota Bil. 2/2021<br>10 Mei 2021 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-115<br>22 Jun 2021 | Mesyuarat Khas Anggota Bil. 3/2021<br>15 Julai 2021 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-116<br>10 September 2021 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-117<br>11 November 2021 | Mesyuarat Khas Anggota Bil. 4/2021<br>18 November 2021 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-118<br>15 Disember 2021 | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad | • | • | • | • | • | • | • | • | • | • | 10/10 |
| YBhg. Dato Hj. Ibrahim bin Hj. Baki | • | • | • | • | • | • | • | • | x | x | 8/10 |
| YBrs. Encik Shamshawal Azraai bin Ahmad | • | • | • | • | • | • | • | • | • | • | 10/10 |
| YBrs. Prof. Dr. Normah binti Hj. Omar | • | • | • | • | • | • | • | • | x | • | 9/10 |
| YBrs. Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir | • | • | • | • | • | x | • | • | • | • | 9/10 |
| YBrs. Encik Tan Gim Tuan | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 24 Februari 2021 | • | • | • | • | • | • | • | • | • | 9/9 |
| YBhg. Datuk Selva Kumar A/L Mookiah | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 15 Mac 2021 | | • | • | • | • | • | • | x | • | 7/8 |
| YBrs. Encik Azih bin Yusof | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 25 Jun 2021 | | | | | • | • | • | • | • | 5/5 |
| YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz | • | • | • | • | • | • | • | • | • | • | 10/10 |
| YBrs. Encik Mohamed Zahari bin Razali | • | • | Telah tamat tempoh sebagai Anggota Suruhanjaya pada 14 April 2021 | | | | | | | | 2/2 |

- • Hadir
- x Tidak hadir dengan izin
- * Sebanyak tiga (3) Kertas Resolusi Edaran telah diluluskan dalam tahun 2021

*PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT*

Berikut ialah tugas dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa yang dianggotai oleh Anggota Suruhanjaya:

| JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN | KETERANGAN |
|---|---|
| **Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko** | Tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:<br>(a) Membantu Suruhanjaya dalam membuat semakan terhadap kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman.<br>(b) Menyemak polisi pengurusan risiko dan amalan di Suruhanjaya bagi memastikan keberkesanannya.<br>(c) Menyemak laporan kewangan tahunan sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya.<br>(d) Menyemak laporan pengurusan juruaudit luar dan respon pengurusan.<br>(e) Menyokong dan menentukan arah kepada fungsi Audit Dalam untuk memastikan keberkesanannya.<br>(f) Mempertimbangkan hasil dapatan yang ditimbulkan di dalam Laporan Audit Dalam atau lain-lain siasatan dalaman dan maklum balas daripada pengurusan, dan pengurusan menentukan tindakan pembetulan yang sepatutnya diperlukan. |
| **Jawatankuasa Pelaburan** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengawasi aktiviti pelaburan dana SSM dan memformulasikan garis panduan serta prosedur berkaitan pelaburan. |
| **Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan dan menyelia semua polisi yang berkaitan dengan sumber manusia di SSM berpandukan kepada Terma Rujukan yang disediakan. |
| **Lembaga Perolehan** | (a) Menimbang, menilai dan membuat keputusan bagi perolehan yang bernilai tidak melebihi RM100 juta yang ditetapkan dalam Pekeliling berkaitan.<br>(b) Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan SSM adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetuju terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan SSM.<br>(c) Memastikan sesuatu perolehan yang dikemukakan sebelum ia diluluskan adalah:<br>(i) diperlukan;<br>(ii) mengikut keutamaan;<br>(iii) berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan aktiviti; dan<br>(iv) untuk kegunaan rasmi.<br>(d) Memastikan kaedah perolehan adalah mematuhi peruntukan arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa.<br>(e) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender.<br>(f) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan. |
| **Jawatankuasa Tatatertib I** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional.<br><br>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat. |

| JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN | KETERANGAN |
|---|---|
| **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib I** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini. |
| **Jawatankuasa Tatatertib II** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi.<br><br>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat. |
| **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib II** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi terhadap keputusan Jawatankuasa ini. |
| **Jawatankuasa Tatatertib III** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.<br><br>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat. |
| **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib III** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini. |
| **Jawatankuasa Tatatertib IV** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan.<br><br>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat. |
| **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib IV** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini. |
| **Jawatankuasa Tatatertib V** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan.<br><br>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat. |
| **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib V** | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini. |

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SSM 2019-2023**

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SSM adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan oleh mantan YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. OACP SSM telah dilancarkan dengan rasminya pada 17 Disember 2019 oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBrs. Dr. Azman bin Hussin untuk menjadikan SSM bebas dan bersih dari gejala rasuah. Terdapat empat (4) bidang keutamaan dalam OACP SSM iaitu Tadbir Urus Korporat, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Penguatkuasaan Undang-Undang yang merangkumi 106 inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh Bahagian dan Seksyen dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2019 sehingga 2023. OACP SSM ini juga merupakan salah satu keperluan bagi memenuhi kriteria untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).

**SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) SSM**

SSM telah diiktiraf secara rasmi untuk melaksanakan SPAR oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM) pada 5 Oktober 2021. Sijil Pengiktirafan Malaysian Standard (MS) ISO 37001: 2016 SPAR telah disampaikan oleh pihak SIRIM kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi SSM dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz semasa Sambutan Hari Integriti SSM 2021 yang diadakan pada 7 Disember 2021.

**POLISI ANTIRASUAH SSM**

(a) Polisi ini dibangunkan dalam usaha untuk membanteras segala amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di SSM.

(b) Polisi ini disediakan bersama Garis Panduan Antirasuah yang terpakai untuk Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM, Pekerja SSM, Kelab Kebajikan dan Sukan SSM serta Pihak Ketiga yang berurusan dengan/ atau bagi pihak SSM.

**POLISI TIADA HADIAH SSM**

(a) Polisi ini dibangunkan untuk menghalang apa-apa tawaran, peruntukan dan penerimaan hadiah, faedah, derma dan kemudahan yang seumpamanya di mana perbuatan tersebut boleh dianggap sebagai rasuah jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tugas rasminya.

(b) Polisi ini disediakan bersama Garis Panduan Tiada Hadiah SSM yang terpakai untuk Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM, Pekerja SSM, Kelab Kebajikan dan Sukan SSM serta Pihak Ketiga yang berurusan dengan/ atau bagi pihak SSM.

**POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN SSM**

(a) Polisi ini disediakan bersama Garis Panduan Percanggahan Kepentingan SSM yang terpakai untuk Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM, Pekerja SSM, Kelab Kebajikan dan Sukan SSM serta Pihak Ketiga yang berurusan dengan/ atau bagi pihak SSM.

(b) Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM dan Pekerja SSM yang baharu dilantik akan diberikan Borang Akujanji Berkaitan Kerahsiaan Maklumat dan Percanggahan Kepentingan menerusi Pejabat Setiausaha Suruhanjaya atau Bahagian Modal Insan semasa melaporkan diri di SSM.

(c) Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM dan Pekerja SSM perlu mengisi Borang Akujanji Berkaitan Kerahsiaan Maklumat dan Percanggahan Kepentingan sekiranya terlibat dalam Mesyuarat/ Jawatankuasa yang membuat keputusan.

**BUKU KOD ETIKA SSM 2021**

Pada 7 Disember 2021, Buku Kod Etika SSM 2021 telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP bertempat di Menara SSM@Sentral. Buku ini merupakan penambahbaikan dan kesinambungan dari Buku Kod Etika SSM yang diterbitkan pada 2013 dan 2017 dengan peraturan, garis panduan dan polisi yang telah dikemas kini untuk dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga kerja SSM.

*PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT*

**PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUN 2021**

Sepanjang tahun 2021, pelbagai program kesedaran telah dianjurkan untuk meningkatkan kefahaman warga kerja SSM tentang integriti, OACP dan SPAR. Senarai program yang telah diadakan adalah seperti berikut:

(a) Taklimat Pelaksanaan SPAR oleh SIRIM STS Sdn Bhd kepada Pengarah Negeri/ Pengurus Cawangan telah dilaksanakan pada 11 Februari 2021 dan kepada Ketua Jabatan (Pengarah Bahagian dan Ketua Seksyen) pada 16 Februari 2021.

(b) Bengkel Audit Dalaman Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 37001: 2016 SPAR kepada Juruaudit Dalaman SPAR SSM telah diadakan pada 22 hingga 25 Februari 2021.

(c) Taklimat Pelaksanaan SPAR kepada Pekerja Bukan Eksekutif di Ibu Pejabat/ Pejabat Negeri/ Cawangan semasa latihan Program Skim Kenaikan Pangkat Bukan Eksekutif telah diadakan pada 17 Jun 2021.

(d) Pengauditan bagi Pensijilan MS ISO 37001: 2016 telah diadakan sebanyak dua (2) fasa di mana fasa 1 pada 2 hingga 3 Ogos dan Fasa 2 pada 1 hingga 3 September 2021 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd di setiap Bahagian/ Seksyen di Ibu Pejabat.

(e) Taklimat Pelaksanaan SPAR kepada Peserta Kursus Induksi SSM 2021 telah diadakan pada 8 September 2021.

(f) Bengkel Perisytiharaan Percanggahan Kepentingan dalam Dokumen Kawalan Pengurusan Kerja (DKPK) kepada Jawatankuasa Pelaksana dan Juruaudit Dalaman SPAR telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 Disember 2021.

(g) Penyerahan sijil MS ISO 37001: 2016 SPAR telah disampaikan oleh pihak SIRIM QAS International kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Pengerusi SSM dan majlis ini telah diadakan pada 7 Disember 2021 bertempat di Menara SSM@Sentral.

(h) Pelancaran Buku Kod Etika SSM 2021 dan taklimat mengenai ‘Bila Hadiah Menjadi Rasuah’ oleh Mantan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat SSM di Ibu Pejabat telah diadakan pada 7 Disember 2021 bertempat di Menara SSM@Sentral.

# PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

## PENGENALAN

Dalam konteks pengurusan risiko dan kawalan-kawalan dalaman yang lain, SSM telah mengguna pakai pendekatan yang diselaras dan diatur berasaskan kepada konsep *Three Lines of Defense* di mana pengurusan risiko bertindak sebagai perisai kedua di dalam pendekatan tersebut.

SSM telah melaksanakan Polisi dan Rangka Kerja *Enterprise Risk Management* (ERM) dan *Business Continuity Management* (BCM) bagi menggalakkan pengurusan risiko yang lebih proaktif dalam persekitaran operasi organisasi. Rangka kerja ini dibangunkan berpandukan kepada ISO 31000: 2018 (*Risk Management Guidelines*), ISO 22301: 2019 (*Societal Security - Business Continuity Management System Requirements*), ISO 22313: 2020 (*Security and Resilience – Business Continuity Management Systems – Guidance on the use of ISO 22301*) dan amalan-amalan terbaik industri.

## TANGGUNGJAWAB DAN PELAPORAN ERM DAN BCM

Secara umumnya, pelaporan ERM dan BCM di SSM mengguna pakai gabungan dua pendekatan iaitu *top-down* dan *bottom up* bagi memudahkan proses membuat keputusan.

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab dalam mewujudkan polisi dan rangka kerja ERM dan BCM yang bersesuaian, berbincang dan memberikan panduan terhadap perkara–perkara yang berkaitan dengan risiko-risiko utama atau isu-isu BCM. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) bagi pihak Anggota Suruhanjaya, bertanggungjawab untuk menyelia, menilai dan memastikan sistem ERM dan *Business Continuity Plan* (BCP) organisasi adalah efektif dan mencukupi. Tanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan Polisi dan Rangka Kerja ERM dan BCM secara holistik diletakkan di bawah bidang kuasa Pengurusan SSM melalui penubuhan *Management Level – Risk Management Committee* (ML-RMC).

## *ENTERPRISE RISK MANAGEMENT* (ERM)

ISO 31000: 2018 secara khususnya menyatakan keperluan pengurusan risiko yang efektif perlu diintegrasikan secara dinamik ke dalam persekitaran SSM melalui proses yang berstruktur supaya SSM berupaya bertindak balas terhadap sebarang perubahan yang berlaku. Proses tersebut akan meningkatkan kematangan amalan pengurusan risiko organisasi dan membantu proses membuat keputusan dengan lebih baik. Melalui pengurusan risiko yang berstruktur dan efektif, ianya dapat membantu organisasi mencapai visi atau objektif dengan jayanya.

### Menguruskan Risiko Melalui Rangka Kerja ERM

Tujuan Rangka Kerja ERM adalah untuk membantu organisasi dalam mengintegrasikan pengurusan risiko dengan memastikan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko dilaksanakan dalam usaha mengurus dan meminimumkan impak risiko yang telah dikenal pasti sekaligus mengambil peluang, sekiranya ada, ke atas sebarang risiko berkenaan. Skop rangka kerja ERM meliputi semua aktiviti, proses perniagaan, projek, perkhidmatan, sistem dan aset seperti rangka kerja di bawah:

**KERANGKA ERM**



## Fokus 1: Infrastruktur ERM

Infrastruktur ERM ialah tonggak utama dalam Rangka Kerja ERM dan merupakan asas kepada pelaksanaan ERM yang lebih efektif. Komponen utama infrastruktur ERM di SSM adalah:

| | |
|---|---|
| **Visi/ Teras Strategik/ Nilai-Nilai Korporat** | Menganalisa Visi/ Teras Strategik/ Nilai–Nilai Korporat SSM untuk menentukan sama ada risiko dalaman dan luaran yang dihadapi oleh SSM boleh menjejaskan pencapaian kepada Visi/ Teras Strategik/ Nilai–Nilai Korporat tersebut. |
| **Kepimpinan dan Komitmen** | Anggota Suruhanjaya hendaklah memastikan bahawa pemerkasaan dan pengagihan akauntabiliti ERM kepada pihak-pihak berkaitan adalah mencukupi bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan ERM yang berterusan dalam organisasi. |
| **Budaya Risiko** | ERM memerlukan kerjasama seluruh organisasi untuk mengurus dan melaporkan risiko. Komunikasi dan kesedaran adalah penting untuk membangunkan pemahaman yang sama berkaitan ERM serta mendapatkan komitmen daripada pekerja. |
| **Polisi ERM** | Polisi ERM akan menyelaraskan sumber-sumber dan tindakan ERM dengan strategi perniagaan dalam usaha memaksimumkan keberkesanan organisasi melalui pendekatan yang seragam. |
| **Struktur Pelaporan ERM dan Kekerapan** | Struktur pelaporan yang sesuai membolehkan pelaksana ERM dan pembuat keputusan menyampaikan pelan tindakan mereka kepada pihak-pihak yang berkepentingan. |
| **Peranan dan Tanggungjawab ERM** | Peranan dan tanggungjawab dapat ditentukan dalam mengenal pasti, mengurus, memantau, berkomunikasi dan melaporkan risiko dengan berkesan. |
| **Parameter Risiko** | Parameter risiko ialah petunjuk yang digunakan SSM sebagai panduan untuk mengukur risiko dan membenarkan perbandingan relatif yang signifikan terhadap kepentingan risiko yang berbeza. |
| **Prosedur ERM** | Prosedur ERM menyediakan panduan kepada pekerja SSM dalam menjalankan aktiviti dan pelaporan dengan lebih berstruktur. Rangka Kerja dan prosedur ERM SSM adalah berpandukan kepada ISO 31000: 2018 (*Risk Management Guidelines*). |
| **Automasi** | Sistem/ teknologi digunakan untuk menambah baik pelaksanaan dan pelaporan ERM dalam memastikan tindakan sewajarnya dapat diambil sebelum risiko berlaku. |

## Fokus 2: Mengintegrasikan ERM ke dalam Operasi SSM

Pengurusan risiko, seperti mana elemen lain dalam tadbir urus korporat, haruslah diintegrasikan ke dalam keseluruhan sistem pengurusan organisasi. Mengintegrasikan pengurusan risiko ke dalam organisasi ialah proses yang dinamik dan berulang dan harus disesuaikan dengan keperluan dan budaya organisasi berdasarkan lima (5) proses ERM seperti berikut:

**01**

**Skop, Konteks dan Kriteria**

- Rangka Kerja
- Objektif
- Keperluan

**02**

**Penilaian Risiko**

- Kenal Pasti
- Punca Utama
- Kawalan
- Impak

**03**

**Pembangunan Pelan Tindakan Risiko**

- Pemilik Risiko
- Rawatan Risiko
- PTR/ Pelan Mitigasi

**04**

**Petunjuk Risiko Utama**

- *Trending*
- *Predictive*

**05**

**Pemantauan dan Pembudayaan PTR**

- Memantau dan melapor secara berkala.

SSM melaksana dan mengintegrasikan proses ERM ke dalam operasi/ perkhidmatan utama SSM meliputi bidang–bidang berikut:

| | |
|---|---|
| **Perancangan Strategik** | Mengintegrasikan ERM ke dalam proses penyediaan pelan strategik untuk organisasi mengambil kira pelbagai faktor dalaman dan luaran yang akan mempengaruhi pelaksanaan pelan tersebut. |
| **Perancangan Perniagaan/ Belanjawan** | Pelan perniagaan dan belanjawan yang komprehensif dengan mengambil kira risiko utama akan memastikan sumber-sumber yang mencukupi diperuntukkan dalam fasa pelaksanaan aktiviti. |
| **Pembangunan Dasar** | Pembangunan dasar harus mengambil kira bagaimana risiko–risiko utama di SSM mempengaruhi dasar pada masa hadapan. |
| **Pelaburan/ Projek Baharu** | Mengintegrasikan ERM ke dalam pelaburan/ pengurusan projek adalah penting kerana tindakan yang betul dan mencukupi akan meningkatkan kesediaan SSM terhadap sebarang hasil/ perubahan (positif atau negatif) sepanjang fasa pelaburan/ projek baharu. |
| **Pembuatan Keputusan** | Memandangkan setiap keputusan mengandungi elemen risiko, justeru pemahaman tentang keseimbangan antara kesan risiko dan manfaat yang diperolehi daripada keputusan yang dibuat perlu diambil kira oleh semua pihak. |

*PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO*

| | |
|---|---|
| **Proses Pengoperasian** | Risiko yang dikenal pasti dan diuruskan di peringkat bawahan boleh meningkatkan tahap kecekapan operasi sesebuah organisasi. |
| **Pengurusan Prestasi** | Akauntabiliti dan tanggungjawab pekerja terhadap ERM akan bertambah baik dengan mengambil kira elemen ERM sebagai sebahagian daripada pengurusan prestasi. |
| **Analisis Data Insiden** | Mempunyai data dan maklumat insiden akan meningkatkan kebolehan untuk membuat jangkaan ke atas sesuatu risiko dan menyediakan masa yang mencukupi untuk memberikan amaran awal bagi membolehkan tindakan yang sewajarnya dapat diambil. |
| ***Risk Based Internal Audit*** | Hasil penilaian risiko boleh digunakan oleh Audit Dalam untuk melaksanakan Pelan Pengauditan dengan lebih cekap dan efektif mengikut keutamaan skop pengauditan berdasarkan kepada tahap risiko yang ditetapkan. |

## Fokus 3: Sokongan ERM

**SOKONGAN ERM**

**Penciptaan & Perlindungan Nilai**

Penambahbaikan secara berterusan ke atas polisi, rangka kerja dan/ atau prosedur ERM dapat memastikan ianya kekal relevan dengan persekitaran operasi organisasi yang sentiasa berubah.

**Rundingan & Komunikasi**

Saluran komunikasi yang berstruktur dan jelas bersama pihak–pihak berkepentingan dalaman dan luaran merupakan salah satu faktor penting untuk memastikan risiko-risiko dinilai dengan secukupnya dalam menentukan kewajaran dan impaknya kepada SSM.

**Pemantauan & Semakan**

Pemantauan dan semakan yang bersesuaian ke atas risiko–risiko organisasi akan meningkatkan kualiti pelaporan kepada pihak-pihak yang berkaitan, bergantung kepada tahap dan impak sesuatu risiko.

**Program Kesedaran & Latihan**

Kelestarian pelaksanaan ERM didukung oleh program pendidikan secara berterusan di semua peringkat SSM. Pemahaman terhadap tahap kesedaran di setiap peringkat pekerja akan menentukan kaedah dan pendekatan yang akan digunakan dalam program latihan ERM.

*PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO*

**DAYA TAHAN ORGANISASI - *BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT* (BCM)**

ISO 22301: 2019 mentakrifkan BCM/ Pengurusan Kesinambungan Perniagaan sebagai keupayaan organisasi untuk meneruskan penyampaian produk dan perkhidmatan dalam tempoh masa dan kapasiti yang ditetapkan semasa berlaku insiden/ gangguan perkhidmatan. ISO 22313: 2020 selanjutnya mentakrifkan BCM adalah proses melaksana dan mengekalkan kesinambungan perniagaan untuk mengelak kerugian serta bersedia untuk mencegah dan menguruskan sebarang gangguan dan bencana.

**Rangka Kerja BCM**

Rangka kerja BCM yang dibangunkan adalah untuk memastikan Pengurusan SSM mempunyai pendekatan yang mantap dan menyeluruh dalam kesinambungan perkhidmatan organisasi. Rangka kerja BCM yang kukuh menunjukkan bahawa SSM bersedia untuk bertindak balas secara efektif terhadap sebarang ancaman atau krisis pada bila-bila masa. Objektif rangka kerja ini adalah untuk menyediakan panduan kepada pihak Pengurusan SSM dalam:

(a) Menyedia dan menyelenggara BCP yang utuh dan realistik bagi tujuan pengurusan aktiviti kesinambungan perniagaan;

(b) Membolehkan fungsi-fungsi kritikal perkhidmatan dapat dipulihkan secepat mungkin; dan

(c) Memastikan perkhidmatan-perkhidmatan SSM kepada pelanggan sentiasa tersedia sementara tindakan bagi memenuhi keperluan-keperluan pekerja SSM tetap diteruskan.

Ilustrasi bagi Rangka Kerja BCM adalah seperti gambar rajah di bawah:




**Model *Plan-Do-Check-Act* (PDCA)**

Model *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) digunakan untuk mewujudkan, melaksana, mengendali, memantau, menyelenggara dan menambah baik keberkesanan Sistem BCM di SSM seperti di gambar rajah di bawah:



Model PDCA merangkumi perkara seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Rancangan (Menubuhkan)** | • Mewujudkan polisi kesinambungan perkhidmatan, objektif, sasaran, kawalan, proses dan prosedur yang relevan dalam menambah baik kesinambungan perkhidmatan untuk penyampaian hasil yang sejajar dengan polisi dan objektif keseluruhan organisasi.<br>• Menentukan matlamat dan objektif program.<br>• Menetapkan masa dan jadual.<br>• Mengenal pasti dan melatih pekerja.<br>• Membangunkan program kesedaran dan latihan.<br>• Mengenal pasti kawalan untuk semakan pengurusan dan audit. |
| **Lakukan (Melaksanakan & Mengendalikan)** | • Melaksana dan mengendalikan polisi, kawalan, proses dan prosedur berkaitan kesinambungan perniagaan.<br>• Mengambil dan melatih pekerja bagi pelaksanaan BCM.<br>• Menjadual dan melaksanakan *Business Impact Analysis* (BIA), penilaian risiko, aktiviti pembangunan strategi, latihan dan pengujian, mengemas kini senarai direktori dan *calling trees* serta aktiviti–aktiviti BCM yang lain.<br>• Melengkap dan mendokumenkan BCP, *Incident Response Plan* (IRP), *IT-Disaster Recovery Plan* (IT-DRP) dan dokumen–dokumen lain. |
| **Semak (Memantau & Mengulas)** | • Memantau dan menyemak pencapaian prestasi berbanding polisi dan objektif kesinambungan perniagaan, melaporkan keberhasilan kepada pihak pengurusan untuk semakan bagi menentukan dan meluluskan tindakan penambahbaikan dan pemulihan.<br>• Memberikan taklimat berkala kepada pihak pengurusan berkaitan pencapaian BCM.<br>• Mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan BCM berdasarkan isu yang dikenal pasti melalui semakan dan audit.<br>• Memulakan langkah untuk menangani isu–isu yang telah dikenal pasti. |
| **Tindakan (Mengekal & Menambah baik)** | • Mengekal dan menambah baik BCM melalui tindakan pembetulan yang diambil, berdasarkan hasil semakan dan penilaian semula pihak pengurusan terhadap skop BCM, polisi dan objektif kesinambungan perniagaan.<br>• Menentukan sama ada program BCM sejajar dengan polisi kesinambungan perniagaan dan objektif perkhidmatan.<br>• Melaksanakan aktiviti pembetulan bagi sebarang penyimpangan dan kelemahan sekiranya berlaku perubahan dalam BCM. |

**AKTIVITI UTAMA ERM DAN BCM PADA TAHUN 2021**

Pada tahun ini, inisiatif yang telah dijalankan oleh Seksyen Pengurusan Risiko melibatkan pelbagai pihak dan projek-projek di SSM, meliputi fungsi–fungsi berikut:

(a) Pengawasan;

(b) Advokasi;

(c) Pemudah cara koordinasi; dan

(d) Penasihat bebas/ semakan semula.

# PERNYATAAN AUDIT DALAM

## PENGENALAN

Seksyen Audit Dalam (SAD) memberikan jaminan objektif yang bebas serta khidmat nasihat yang dapat memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi SSM. SAD juga membantu SSM mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan disiplin di dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

## KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI

SAD berperanan sebagai satu fungsi bebas dan berobjektif dalam menjalankan tanggungjawabnya.

1 **Kebebasan** bermaksud bebas daripada keadaan yang mengancam keupayaan aktiviti audit dalam untuk menjalankan tanggungjawabnya secara tidak berat sebelah. Ketua SAD mempunyai capaian secara langsung dan tidak terhad kepada Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi.

2 **Objektiviti** bermaksud etika yang tidak berat sebelah dalam membuat penilaian aktiviti audit dalam. SAD hendaklah membuat penilaian seimbang dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan sendiri atau mana-mana pihak berkepentingan.

## PIAGAM DAN SKOP KERJA AUDIT DALAM

**Piagam Audit Dalam** merupakan satu dokumen rasmi yang menggariskan peranan SAD dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di SSM.

Berdasarkan piagam tersebut, semua aktiviti pengauditan tahunan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Skop kerja audit tahunan merangkumi perkara berikut:

(a) Mengkaji dan menilai kebolehpercayaan dan integriti maklumat kewangan dan operasi;

(b) Mengkaji dan menilai sistem yang dibangunkan oleh pihak pengurusan untuk memastikan kepatuhan terhadap polisi, pelan, prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan;

(c) Mengkaji dan menilai pengurusan aset meliputi perlindungan dan mengesahkan kewujudan aset;

(d) Mengkaji dan menilai keberkesanan sesuatu program dan aktiviti; dan

(e) Menjalankan aktiviti khusus berdasarkan arahan Anggota Suruhanjaya atau Pengurusan Tertinggi.

## POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2020) SSM

SAD telah diberi mandat oleh Anggota Suruhanjaya dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2020) SSM. Polisi Pemberi Maklumat Dalaman SSM ini merupakan penambahbaikan ke atas Dasar Pemberi Maklumat Dalaman SSM 2013 dan telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 3 September 2020.

Polisi ini bertujuan menggalakkan pekerja SSM dan pihak luar untuk menyalurkan sebarang salah laku atau kelakuan tidak wajar oleh pekerja, pengurusan SSM atau Anggota Suruhanjaya. Semua maklumat aduan dan identiti pemberi maklumat akan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat. Seseorang yang didapati membocorkan identiti atau informasi pemberi maklumat boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

**PERLINDUNGAN**

Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak didedahkan.

**PENYALURAN ADUAN**

Borang Aduan yang lengkap diisi boleh disalurkan melalui:

(a) E-mel ke alamat whistleblower@ssm.com.my; atau

(b) Serahan tangan ke alamat:
Ketua Seksyen Audit Dalam
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tingkat 19, Menara SSM@Sentral
No.7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

# ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

# **ANGGOTA** SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA


YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD


YBHG. DATO HJ. IBRAHIM BIN HJ. BAKI


YBRS. ENCIK SHAMSHAWAL AZRAAI BIN AHMAD


YBRS. PROF. DR. NORMAH BINTI HJ. OMAR


YBHG. DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ


YBRS. ENCIK MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR


YBRS. ENCIK TAN GIM TUAN


YBHG. DATUK SELVA KUMAR A/L MOOKIAH


YBRS. ENCIK AZIH BIN YUSOF

*ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA*

## YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 1 April 2020.**



Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perancangan Bandar dari University of Utah, Salt Lake City, USA dan Sarjana Perancangan Bandar dari University of Pennsylvania, Philadelphia, USA. Beliau juga merupakan pemegang diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sejak tahun 2002 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2019 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Februari 2020.

---

## YBHG. DATO HJ. IBRAHIM BIN HJ. BAKI

**YBhg. Dato Hj. Ibrahim bin Hj. Baki dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 17 April 2020.**



Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian LLB (Hons) dari University Wolverhampton pada tahun 1983 dan kelayakan profesional Barrister At Law (Lincoln's Inn), England, United Kingdom pada tahun 1984.

YBhg. Dato Hj. Ibrahim memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Undang-Undang di Petronas, Kuala Lumpur pada tahun 1984. Beliau pernah menjadi rakan pengasas di Tetuan Idris Buang, Ibrahim Baki & Co., Peguam Bela dan Peguam Cara, Sarawak dari tahun 1985 sehingga 1991. Beliau terlibat secara aktif dalam sektor korporat bermula tahun 1991 sehingga kini dan dilantik sebagai pengerusi dan pemegang saham di beberapa syarikat seperti Hubline Bhd., Supreme Consolidated Resources Berhad, Gegasan Sdn. Bhd., Warisan Kenyalang Sdn. Bhd., IBZ Corporation Sdn. Bhd., New Sarawak Tribune, Suara Sarawak dan Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Daya Builders Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat berkaitan Kerajaan. Selain itu, beliau turut terlibat secara aktif dalam pelbagai organisasi bukan kerajaan dan organisasi sosial kemasyarakatan.

---

## YBRS. ENCIK SHAMSHAWAL AZRAAI BIN AHMAD

**YBrs. Encik Shamshawal Azraai bin Ahmad dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 17 April 2020.**



Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Shariah) (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

YBrs. Encik Shamshawal Azraai merupakan peguam bela dan peguam cara serta rakan kongsi di Tetuan Ahmad Shahabudin & Co. sejak tahun 1999 sehingga sekarang. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM) pada tahun 2013 hingga 2015. Beliau juga terlibat secara aktif dalam bidang perundangan dan politik di Terengganu.

*ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA*

## YBRS. PROF. DR. NORMAH BINTI HJ. OMAR

**YBrs. Prof. Dr. Normah binti Hj. Omar telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2020.**



Beliau merupakan pengasas kepada Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), iaitu sebuah Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICoE) yang bersifat global dan diiktiraf serta dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Beliau turut merupakan Felo Penyelidik Kanan di ARI HICoE. Selain itu, beliau juga merupakan ahli kepada dua badan perakaunan profesional yang terkenal di peringkat global iaitu *Certified Practising Accountants* (CPA Australia) dan *Certified Management Accountants* (CMA Australia).

Bidang pengkhususan kajian beliau adalah Integriti Korporat, Tadbir Urus, Laporan Kewangan, Perakaunan Pengurusan, Kewangan Islam dan Kriminologi Kewangan Islam. Sebagai pendokong kepada pentafsiran kajian lapangan/ industri, YBrs. Prof. Dr. Normah telah menjalinkan banyak kerjasama dengan agensi kerajaan, badan profesional, pengawal selia, organisasi bukan kerajaan dan sektor korporat di dalam dan luar negara. Beliau juga telah berjaya menyelesaikan projek penyelidikan seperti Penaarafan Tadbir Urus Korporat bersama Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Sistem Penilaian Integriti Korporat bersama Institut Integriti Malaysia, Pematuhan & Keberkesanan Regim Anti Pengubahan Wang Haram bersama Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Kumpulan Jalinan Kerjasama Pegawai Pematuhan (CONG) dan Penilaian ke atas Organisasi Bukan Keuntungan bagi Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan bersama Pendaftar Pertubuhan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Antara bidang kepakaran beliau adalah termasuk Perakaunan Pengurusan & Laporan Kewangan, Tadbir Urus Korporat & Integriti Korporat dan Forensik Akaun & Kriminologi Kewangan.

YBrs.Prof. Dr. Normah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai artikel dan jurnal akademik terbitan Malaysia dan Antarabangsa. Beliau turut mengarang buku berkaitan tadbir urus korporat, integriti korporat dan kriminologi kewangan. Prof. Dr. Normah memperolehi BBA (Accounting) dari University of Iowa, USA, MBA (Accounting) daripada Southern Illinois University, USA dan Ph.D (Accounting) dari Manchester Metropolitan University U.K.

YBrs. Prof. Dr. Normah adalah Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pengasas *Asia-Pacific Management Accounting Association* (APMAA), sebuah persatuan profesional di peringkat antarabangsa yang berpangkalan di Jepun. Beliau juga dilantik sebagai Sarjana Jemputan atau Profesor di beberapa buah universiti di luar negara. Beliau turut menerima beberapa anugerah di peringkat antarabangsa untuk ARI antaranya, *Global Islamic Finance Awards* (GIFA by *UK Islamic Finance Agency – EdBiz consulting*) untuk enam tahun berturut-turut (2014 – 2019), *ASEAN Risk Educator Award* (2017 & 2018), *UK ACQ's Gamechanger Award* (2018), *Cambridge IFA Woman Awards* dan dinamakan sebagai *the Second Most Influential Women in Islamic Finance & Business in 2019*.

---

## YBHG. DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

**YBhg. Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuat kuasa 1 Mei 2020.**



Sebelum beliau dilantik sebagai KPE SSM, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE), Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya bertukar portfolio sebagai TKPE Perkhidmatan Korporat untuk tempoh di antara tahun 2016 hingga 2020. YBhg. Datuk Nor Azimah memulakan kerjaya pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguam cara dan seterusnya beliau telah berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa beliau berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Pengawalseliaan dan Standard di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000. Beliau

*ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA*

kemudiannya telah menyertai SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003.

YBhg. Datuk Nor Azimah mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif pembaharuan undang-undang dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan semakan perundangan di bawah seliaan SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemantauan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan beliau juga merupakan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

YBhg. Datuk Nor Azimah berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dari Institut Teknologi MARA (kini UiTM) dan memperolehi Sarjana Undang-Undang (LLM in Business Law), dari University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.

---

## YBRS. ENCIK MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR




Beliau mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam dengan penempatan pertama beliau di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ditempatkan semula di Kementerian Kewangan pada tahun 2006. Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, beliau pernah ditempatkan sebagai Timbalan Pengarah Belanjawan Negara dan Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

YBrs. Encik Mohd Sakeri adalah pemegang Sarjana Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Muda Ekonomi Matematik daripada Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Sijil Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Program dari University of Bologna, Itali.

---

## YBRS. ENCIK TAN GIM TUAN




Beliau memperolehi Sarjana Muda Ekonomi (B.EC) dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB.) dari Monash University, Melbourne, Australia.

YBrs. Encik Tan Gim Tuan merupakan seorang Penasihat Undang-undang. Beliau pernah berkhidmat sebagai peguam bela dan peguam cara di Tetuan Nazri Aziz & Wong serta Tetuan CW Loh & Associates. Pada masa ini beliau terlibat secara aktif dalam bidang perundangan dan komuniti di Selangor.

*ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA*

## YBHG. DATUK SELVA KUMAR A/L MOOKIAH




Beliau memegang Sarjana Muda Undang-Undang (LLB.) dari University of London, United Kingdom. YBhg. Datuk Selva Kumar merupakan seorang peguam bela dan peguam cara di Selva Mookiah & Associates. Beliau pernah menjadi rakan kongsi di Tetuan Badri, Kuhan Yeoh & Ghandi.

YBhg. Datuk Selva Kumar mempunyai 27 tahun pengalaman dalam memberikan perkhidmatan perundangan dan khidmat nasihat yang komprehensif di dalam dan luar negara. Anak guam beliau terdiri daripada syarikat-syarikat sendirian dan awam di Malaysia serta badan bukan kerajaan di semua sektor ekonomi. Beliau memberi khidmat nasihat berkaitan urusan korporat dan komersil yang melibatkan transaksi rentas sempadan, litigasi korporat dan sivil, perkhidmatan perundangan berkaitan *forensic audit* dan *due diligence*, usaha sama antarabangsa, penstrukturan korporat, perundangan hartanah, praktis perbankan, pematuhan kawal selia korporat, undang-undang percukaian, kesetiausahaan syarikat dan penyenaraian di Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau turut mewakili pelanggan dalam litigasi dan menyediakan perkhidmatan penyelesai pertikaian dan memberi nasihat dalam urusan yang berkaitan.

Selain itu, beliau merupakan seorang Notari Awam di Malaysia. Beliau juga dilantik sebagai Professor Adjung dan memangku jawatan Pengerusi di AIMST University.

## YBRS. ENCIK AZIH BIN YUSOF




Beliau mempunyai lebih 33 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam dan telah bertugas di beberapa agensi Kerajaan termasuk MAMPU.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Perunding ICT Sektor Awam (Pembangunan Sistem) bermula pada tahun 2015 hingga 2019 dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Ketua Perunding ICT (Pembangunan Sistem) dan Pengarah Bahagian Perundingan ICT, MAMPU. Bermula Julai 2020 sehingga kini, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (TKP) ICT merangkap Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (*Government Chief Information Officer* – GCIO) yang bertanggungjawab ke atas lima (5) dimensi utama perkhidmatan ICT Sektor Awam.

YBrs. Encik Azih diiktiraf sebagai pakar dalam bidang Pengurusan Pangkalan Data Sektor Awam bermula 2011 dan telah memberikan khidmat rundingan dalam projek utama ICT Sektor Awam melibatkan perkhidmatan digital bersepadu dan terangkum, perkhidmatan digital berpacukan data serta pengukuhan keupayaan dan kapasiti perkhidmatan skim teknologi maklumat.

YBrs. Encik Azih berkelulusan Sarjana Sains (Sains Komputer) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada tahun 2014 dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Komputer) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1985.

# PENGURUSAN EKSEKUTIF

# PENGURUSAN EKSEKUTIF

## YBHG. DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ




YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuat kuasa 1 Mei 2020. Sebelum pelantikan beliau sebagai KPE SSM, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) dan seterusnya bertukar portfolio sebagai TKPE (Perkhidmatan Korporat) untuk tempoh di antara tahun 2016 hingga 2020. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguam cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu beliau berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Pengawalseliaan dan Standard di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000. Beliau kemudiannya telah menyertai SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003.

YBhg. Datuk Nor Azimah berpengalaman luas dalam inisiatif pembaharuan undang-undang dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan semakan perundangan di bawah seliaan SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemantauan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).

YBhg. Datuk Nor Azimah berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang daripada Institut Teknologi MARA (kini UiTM) dan memperoleh Sarjana Undang-Undang (LLM in Business Law) dari University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.

***KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF***

*PENGURUSAN EKSEKUTIF*

## HAJI ROSLI HAJI AHMAD



Haji Rosli Haji Ahmad telah diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Perkhidmatan Korporat) berkuat kuasa 24 Jun 2020. Portfolio beliau termasuk mengawal selia fungsi Bahagian Modal Insan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti, Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan serta Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau telah memulakan kerjaya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan pada tahun 1990 sebagai Pengurus di Pejabat Cawangan Labuan. Pada tahun 1992, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat sebagai Ketua Unit Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana penubuhan SSM antara tahun 1999 hingga 2002. Pada tahun 2004 beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan kemudiannya Pengarah Negeri SSM Johor pada tahun 2006. Pada tahun 2008 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2014. Beliau telah dilantik sebagai TKPE (Perkhidmatan Korporat) pada 15 Mac 2015. Kemudian beliau berkhidmat sebagai TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Januari 2019. Haji Rosli Haji Ahmad berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

***TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN KORPORAT)***

*PENGURUSAN EKSEKUTIF*

## KHUZAIRI YAHAYA




Khuzairi Yahaya bertanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) bermula 15 Januari 2019. Beliau mengawal selia Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Bahagian Pematuhan Korporat dan Bahagian Siasatan. Beliau memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama Suruhanjaya Sekuriti, pada tahun 2003 beliau menjadi Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan ini diikuti oleh pelantikan beliau sebagai Pengarah Audit Dalam pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Beliau telah dilantik sebagai TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Mac 2015 di mana beliau menguruskan semua Bahagian di bawah Operasi di SSM. Khuzairi Yahaya memainkan peranan instrumental dalam inisiatif untuk mengtransformasikan sistem pendaftaran berasaskan kerangka utama kepada sistem berasaskan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu di bawah indikator 'Memulakan Perniagaan' bagi Laporan Bank Dunia '*Ease of Doing Business*'.

***TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KAWAL SELIA & PENGUATKUASAAN)***

*PENGURUSAN EKSEKUTIF*

## REZY IZWAN RAMLY



Rezy Izwan Ramly dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 24 Jun 2020. Portfolio di bawah penyeliaan beliau adalah Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise. Beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Ketua Seksyen Pendakwaan di Bahagian Pendakwaan dan Litigasi pada 2010. Kemudiannya pada Februari 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan Korporat dan seterusnya pada Julai 2017, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Siasatan. Beliau memulakan karier sebagai Pegawai Pendakwa Kanan di Suruhanjaya Sekuriti. Beliau mempunyai 13 tahun pengalaman dalam menjalankan pendakwaan jenayah berkaitan kes-kes jenayah kolar putih. Rezy Izwan Ramly berkelulusan LLB (Hons.) dari Universiti Warwick, United Kingdom pada tahun 1998 dan memperolehi Sijil Amalan Guaman (CLP) pada tahun 2000. Beliau juga merupakan *Certified Financial Investigator* (CFIs).

***TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENDAFTARAN & PERKHIDMATAN PERNIAGAAN)***

*PENGURUSAN EKSEKUTIF*

**AMIR AHMAD**



*Pengarah*
*Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran*

**AZNORASHIQ MOHAMED ZIN**



*Pengarah*
*Bahagian Siasatan*

**MUHAMAD FARIS OTHMAN**



*Pengarah*
*Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan*

**ZARINA ABDUL SAMAD**



*Pengarah*
*Bahagian Kewangan & Akaun*

**FARID AHMAD**



*Pengarah*
*Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat*

**NORHAIZA JEMON**



*Pengarah*
*Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan*

*PENGURUSAN EKSEKUTIF*

**SAMSIAH IBRAHIM**



*Pengarah*
*Bahagian Modal Insan*

**MOHAMAD AWI IBRAHIM**



*Pengarah*
*Bahagian Pematuhan Korporat*

**MOHAMMAD PERKASI**



*Pengarah*
*Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan*

**ZULKARNAIN ABD.WAHAB**



*Pengarah*
*Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi*

**ADZMAN AHMAD**



*Pengarah*
*Bahagian Pentadbiran & Fasiliti*

**ROZALIANA ZAKARIA**



*Pengarah*
*Bahagian Pendakwaan & Litigasi*

# **CARTA** ORGANISASI

- **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**
  - **Anggota Suruhanjaya**
    - **Seksyen Audit Dalam**
    - **Seksyen Pengurusan Risiko**
    - **Ketua Pegawai Eksekutif**
      - **Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat**
      - **Setiausaha Suruhanjaya**
      - **Seksyen Integriti & Disiplin**
      - **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif** (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan)
        - Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
        - Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
        - Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
        - Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise
      - **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif** (Perkhidmatan Korporat)
        - Bahagian Modal Insan
        - Bahagian Kewangan & Akaun
        - Bahagian Pentadbiran & Fasiliti
        - Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan
        - Seksyen Operasi Pejabat Negeri & Pengurusan UTC
      - **Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif** (Kawal Selia & Penguatkuasaan)
        - Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan
        - Bahagian Pendakwaan & Litigasi
        - Bahagian Pematuhan Korporat
        - Bahagian Siasatan

# STATISTIK UTAMA TAHUN 2021

## KADAR PEMATUHAN 2021

90%

## SYARIKAT

| Tempatan | Asing | Jumlah Syarikat Diperbadankan Tahun 2021 | Jumlah Syarikat Diperbadankan Sehingga 31 Disember 2021 |
|---|---|---|---|
| 45,394 | 22 | 45,416 | 1,434,323 |

## PERNIAGAAN*

| Milikan Tunggal | Perkongsian | Jumlah Perniagaan Didaftarkan Tahun 2021 | Jumlah Perniagaan Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2021 |
|---|---|---|---|
| 350,195 | 34,105 | 384,300 | 8,285,467 |

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

| Jumlah PLT Didaftarkan Tahun 2021 | Jumlah PLT Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2021 |
|---|---|
| 3,646 | 30,252 |

## INISIATIF PENGUATKUASAAN

| Pemeriksaan ke atas syarikat | Pemeriksaan ke atas perniagaan | Pemeriksaan ke atas perkongsian liabiliti terhad | Tindakan pendakwaan yang dibawa ke atas syarikat | Tindakan pendakwaan yang dibawa ke atas perniagaan |
|---|---|---|---|---|
| 329,171 | 194,935 | 4,478 | 6,507 | 375 |

* Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.

# PIAGAM PELANGGAN SSM

## Pencapaian Piagam Pelanggan Syarikat 2021

**Pemerbadanan Syarikat**
100%
1 Hari

**Kelulusan Permohonan Nama**
100%
1 Hari

**Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam**
100%
1 Hari

**Perubahan Pertukaran Nama Syarikat**
100%
1 Hari

**Pertukaran Status Syarikat**
100%
2 Hari

**Pendaftaran Gadaian**
100%
3 Hari

**Pendaftaran Prospektus**
100%
3 Hari

# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## PIAGAM PELANGGAN

**SSM mensasarkan 99% bagi semua piagam pelanggan yang telah ditetapkan bagi tahun 2021. Pencapaian sebenar bagi tahun 2021 adalah sebanyak 100%.**

Pencapaian Piagam Pelanggan Syarikat bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pemerbadanan Syarikat | 1 Hari | 100 |
| Kelulusan Permohonan Nama | 1 Hari | 100 |
| Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam | 1 Hari | 100 |
| Perubahan Pertukaran Nama Syarikat | 1 Hari | 100 |
| Pertukaran Status Syarikat | 2 Hari | 100 |
| Pendaftaran Gadaian | 3 Hari | 100 |
| Pendaftaran Prospektus | 3 Hari | 100 |

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Statistik pendaftaran PLT bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Permohonan Nama PLT | **10,001** | 10,503 | 11,170 |
| Pendaftaran PLT baharu | **3,694** | 3,858 | 3,783 |
| Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT | **82** | 86 | 112 |
| Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT | **28** | 25 | 48 |
| JUMLAH | **13,805** | 14,472 | 15,113 |

**PENDAFTARAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD TAHUN 2019 – 2021**




Statistik serah simpan pasca pendaftaran PLT bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Perakuan Tahunan | **6,878** | 7,721 | 7,363 |
| Perubahan maklumat PLT | **4,796** | 4,443 | 3,315 |
| Penukaran nama PLT | **222** | 241 | 160 |
| Rektifikasi | **101** | 96 | 97 |
| Permohonan lanjutan masa | **65** | 40 | 39 |
| JUMLAH | **12,062** | 12,541 | 10,974 |

**SERAH SIMPAN PASCA PENDAFTARAN PLT TAHUN 2019-2021**



*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## *MALAYSIA CORPORATE IDENTITY* (MyCoID)

Permohonan yang diterima melalui sistem MyCoID pada tahun 2021 adalah sebanyak 642,590 berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 635,878. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6,712 permohonan atau 1.06%.

Pada tahun 2021, sebanyak 45,446 syarikat telah diperbadankan melalui sistem MyCoID yang menunjukkan peningkatan sebanyak 1,667 atau 3.80% berbanding 43,799 pada tahun 2020.

Statistik MyCoID bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Permohonan nama syarikat** | **72,345** | 70,582 | 81,297 |
| **Pemerbadanan syarikat** | **45,446** | 43,779 | 46,821 |
| **Pelantikan setiausaha syarikat pertama** | **45,238** | 43,783 | 46,856 |
| **Penyata perumpukan syer** | **43,065** | 40,069 | 43,301 |
| **Daftar anggota** | **126,156** | 122,894 | 127,621 |
| **Serah simpan perlembagaan syarikat serta *e-stamping*** | **6,582** | 6,746 | 6,380 |
| **Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar** | **55,256** | 57,923 | 69,406 |
| **Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat** | **204,254** | 213,466 | 253,008 |
| ***Reassignment of company secretary*** | **27,636** | 27,455 | 30,669 |
| **Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian** | **16,612** | 9,181 | 6,155 |
| **JUMLAH** | **642,590** | 635,878 | 711,514 |

### STATISTIK MyCoID TAHUN 2019 – 2021



**_MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM_ (MBRS)**

Sepanjang tahun 2021 sejumlah 433,555 permohonan serah simpan Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan (PK) dan Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK telah diterima. Berikut merupakan pecahan kepada serah simpan yang diterima melalui MBRS bagi tempoh 2019 hingga 2021:

| PERKHIDMATAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Penyata Tahunan bagi syarikat yang mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)** | **392,703** | 478,090 | 467,539 |
| **Penyata Tahunan bagi syarikat yang tidak mempunyai saham (seksyen 68 AS 2016)** | **1,536** | 1,939 | 1,772 |
| **Penyata Tahunan bagi syarikat asing (seksyen 576 AS 2016)** | **445** | 438 | 441 |
| **Penyata Tahunan bagi tiada pertukaran maklumat (seksyen 68 AS 2016)** | **17,371** | 26,275 | 4,314 |
| **JUMLAH** | **412,055** | 506,742 | 474,066 |

| PERKHIDMATAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Penyata Kewangan – Beraudit (seksyen 244 AS 2016)** | **5,262** | 4,660 | 3,697 |
| **Penyata Kewangan – Tidak beraudit (seksyen 267(2) AS 2016)** | **1,106** | 903 | 655 |
| **_Certificate for Exempt Private Company_ (seksyen 260 AS 2016)** | **10,763** | 12,352 | 14,098 |
| **JUMLAH** | **17,131** | 17,915 | 18,450 |

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Permohonan pengecualian daripada penyatuan tahun kewangan anak syarikat asing dengan syarikat induk (seksyen 247(5) AS 2016)** | **16** | 55 | 47 |
| **Permohonan pengecualian dari serahan PK dalam format XBRL (seksyen 604(2) AS 2016)** | **1** | 4 | 12 |
| **Permohonan pengecualian untuk menyerah PK oleh syarikat asing (seksyen 575(7) AS 2016)** | **2** | 1 | 11 |
| **Permohonan pelepasan dari keperluan kandungan laporan pengarah (seksyen 255(1) AS 2016)** | **2** | 3 | 16 |
| **Permohonan pelepasan dari keperluan seperti pembentangan dan kandungan PK (seksyen 255(1) AS 2016)** | **0** | 1 | 0 |
| **Permohonan lanjutan masa untuk edaran PK (seksyen 259(2) AS 2016)** | **4,245** | 865 | 849 |
| **Permohonan lanjutan masa untuk serah simpan PK (seksyen 259(2) AS 2016)** | **0** | 1 | 7 |
| **Permohonan lanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan (seksyen 340(4) AS 2016)** | **96** | 35 | 19 |
| **Permohonan lanjutan masa serah simpan PT (seksyen 609(2) AS 2016)** | **7** | 2 | 1 |
| **Permohonan kepada Menteri berkaitan dengan PK atau PT seksyen 247(8) AS 2016, seksyen 38E ASSM 2001** | **0** | 0 | 1 |
| **JUMLAH** | **4,369** | 967 | 963 |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Statistik permohonan Pengurusan Korporat bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2), 340 dan 22(5)(b) AS 2016 | **5,833** | 2,729 | 2,072 |
| Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan Penyata Kewangan Beraudit dan Laporan Pengarah di bawah seksyen 253(2) dan 255(1) AS 2016 | **14** | 40 | 98 |
| Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016 | **56** | 21 | 37 |
| Permohonan pengecualian *(waiver)* bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016 | **13** | 17 | 28 |
| Serah simpan *initial* tawaran awam, prospektus ringkas dan dokumen lain yang berkaitan | **1,501** | 1,228 | 1,134 |
| Obligasi pengarah perbadanan peminjam untuk serah simpan Laporan Suku Tahunan | **51** | 60 | 70 |
| JUMLAH | **7,468** | 4,095 | 3,439 |

## SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Statistik permohonan penubuhan SBMJ yang memerlukan kelulusan Menteri bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti jadual di bawah:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya | **56** | 44 | 55 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk menggugurkan perkataan 'Berhad' | **3** | 3 | 4 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk memiliki/ mencagar dan menjual tanah/ hartanah | **52** | 34 | 53 |
| Permohonan kelulusan Menteri bagi pelantikan pengarah baharu | **384** | 425 | 425 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai | **19** | 11 | 17 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **65** | 62 | 70 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | **8** | 2 | 9 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk memegang milik penuh anak syarikat | **2** | 5 | 0 |
| JUMLAH | **589** | 586 | 633 |

Statistik permohonan penubuhan SBMJ yang memerlukan kelulusan Pendaftar bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti jadual di bawah:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad' | **47** | 27 | 35 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar bagi pelantikan pengarah baharu | **462** | 601 | 828 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai | **15** | 11 | 10 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **37** | 23 | 33 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | **17** | 4 | 7 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk memegang milik penuh anak syarikat | **2** | 1 | 2 |
| JUMLAH | **580** | 667 | 915 |

## SKIM KEPENTINGAN

Statistik pendaftaran Skim Kepentingan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| KATEGORI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Kelab Golf dan Rekreasi** | **72** | 72 | 72 |
| **Kelab melalui Saham** | **22** | 22 | 22 |
| **Kelab Rekreasi** | **36** | 36 | 36 |
| **Kongsimasa** | **29** | 29 | 29 |
| **Marina** | **10** | 10 | 10 |
| **Taman Memorial** | **23** | 22 | 21 |
| **Kongsitani** | **14** | 14 | 14 |
| **Peralatan** | **4** | 4 | 4 |
| **Hartanah** | **11** | 10 | 10 |
| **Hibrid** | **2** | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **223** | 219 | 218 |

**PENDAFTARAN SKIM KEPENTINGAN BAGI TAHUN 2019 – 2021**




Statistik pencapaian piagam pelanggan syarikat dan jumlah dokumen berdaftar Skim Kepentingan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti jadual di bawah:

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PENCAPAIAN (%) | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Prospektus & Prospektus Tambahan** | **3 Hari** | **100** | **120** | **91** | **180** |
| **Penyata Tahunan Skim** | **7 Hari** | **100** | **116** | **94** | **100** |

Sejumlah 120 pendaftaran prospektus dan prospektus tambahan pada tahun 2021 berbanding 91 pendaftaran prospektus dan prospektus tambahan telah diterima pada tahun 2020. Manakala pada tahun 2021, SSM menerima sebanyak 116 serah simpan Penyata Tahunan Skim Kepentingan berbanding 94 serah simpan Penyata Tahunan Skim Kepentingan pada tahun 2020.

## PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia penamatan atau penggulungan skim secara teratur seperti skim yang tidak aktif tetapi masih belum ditamatkan dengan sewajarnya, skim bermasalah yang tidak lagi boleh diteruskan atau tidak lagi menguntungkan atau skim yang menanggung kerugian. SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar penamatan atau penggulungan skim berkenaan mematuhi peruntukan undang-undang.

Statisitk status Skim Kepentingan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| STATUS | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Aktif** | **96** | 146 | 144 |
| **Tidak aktif dan dalam proses penamatan** | **73** | 30 | 27 |
| **Ditamatkan** | **50** | 42 | 40 |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## GADAIAN

Jumlah pendaftaran gadaian bagi tahun 2021 (serahan borang melalui kaunter dan dalam talian melalui MyCoID 2016) adalah sebanyak 17,615. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 16.67% berbanding dengan jumlah pendaftaran gadaian pada tahun 2020 (21,139).

Jumlah pendaftaran pelepasan gadaian bagi tahun 2021 adalah sebanyak 10,258. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 40% berbanding dengan jumlah pendaftaran pelepasan gadaian pada tahun 2020 (17,001).

Statistik pendaftaran gadaian dan pendaftaran pelepasan gadaian bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

**PENDAFTARAN GADAIAN**




**PENDAFTARAN PELEPASAN GADAIAN**




| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Pendaftaran Gadaian** | **17,615** | 21,139 | 22,667 |
| **Pendaftaran Pelepasan Gadaian** | **10,258** | 17,001 | 9,467 |

## PENGGULUNGAN SYARIKAT

Tahun 2021 merekodkan sejumlah 2,112 syarikat telah digulungkan berbanding dengan 2,834 syarikat pada 2020. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 25%. Manakala jumlah syarikat yang dibubarkan pada tahun 2021 adalah 1,634 berbanding dengan 1,483 syarikat pada 2020. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10%.

| KATEGORI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Syarikat yang digulungkan** | **2,112** | 2,834 | 2,930 |
| **Syarikat yang dibubarkan** | **1,634** | 1,483 | 1,535 |

## PEMBUBARAN SYARIKAT

Bilangan syarikat yang dibubarkan melalui proses pembubaran juga telah menurun daripada 57,365 pada 2020 kepada 30,464 pada 2021 menunjukkan penurunan sebanyak 54%. Daripada jumlah ini, 19,021 syarikat telah dibubarkan melalui pembubaran permohonan manakala 11,443 adalah melalui Inisiatif Pendaftar di bawah seksyen 68(8) AS 2016.

| KATEGORI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Syarikat yang dibubarkan** | **30,464** | 57,365 | 56,712 |

## PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2021, jumlah permohonan Pengurusan Aset Syarikat Bubar yang merangkumi permohonan di bawah seksyen 556, 557 dan 558 AS 2016 mencatatkan kenaikan sebanyak 27.11% daripada 225 permohonan pada tahun 2020 kepada 286 permohonan pada tahun 2021.

### Seksyen 556 AS 2016

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, permohonan kepada Pendaftar untuk bertindak sebagai wakil syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 mencatatkan penurunan sebanyak 28.85%, iaitu daripada 52 permohonan pada tahun 2020 kepada 37 permohonan pada tahun 2021.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

**Seksyen 557 AS 2016**

Permohonan untuk peletakhakan statutori aset (wang tunai) kepada Pendaftar di bawah seksyen 557 AS 2016 pula telah mencatatkan kenaikan sebanyak 47.31% iaitu daripada 167 permohonan pada tahun 2020 kepada 246 permohonan pada tahun 2021.

**Seksyen 558 AS 2016**

SSM menerima tiga (3) permohonan untuk pembelian aset yang terletakhak pada Pendaftar menurut seksyen 558 AS 2016 sepanjang tahun 2021 berbanding enam (6) permohonan pada tahun 2020 dengan mencatat penurunan sebanyak 50%.

**Pengurusan Aset Syarikat Bubar**

Statistik permohonan yang diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016** | **37** | 52 | 39 |
| **Peletakhakkan aset di bawah seksyen 557 AS 2016** | **246** | 167 | 58 |
| **Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016** | **3** | 6 | 4 |
| **JUMLAH** | **286** | 225 | 101 |

**MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT**

SSM telah menguatkuasakan Bahagian III, Penggal 8, Sub bahagian 1 & 2 AS 2016 yang berkaitan dengan Mekanisme Penyelamat Korporat (CRM) yang terdiri daripada Perkiraan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM) pada 1 Mac 2018.

CVA dan JM membenarkan syarikat yang berdepan dengan masalah kewangan direhabilitasikan atau mencapai satu persetujuan penyelesaian hutang syarikat secara keseluruhan atau sebahagiannya.

CVA adalah suatu proses penstrukturan semula hutang syarikat tanpa memerlukan persetujuan Mahkamah. Manakala JM pula adalah suatu proses penyusunan semula hutang syarikat yang dikendalikan pengurus kehakiman yang dilantik oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, JM memerlukan pengawasan sepenuhnya oleh Mahkamah.

Sejak CRM dikuatkuasakan sehingga Disember 2021, sebanyak empat (4) permohonan telah difailkan di Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah CVA. Daripada jumlah itu, satu (1) permohonan telah dibuat pada tahun 2019 dan 2020 dan dua (2) permohonan bagi tahun 2021.

Daripada kesemua permohonan yang telah dimohon, semua cadangan penstrukturan hutang telah diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham syarikat.

Untuk JM pula, sebanyak 25 buah syarikat telah memfailkan permohonan ke Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah JM pada tahun 2021 di mana sebanyak 12 buah syarikat telah mendapat Perintah JM daripada Mahkamah. Sementara itu, enam (6) buah syarikat telah dilepaskan daripada JM.

**Pengurusan Kehakiman**

Statistik permohonan yang diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Permohonan Pengurusan Kehakiman di Mahkamah** | **25** | 36 | 9 |
| **Perintah Pengurusan Kehakiman diberikan *(Application Granted)*** | **12** | 11 | 4 |
| **Perintah Pengurusan Kehakiman dilepaskan *(Discharged Order)*** | **6** | 4 | 4 |

**Perkiraan Sukarela Korporat**

Statistik permohonan yang diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Permohonan Perkiraan Sukarela Korporat** | **2** | 1 | 1 |
| **Cadangan Penstrukturan diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham** | **2** | 1 | 1 |
| **Cadangan Penstrukturan tidak diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham** | **0** | 0 | 0 |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (Perkhidmatan Kaunter)

Pencapaian piagam pelanggan bagi tahun 2021 adalah seperti di bawah:

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 1 Jam | 97.14 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1) | 15 Minit | 100.00 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B) | 1 Jam | 99.60 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 15 Minit | 96.81 |

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (ezBiz *Online*)

Pencapaian piagam pelanggan bagi tahun 2021 adalah seperti di bawah:

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 1 hari bekerja | 75.00 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1) | *Auto approve* | 100.00 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B) | 1 hari bekerja | 78.00 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 1 hari bekerja | 96.00 |

## PERKHIDMATAN EZBIZ *ONLINE*

ezBiz *Online* adalah perkhidmatan pendaftaran perniagaan dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk membolehkan pengguna mendaftarkan perniagaan baharu, memperbaharui pendaftaran perniagaan, mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan, menamatkan perniagaan dan bayaran kompaun di bawah APP 1956.

Pada tahun 2021, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap sistem ezBiz *Online* yang membolehkan 95% transaksi pendaftaran perniagaan dilaksanakan secara dalam talian.

Statistik transaksi ezBiz *Online* bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti jadual di bawah:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| Pendaftaran Akaun Pengguna | 442,044 | 491,741 |
| Pendaftaran Perniagaan Baharu | 383,581 | 390,753 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan | 172,413 | 128,899 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan | 20,118 | 8,815 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan | 526,571 | 391,915 |
| JUMLAH | 1,544,727 | 1,412,123 |

## KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Statistik transaksi pendaftaran perniagaan melalui kaunter bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu | 846 | 12,934 | 24,647 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan | 2,281 | 82,387 | 106,513 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan | 1,371 | 15,272 | 25,924 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan | 2,044 | 46,751 | 56,338 |
| JUMLAH | 6,542 | 157,344 | 213,422 |

## SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) telah dijenamakan semula kepada Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) bagi membolehkan golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 termasuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/ IPTS) sepenuh masa mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah APP 1956.

Berkuat kuasa pada 4 Februari 2021, SPPP ditambah baik dengan membolehkan Usahawan Kumpulan B40 termasuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta sepenuh masa mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah APP 1956 tanpa dikenakan fi untuk pendaftaran dan maklumat perniagaan.

SPPP diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan daripada golongan usahawan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan, menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan seharian mereka seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Di bawah SPPP, golongan yang telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah layak menikmati insentif pengecualian fi pendaftaran sebanyak RM30.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama sendiri seperti di kad pengenalan atau RM60.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama tred termasuk cetakan maklumat perniagaan sebanyak RM10.00. Pembaharuan dan pendaftaran cawangan jika ada dikenakan bayaran seperti biasa.

Jumlah pendaftaran SPPP bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| KATEGORI | PENDAFTARAN |
|---|---|
| **Usahawan B40** | **17,908** |
| **Pelajar** | **8,394** |
| **JUMLAH** | **26,302** |

Pelbagai usaha dijalankan oleh SSM bagi mempromosikan SPPP, antaranya adalah hebahan di media sosial rasmi SSM, sesi wawancara bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan penganjuran taklimat secara dalam talian menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi dan badan–badan yang mentadbir usahawan B40 sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa. SSM Pejabat Negeri dan Cawangan di seluruh Malaysia juga tidak terkecuali dalam aktiviti mempromosikan SPPP ini.

Antara program taklimat berhubung inisiatif SPPP yang telah dianjurkan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

| ORGANISASI | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) | 18 Januari 2021 | **25** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 18 Februari 2021 | **45** |
| Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) *Radio Spectrum Assignment Department* (RSAD) | 19 Februari 2021 | **30** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 23 Februari 2021 | **55** |
| Desamall @ Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) | 24 Februari 2021 | **25** |
| Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) | 1 Mac 2021 | **20** |
| Yayasan Komuniti Negara (YKN) | 2 Mac 2021 | **20** |

| ORGANISASI | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 2 Mac 2021 | **48** |
| Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) | 3 Mac 2021 | **37** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 4 Mac 2021 | **34** |
| Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) | 10 Mac 2021 | **270** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 11 Mac 2021 | **23** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 16 Mac 2021 | **19** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 18 Mac 2021 | **40** |
| Universiti Kuala Lumpur (UniKL) | 19 Mac 2021 | **60** |
| *Moc Prints Sdn Bhd* (PENJANA) | 22 Mac 2021 | **15** |
| Kementerian Sumber Manusia | 25 Mac 2021 | **27** |
| Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Wilayah Persekutuan | 26 Mac 2021 | **30** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 30 Mac 2021 | **16** |
| Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) | 8 April 2021 | **34** |
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 9 April 2021 | **60** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 15 April 2021 | **18** |
| GIATMARA Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur | 19 April 2021 | **30** |
| Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur | 20 April 2021 | **21** |

| ORGANISASI | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 20 April 2021 | **44** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 27 April 2021 | **18** |
| *Applied Energy Solutions Sdn Bhd* (PENJANA) | 30 April 2021 | **15** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 25 Mei 2021 | **48** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 27 Mei 2021 | **42** |
| *Peoples System Consultancy* (PSC) | 10 Jun 2021 | **49** |
| Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD CORP) | 10 Jun 2021 | **25** |
| GerakWanis | 14 Jun 2021 | **30** |
| Kolej Komuniti Hulu Langat | 15 Jun 2021 | **49** |
| GIATMARA | 21 Julai 2021 | **60** |
| GIATMARA | 26 Julai 2021 | **60** |
| Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 29 Oktober 2021 | **50** |

## SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

Skim ini mula diperkenalkan pada 23 Oktober 2012 dikenali sebagai Insentif OKU 2012 dan telah dijenamakan kepada S1O1P pada 5 Januari 2017. Skim ini bertujuan memberi fokus serta galakan kepada golongan istimewa untuk menyertai bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang dan seterusnya mempertingkatkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan. Permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan tahunan adalah terhad kepada satu (1) perniagaan sahaja.

Statistik pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan bagi S1O1P yang diterima pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti di bawah:

| TAHUN | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| **Pendaftaran Perniagaan** | **1,752** | 2,128 |
| **Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan** | **1,593** | 2,550 |

## KAUNTER PERKHIDMATAN SSM DI KPDNHEP PUTRAJAYA

Statistik transaksi yang diterima di kaunter perkhidmatan SSM, KPDNHEP Putrajaya bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **546** | 23,987 | 30,801 |

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – KUALA LUMPUR DAN PERLIS

Statistik transaksi yang diterima di UTC Kuala Lumpur dan Perlis bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| UTC | 2021 | | 2020 | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN |
| **Kuala Lumpur** | **-** | **780** | - | 80,804 | - | 183,903 |
| **Perlis** | **940** | **118** | 696 | 21,495 | 886 | 14,412 |

## PERKHIDMATAN EZBIZ KIOSK

Statistik transaksi yang diterima di ezBiz Kiosk bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Pembayaran Kompaun** | ***279** | 45,306 | 145,157 |
| **Pembaharuan Perniagaan** | **130,822** | 216,844 | 355,129 |
| **Pembekalan Maklumat Perniagaan** | **119,360** | 187,165 | 234,658 |
| **JUMLAH** | **250,461** | 449,315 | 734,944 |

*Pengguna menggunakan perkhidmatan *online* berbanding kiosk semasa pandemik.

## PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SECARA DALAM TALIAN KEPADA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN (KJAKP)

Pembekalan maklumat korporat secara dalam talian kepada KJAKP telah diperkenalkan pada 25 September 2018. Ianya merupakan satu (1) inovasi yang bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada KJAKP dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini melalui aplikasi dalam talian.

Pakej-pakej yang diperkenalkan kepada KJAKP adalah:

| PAKEJ | KETERANGAN |
|---|---|
| **PAKEJ 1** | - Profil syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan |
| **PAKEJ 2** | - Profil syarikat DENGAN maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan |
| **PAKEJ 3** | - Profil lengkap syarikat dan imej dokumen TANPA pengesahan<br>- Hanya digunakan untuk tujuan **siasatan** dan **mahkamah** SAHAJA |
| **PAKEJ *'ONE OFF'*** | - Profil lengkap syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan<br>- Tempoh sah laku akses adalah selama lima (5) hari dan carian maklumat korporat maksimum terhad kepada 50 carian sahaja |

Jumlah agensi (KJAKP) yang berdaftar sebagai pengguna dan menggunakan aplikasi secara dalam talian:

| TAHUN | AGENSI |
|---|---|
| **2021** | **206** |
| **2020** | 226 |
| **2019** | 291 |

Jumlah pengguna berdasarkan pakej yang diperkenalkan:

| TAHUN | PAKEJ 1 | PAKEJ 2 | PAKEJ 3 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **2021** | **30** | **85** | **153** | **268** |
| **2020** | 36 | 77 | 184 | 297 |
| **2019** | 34 | 151 | 353 | 538 |

Statistik penggunaan KJAKP mengikut pakej:

| TAHUN | PAKEJ 1 | PAKEJ 2 | PAKEJ 3 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **2021** | **27,146** | **157,610** | **258,842** | **443,598** |
| **2020** | 26,675 | 41,094 | 229,796 | 297,565 |
| **2019** | 1,283 | 12,932 | 19,884 | 34,099 |

## PERKHIDMATAN *DROP BOX*

Bagi membantu komuniti peniaga dan sektor korporat melaksanakan serah simpan dengan mengikut SOP yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh PKP, SSM telah memperkenalkan tempahan temujanji secara dalam talian, serah simpan dokumen/ permohonan secara dalam talian dan perkhidmatan *Drop Box*.

Inisiatif perkhidmatan *Drop Box* telah mula diperkenalkan pada 13 Mei 2020 dan diteruskan pada tahun 2021 melibatkan semua pejabat SSM. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 186,114 dokumen telah diterima melalui perkhidmatan ini.

| BULAN | JUMLAH |
|---|---|
| **Januari** | 35,557 |
| **Februari** | 30,822 |
| **Mac** | 13,035 |
| **April** | 6,768 |
| **Mei** | 23,374 |
| **Jun** | - |
| **Julai** | - |
| **Ogos** | - |
| **September** | 13,560 |
| **Oktober** | 44,687 |
| **November** | 9,104 |
| **Disember** | 9,207 |
| **JUMLAH** | **186,114** |

### JUMLAH DOKUMEN DITERIMA MELALUI PERKHIDMATAN *DROP BOX* TAHUN 2021



**PENGURUSAN PERTANYAAN DAN ADUAN PELANGGAN MELALUI PUSAT PANGGILAN SSM**

Sepanjang tahun 2021, SSM telah merekodkan sebanyak 484,015 transaksi pertanyaan pelanggan yang diterima melalui dua (2) platform utama SSM iaitu panggilan telefon dan juga e-mel. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 10.32% berbanding tahun sebelumnya.

Statistik transaksi pertanyaan dan aduan pelanggan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

| TAHUN | PANGGILAN TELEFON | E-MEL | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| **2021** | **290,515** | **193,500** | **484,015** |
| **2020** | 310,648 | 128,087 | 438,735 |
| **2019** | 186,194 | 92,244 | 278,438 |

Lima (5) pertanyaan tertinggi yang diterima oleh Pusat Panggilan SSM adalah seperti berikut:

(a) Pertanyaan berkaitan permohonan pendaftaran perniagaan/ perubahan/ pembaharuan perniagaan secara dalam talian melalui sistem ezBiz *Online*;

(b) Pertanyaan am berkaitan tatacara pendaftaran perniagaan;

(c) Pertanyaan berkaitan status serah simpan dokumen berkanun syarikat;

(d) Pertanyaan berkaitan operasi SSM; dan

(e) Pertanyaan berkaitan isu-isu teknikal yang dihadapi semasa menggunakan e-perkhidmatan SSM.

**DATA MAKLUMAT KORPORAT DAN PERNIAGAAN (CBID)**

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti di bawah:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **137** | 170 | 154 |

**SSM BIZTRUST**

Dalam usaha untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas pengesahan melalui logo atau *seal* SSM BizTrust sedia ada, SSM telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Kod QR SSM BizTrust di mana maklumat asas sesebuah entiti perniagaan boleh diakses dengan hanya menggunakan satu (1) imbasan. Kod QR SSM BizTrust atau *business starter kit* ini telah diperkenalkan pada 31 Mac 2021 dan berfungsi sebagai pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.

Sebagai permulaan, penawaran Kod QR SSM BizTrust telah diberikan kepada semua perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP 1956 melalui portal SSM ezBiz *Online*. Kod QR SSM BizTrust ini akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status serta alamat URL perniagaan apabila diimbas melalui aplikasi mudah alih rasmi SSM iaitu MySSM. Pelaksanaan selanjutnya Kod QR SSM BizTrust ke atas entiti perniagaan yang berdaftar di bawah AS 2016 dan APLT 2012 akan dibangunkan dan diperluaskan secara berperingkat. Sejak pengenalan SSM BizTrust, sebanyak 820,753 entiti perniagaan telah berdaftar dan statistik pendaftaran mengikut tahap adalah seperti berikut:

| TAHAP | PENDAFTARAN |
|---|---|
| **T1 - Prinsip Pendaftaran[1]** | 4,307 |
| **T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pendaftaran Perniagaan – Pemilikan Tunggal** | 254,096 |
| **T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pendaftaran Perniagaan – Perkongsian** | 24,000 |
| **T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan** | 538,015 |
| **T2 - Tahap 1 + Prinsip Privasi[2] atau Prinsip Keselamatan[3]** | 59 |
| **T3 - Tahap 1 + Prinsip Privasi dan Prinsip Keselamatan** | 276 |
| **JUMLAH** | **820,753** |

**Nota:**

1 Entiti berdaftar dan mempunyai kredibiliti yang baik dengan SSM serta mematuhi amalan perniagaan selari dengan Prinsip Pendaftaran SSM BizTrust.

2 Entiti memberi jaminan serta komitmen bahawa sistem/ portal mampu melindungi privasi para pelanggan selari dengan Prinsip Privasi SSM BizTrust.

3 Entiti memberi jaminan serta komited untuk melindungi keselamatan sistem/ portal selari dengan ketetapan Prinsip Keselamatan SSM BizTrust.

## KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

Jumlah enkuiri diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **173** | 141 | 42 |

## PERKHIDMATAN SSM e-INFO

Jumlah transaksi diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **2,065,207** | 2,164,924 | 1,971,389 |

## PERKHIDMATAN MyDATA-SSM

Jumlah transaksi diterima bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **2,950,481** | 2,132,904 | 1,900,795 |

## PORTAL XCESS

SSM telah melancarkan Portal XCESS pada 2 September 2021 yang menawarkan maklumat PLT dan penglibatan peribadi secara dalam talian di pautan ssm4u.com.my. Portal XCESS dibangunkan bertujuan untuk melengkapkan penawaran maklumat yang tidak ditawarkan melalui portal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM. Antara maklumat yang ditawarkan oleh Portal XCESS adalah seperti berikut:

**(a) PLT**

(i) Profil PLT;
(ii) Sijil Pendaftaran PLT; dan
(iii) Salinan Imej Dokumen Berkanun PLT

**(b) Penglibatan Peribadi**

**(i) Berteraskan AS 2016:**
- Penglibatan Peribadi sebagai Pengarah;
- Penglibatan Peribadi sebagai Pemegang Saham;
- Penglibatan Peribadi sebagai Setiausaha Syarikat;
- Penglibatan Peribadi sebagai Juruaudit; dan
- Penglibatan Peribadi sebagai Pelikuidasi.

**(ii) Berteraskan APP 1956**
- Penglibatan Peribadi sebagai Pemilik Perniagaan

**(iii) Berteraskan APLT 2012**
- Penglibatan Peribadi sebagai pekongsi dan pegawai pematuhan

Penambahbaikan perkhidmatan ini juga membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan PLT dan penglibatan peribadi dengan lebih mudah secara dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter SSM, 24/7. Melalui pengenalan portal ini, SSM telah memperkenalkan dua (2) produk penglibatan peribadi baharu iaitu penglibatan peribadi sebagai juruaudit dan pelikuidasi. Sejak portal ini diperkenalkan, sebanyak 17,157 permohonan telah diterima.

| 2021 |
|---|
| **Jumlah Permohonan** |
| **17,157** |

## PERKHIDMATAN INTEGRASI DALAM TALIAN MELALUI SSM *MIDDLEWARE*

SSM telah mengorak langkah memacu integrasi data SSM ke arah agenda digitalisasi menggunakan *application programming interface* (API) antara sistem SSM dengan aplikasi-aplikasi yang lain. Perkhidmatan ini tidak terhad ditawarkan kepada Kementerian Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan malah diperluaskan juga kepada perkongsian data di antara pihak bank, swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan juga entiti korporat.

Sebanyak tiga (3) projek telah berjaya dilaksanakan dengan perkongsian data melalui integrasi SSM *Middleware*:

(a) Projek *Electronic Centralised License & Permit System* (eCLAPS) telah dilancarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 13 Oktober 2021;

(b) Projek *Housing Integrated Management System* (HIMS) yang dilancarkan oleh KPKT yang telah menjalankan *pilot run* pada 21 Oktober 2021; dan

(c) Projek *CRIF BizInsight* Malaysia telah dilancarkan oleh CRIF Sdn Bhd pada 27 Oktober 2021.

Impak yang ketara adalah pembekalan data SSM dibekalkan secara *real time* dan sahih daripada pangkalan data SSM kepada agensi yang berintegrasi dengan SSM. Integrasi ini

mengelakkan aduan pelanggan kerana data dibekalkan adalah tepat dan untuk tujuan verifikasi setiap agensi.

### INTEGRASI SECARA DALAM TALIAN

Jumlah integrasi baharu secara dalam talian bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti di bawah:

| 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| **5** | 10 | 5 |

### PRODUK-PRODUK BAHARU

Pembangunan produk baharu oleh SSM perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan SSM dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan sejajar dengan permintaan industri terhadap maklumat sesebuah entiti perniagaan di Malaysia. Lanjutan daripada pengenalan Portal XCESS kepada pelanggan pada 2 September 2021, SSM telah memperkenalkan dua (2) produk baharu SSM seperti berikut:

(a) Penglibatan Peribadi sebagai Juruaudit; dan

(b) Penglibatan Peribadi sebagai Pelikuidasi

Dua (2) produk yang diperkenalkan ini adalah maklumat berkaitan dengan penglibatan individu sebagai juruaudit dalam firma audit atau sebagai pelikuidasi dalam syarikat yang diperolehi melalui carian menggunakan kad pengenalan baharu/ lama, nombor pasport, ID polis atau ID askar.

### INISIATIF - INISIATIF UNTUK MENGURANGKAN BEBAN SEKTOR KORPORAT DAN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2021

Pada tahun 2021, SSM meneruskan beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 serta memperkenalkan inisiatif baharu bagi membantu mengurangkan beban dan tekanan komuniti perniagaan serta sektor korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Inisiatif ini adalah merupakan sokongan berterusan SSM bagi memastikan peniaga dan sektor korporat berdaya tahan dan seterusnya berdaya saing untuk menjana aktiviti ekonomi dalam tempoh penularan wabak ini. Inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban sektor korporat dan perniagaan adalah seperti di jadual berikut:

#### INISIATIF 1

**Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.**

**Perincian**

(a) Dilancarkan pada 23 Disember 2020. Inisiatif ini diberikan kepada golongan belia dan ibu tunggal B40 serta pelajar sepenuh masa (IPTA/ IPTS, Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di dalam negara) sahaja.

(b) Pada 15 Februari 2021, inisiatif SPPP telah diperluaskan kepada semua bakal usahawan golongan B40 yang hendak memulakan perniagaan dan belum pernah mendaftarkan perniagaan mereka.

(c) Pendaftaran perniagaan diberi secara percuma (pengecualian fi pendaftaran baharu).

**Tempoh Pelaksanaan**

**Inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan sehingga peruntukan geran dimanfaatkan sepenuhnya.**

**Impak**

Bermula pada 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, sebanyak **26,302** pendaftaran perniagaan secara percuma telah diberikan kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa. Perincian adalah seperti berikut:

| KATEGORI | PENDAFTARAN |
|---|---|
| **Usahawan B40** | **17,908** |
| **Pelajar** | **8,394** |
| **JUMLAH** | **26,302** |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## INISIATIF 2

### Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P).

**Perincian**

(a) Diperkenalkan pada 23 Oktober 2012 dan bertujuan untuk memberi galakan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang.

(b) Pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan secara percuma untuk satu perniagaan sahaja.

**Tempoh Pelaksanaan**

**Inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan.**

**Impak**

Statistik pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan di bawah S1O1P masing-masing merekodkan **1,752** dan **1,593** bagi tempoh bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Perincian adalah seperti di bawah:

| BULAN | PENDAFTARAN | PEMBAHARUAN |
|---|---|---|
| Januari | 105 | 130 |
| Februari | 104 | 84 |
| Mac | 299 | 173 |
| April | 301 | 69 |
| Mei | 91 | 64 |
| Jun | 83 | 30 |
| Julai | 109 | 99 |
| Ogos | 111 | 151 |
| September | 122 | 190 |
| Oktober | 118 | 201 |
| November | 143 | 193 |
| Disember | 166 | 209 |
| JUMLAH | 1,752 | 1,593 |

## INISIATIF 3

### Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021.

**Perincian**

(a) SSM BizTrust merupakan satu (1) piawaian berbentuk logo (*seal*) yang ditawarkan oleh SSM kepada entiti perniagaan terutamanya perniagaan dalam talian (*online*) yang dikawal selia oleh SSM dengan syarat entiti tersebut telah mematuhi prinsip dan etika amalan perniagaan dalam talian.

(b) SSM BizTrust akan mewujudkan keyakinan pengguna, kepatuhan entiti perniagaan terhadap keperluan perundangan dan meningkatkan kesedaran peniaga/ pengguna.

(c) Pada 31 Mac 2021, SSM BizTrust 2.0 diperkenalkan sebagai *business starter kit* berbentuk Kod QR SSM BizTrust yang berfungsi sebagai pengesahan identiti digital (*digital identification*) serta semakan maklumat entiti perniagaan di mana objektifnya adalah selaras dengan peruntukan pematuhan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM. Ia diberikan secara automatik kepada entiti perniagaan di bawah APP 1956 dan mempunyai akaun berdaftar di portal *ezBiz Online*.

(d) Bagi entiti perniagaan di bawah AS 2016 dan APLT 2012, permohonan adalah PERCUMA sehingga 31 Disember 2021 dan boleh membuat permohonan melalui https://biztrust.ssm.com.my.

**Tempoh Pelaksanaan**

**Pendaftaran SSM BizTrust secara percuma dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.**

**Impak**

Sejak dari pengenalan SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2021, sebanyak **820,753** entiti perniagaan secara fizikal juga berdaftar dengan SSM BizTrust melalui inisiatif terbaharu ini seperti jadual di bawah:

| TAHAP | PENDAFTARAN |
|---|---|
| T1 - Prinsip Pendaftaran[1] | 4,307 |
| T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pendaftaran Perniagaan – Pemilikan Tunggal | 254,096 |
| T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pendaftaran Perniagaan – Perkongsian | 24,000 |
| T1 *(Auto – SSM ezBiz Online)* Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan | 538,015 |
| T2 - Tahap 1 + Prinsip Privasi[2] atau Prinsip Keselamatan[3] | 59 |
| T3 - Tahap 1 + Prinsip Privasi dan Prinsip Keselamatan | 276 |
| JUMLAH | 820,753 |

Jumlah pendaftaran sebelum Kod QR SSM BizTrust diperkenalkan (2017 – Mac 2021): **4,593**

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## INISIATIF 4



### Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan sehingga 31 Disember 2021.

**Perincian**

(a) Menyumbang kepada penjimatan kos pematuhan terhadap usahawan yang telah lewat mendaftar perniagaan atau lewat memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka dan menggalakkan pematuhan terhadap Akta-Akta yang ditadbir oleh SSM.
(b) Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan dari tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2021.
(c) Pengecualian kompaun atas kelewatan mendaftar perniagaan dari tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2021.

**Tempoh Pelaksanaan**

**1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.**

**Impak**

Statistik pengecualian kompaun bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

(a) Kompaun kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan
Jumlah perniagaan: **518,911**
(b) Kompaun kelewatan mendaftarkan perniagaan
Jumlah perniagaan: **3,876**

## INISIATIF 5



### Pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 sehingga 31 Disember 2021.

**Perincian**

(a) Insentif ini merupakan inisiatif prihatin SSM dalam membantu syarikat yang sedang menghadapi masalah kewangan akibat pandemik COVID-19.
(b) Pengurangan beban kos untuk menutup syarikat kepada pengarah syarikat dengan proses yang lebih mudah dan pemberian diskaun yang tinggi.
(c) Syarikat dan pengarah syarikat yang telah memohon atau diambil tindakan pembatalan syarikat menurut peruntukan di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 layak mendapat pengurangan kompaun sehingga 90%.

**Tempoh Pelaksanaan**

**1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.**

**Impak**

Kompaun bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 dalam tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

(a) Jumlah notis: **27,105**
(b) Jumlah syarikat: **6,355**
(c) Jumlah pengarah: **8,574**

## INISIATIF 6

### Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000.

**Perincian**

(a) SSM telah menaikkan nilai ambang keterhutangan syarikat kepada RM50,000 berkuat kuasa 1 April 2021 sebagai satu nilai ambang baharu yang kekal setelah mengambil kira ketidaktentuan keadaan ekonomi global dan dalam negara akibat kesan pandemik COVID-19. Pewartaan nilai keterhutangan yang baharu ini dibuat pada 22 Mac 2021 [GN No. 4159] selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 466(1)(a) AS 2016.

(b) Sebelum ini, nilai ambang keterhutangan tersebut telah dinaikkan secara sementara bermula 23 April 2020 sehingga 31 Mac 2021.

(c) Tindakan pengekalan nilai ambang keterhutangan syarikat kepada amaun yang melebihi RM50,000 berbanding nilai ambang keterhutangan sebelum ini iaitu RM10,000 adalah penting bagi meringankan beban syarikat yang menghadapi masalah aliran tunai daripada tindakan penggulungan.

**Tempoh Pelaksanaan**

**Satu nilai ambang baharu yang kekal.**

**Impak**

(a) Inisiatif kenaikan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 ke RM50,000 telah berjaya menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah petisyen penggulungan yang diserah simpan ke SSM.

(b) Perbandingan statistik Petisyen Penggulungan bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

| BULAN/ TAHUN | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Januari** | **47** | 274 | 267 |
| **Februari** | **126** | 258 | 197 |
| **Mac** | **230** | 169 | 281 |
| **April** | **209** | - | 284 |
| **Mei** | **58** | 95 | 282 |
| **Jun** | **1** | 233 | 213 |
| **Julai** | **61** | 211 | 314 |
| **Ogos** | **72** | 100 | 311 |
| **September** | **91** | 94 | 253 |
| **Oktober** | **144** | 46 | 355 |
| **November** | **130** | 35 | 274 |
| **Disember** | **76** | 45 | 233 |
| **JUMLAH** | **1,245** | 1,560 | 3,264 |

## INISIATIF 7

### Mengiktiraf semua 20 mata *Continuing Professional Education* (CPE) setahun dikumpul melalui latihan secara dalam talian.

**Perincian**

(a) Mengiktiraf semua 20 mata CPE setahun yang dikumpul melalui latihan secara dalam talian bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bermula 1 Januari 2021.

(b) Setiausaha syarikat boleh menghadiri latihan secara dalam talian bagi memastikan keperluan pengumpulan mata CPE dipatuhi sebagai syarat untuk memperbaharui Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat.

(c) Inisiatif ini sebagai pemudah cara kepada golongan intermediari korporat khususnya setiausaha syarikat untuk mendapatkan mata CPE serta merancakkan peluang ekonomi kepada pemain industri latihan yang menawarkan latihan melalui kaedah digital.

**Tempoh Pelaksanaan**

**1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.**

**Impak**

Sebanyak **4,045** permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat telah diterima dan diluluskan melalui sistem *e-Secretary* mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## INISIATIF 8

### Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan.

## INISIATIF 9

### Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah APLT 2012.

**Perincian**

(a) Cadangan-cadangan pindaan serta pengenalan peruntukan baharu berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan di bawah AS 2016 dan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah APLT 2012 telah dimasukkan ke dalam draf Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2021 (RUU Syarikat) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2021 (RUU PLT) masing-masing.

(b) Pada ketika ini, RUU Syarikat sedang dalam proses dimuktamadkan oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara.

(c) Kedua-dua draf RUU dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen dalam sesi yang terdekat setelah mendapat kelulusan dari pihak Jabatan Peguam Negara.

## INISIATIF 10

### Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* untuk serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012 dan pengecualian fi lewat serah simpan.

**Perincian**

(a) Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh *Total Lockdown* bagi serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012.

(b) Bagi semua transaksi di bawah AS 2016 dan APLT 2012 yang perlu diserah simpan atau dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh *Total Lockdown*, moratorium selama 30 hari dari tarikh akhir *Total Lockdown* diberikan untuk serah simpan dilaksanakan dalam tempoh moratorium tersebut.

(c) Pengecualian fi lewat serah simpan.

**Tempoh Pelaksanaan**

**1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021.**

**Impak**

Statistik jumlah transaksi yang mendapat pengecualian fi lewat serah simpan bermula 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021:

| BULAN | TRANSAKSI |
|---|---|
| **Jun** | **2,720** |
| **Julai** | **21,294** |
| **Ogos** | **27,694** |
| **September** | **36,948** |
| **Oktober** | **33,095** |
| **November** | **35,753** |
| **Disember** | **50,863** |
| **JUMLAH** | **208,367** |

## INISIATIF 11

### Pelanjutan masa sehingga 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021.

**Perincian**

(a) SSM memberikan pelanjutan masa 90 hari bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021 bagi:
   (i) Mengedarkan penyata kewangan
   (ii) Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT); dan
   (iii) Menyerah simpan penyata kewangan.

(b) Syarikat-syarikat boleh menyediakan penyata kewangan dan menyempurnakan dokumen-dokumen statutori berkaitan serta membolehkan firma-firma audit menyiapkan tugasan yang tertangguh dalam jangka waktu yang lebih selesa.

(c) Fi sebanyak RM100 dikecualikan terhadap syarikat yang terjejas bagi tujuan pelanjutan masa tersebut.

**Impak**

Sejak mula diperkenalkan sehingga 31 Julai 2021, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada sejumlah **102,743** syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021.

**Tempoh Pelaksanaan**

**Sehingga 31 Julai 2021.**

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## PROJEK HALA TUJU STRATEGIK SSM *(STRATEGIC DIRECTION PLAN III)* (SDP III)

SDP III yang dilaksanakan oleh SSM bermula dari tahun 2017 sehingga 2023 adalah merupakan kesinambungan daripada *Suruhanjaya Syarikat Malaysia Transformation Program Blueprint* (SSMTP Blueprint).

Antara projek-projek utama yang dirancang untuk dibangunkan dan berjaya dilaksanakan dalam SDP III adalah seperti berikut:




Projek utama dalam SDP III yang sedang dalam pelaksanaan pembangunan adalah Projek Hala Tuju SSM. Projek Hala Tuju SSM adalah merupakan pelan transformasi teknologi dan IT untuk mengoptimumkan seluruh proses SSM (sama ada manual dan automatik) untuk menjadi persekitaran bersepadu yang responsif terhadap perubahan dan menyokong penyampaian perkhidmatan pendigitalan SSM.

Seiring dengan tempoh penamatan SDP III pada 2023, SSM akan membangunkan Pelan Hala Tuju Strategik SSM IV (SDP IV) di mana tempoh perancangan akan bermula pada tahun 2022 sehingga 2023. SDP IV dijangka akan dilancarkan pada tahun 2024.

## SESI *BRAINSTORMING* KPI SSM 2022

Pada 6 hingga 7 September 2021, SSM telah mengadakan Sesi *Brainstorming* KPI SSM 2022. Bengkel ini bertujuan bagi merangka petunjuk prestasi utama (KPI) SSM bagi tahun 2022. Penetapan KPI ini adalah untuk memastikan visi, teras strategik dan nilai-nilai korporat SSM dapat dicapai dan dilaksanakan.

## PROJEK HALA TUJU SSM

Kategori bagi projek-projek Hala Tuju adalah berdasarkan tiga (3) kategori utama iaitu Projek *Quick Win*, Projek Berkepentingan Tinggi dan Projek Berkepentingan Rendah.

### PROJEK-PROJEK *QUICK WIN*

| PROJEK |
|---|
| HT1 - MyLLP |
| HT3 - ROB |

### PROJEK-PROJEK BERKEPENTINGAN RENDAH

| PROJEK |
|---|
| HT6 - DM *(Data Management)* |

### PROJEK-PROJEK BERKEPENTINGAN TINGGI

| PROJEK |
|---|
| HT2 - RMS *(Revenue Management System)* |
| HT4 - CRS *(Corporate Registry System)* |
| HT8 - FMS *(Financial Management System)* |
| HT9 - CRM *(Customer Relationship Management)* |
| HT14 - MPSI *(Movable Property Security Interest)* |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## SENARAI AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2021

### AKTIVITI

Penambahbaikan sistem ezBiz bagi Projek HT3 - ROB telah *Go Live* pada 28 Januari 2021 dan mendapat *Project Completion Certificate* (PCC) pada 25 Februari 2021.

Majlis Penghargaan dan penyampaian sijil penglibatan Pakar Bidang Khusus (SME) serta sijil *Project Completion Certificate* (PCC) bagi projek HT3 - ROB pada 13 April 2021.

Sesi Bengkel Mitigasi Pembangunan Sistem bersama SME & *Developer* bagi projek HT1 - MyLLP pada April 2021.

*Kick off meeting on Data Governance framework & Data Organisation structure* untuk HT6 - *Data Management* telah diadakan pada 4 Mei 2021.

Bengkel Penyediaan Kerangka dan Polisi Tadbir Urus Data dan Struktur Pengurusan Data untuk HT6 - *Data Management* bersama pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1 sehingga 2 Jun dan 8 sehingga 9 Jun 2021.

*Data Maturity Survey* kepada Pasukan Projek, Pengarah-Pengarah Bahagian dan SME HT6 - *Data Management* yang terpilih pada 9 sehingga 16 Julai 2021.

*Request for Information* (RFI) Bil. 1/2021: *Data Management & Data Analytics Solution* (DMDA) untuk HT6 - *Data Management* telah diiklankan di dalam Laman Web SSM, Akhbar Berita Harian dan NST pada 16 Ogos 2021.

Sesi Penilaian dokumen RFI (input berkaitan *cost of ownership* dan *implementation approach*) untuk HT6 - *Data Management* pada 13 sehingga 15 September 2021.

Bengkel Mini Pembentangan Analisa Kematangan Data SSM *(Data Maturity)* oleh Pihak UTM bagi projek HT6 - *Data Management* yang diadakan pada 29 September 2021.

Mengendalikan aktiviti RFI bagi projek-projek Hala Tuju SSM antaranya HT6 - *Data Management* yang dijalankan pada 11 sehingga 14 November 2021.

Mengendalikan aktiviti *Business Process Re-Engineering* (BPR) bagi projek-projek Hala Tuju SSM seperti berikut:
(a) HT4 - CRS – Aktiviti ini diadakan pada 13 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2021; dan
(b) HT2 - RMS - Aktiviti ini bermula pada 28 April 2021 sehingga 31 Disember 2021.

Bengkel Penyediaan Spesifikasi Tender bagi projek HT telah diadakan untuk projek berikut:
(a) Bengkel Penyediaan Spesifikasi Tender bagi HT2 - RMS telah diadakan pada 24 Mei 2021 sehingga 28 Mei 2021.
(b) Perbincangan Penyediaan Spesifikasi Tender bagi HT4 - CRS pada Mei 2021 sehingga 30 Jun 2021; dan
(c) Bengkel Penyediaan Spesifikasi Tender bagi HT14 - MPSI pada 13 September sehingga 20 September 2021.

Aktiviti *User Requirement System* (URS) bagi Projek Hala Tuju SSM. Aktiviti ini melibatkan semua projek di bawah Hala Tuju SSM seperti Projek HT2 - RMS, HT4 - CRS, HT9 - CRM dan HT14 - MPSI yang dilaksanakan pada Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 perlu disempurnakan sebelum proses perolehan dijalankan.

**AKTIVITI PENGURUSAN PERUBAHAN**

**PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA WARGA SSM MELALUI AKTIVITI PENGURUSAN PERUBAHAN**

Sepanjang tahun 2021, banyak program dan pengisian melalui pelbagai medium telah dirancang dan dilaksanakan dalam memastikan maklumat berkaitan perubahan dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan kepada seluruh warga SSM.

Antara program dan aktiviti yang telah dijalankan adalah program *Knowledge Sharing, Let's Share* dan *Meet and Greet*. Program-program ini merupakan program perkongsian maklumat berkaitan progres projek-projek Hala Tuju SSM. Program ini dianjurkan agar seluruh warga kerja SSM memahami tentang projek-projek Hala Tuju yang sedang dan akan berlaku di SSM.

Program-program ini merupakan program yang melibatkan komunikasi dua (2) hala di antara duta perubahan/ pemilik projek/ pengarah projek bersama dengan warga kerja SSM.

Selain memberikan maklumat terkini yang tepat berkaitan projek-projek Hala Tuju SSM, kesemua program ini juga sekaligus memperkenalkan kumpulan kerja yang merupakan tulang belakang kepada setiap projek Hala Tuju SSM serta memberi pendedahan kepada warga SSM berkenaan skop kerja yang dijalankan oleh kumpulan projek.

| PROGRAM | TARIKH | SESI | PESERTA |
|---|---|---|---|
| ***KNOWLEDGE SHARING*** | | | |
| ***Knowledge Sharing*: HT14 - MPSI** | 23 September 2021 | 1 | 200 |
| ***LET'S SHARE*** | | | |
| ***Let's Share*: HT1 - MyLLP** | 29 Julai 2021 | 1 | 298 |
| ***Let's Share* bersama PMO** | 23 Disember 2021 | 1 | 250 |
| ***MEET AND GREET*** | | | |
| ***Meet and Greet*: Bersama Kita Realisasikan Siri 1** | 3 Jun 2021 | 1 | 298 |
| ***Meet and Greet*: Bersama Kita Realisasikan Siri 2** | 7 - 26 Julai 2021 | 30 | 1,100 |
| ***Meet and Greet*: HT3 - ROB** | 2 Ogos 2021 | 1 | 254 |

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Selain memperolehi maklumat melalui penganjuran program pengurusan perubahan, warga SSM juga boleh mendapatkan maklumat melalui pelbagai siri hebahan pengurusan perubahan. Hebahan ini dikongsikan melalui *e-postcard*, e-poster dan e-Buletin secara e-mel.

Bagi perkembangan projek-projek Hala Tuju pula, kumpulan pengurusan perubahan berkongsi *Project Performance Dashboard* kepada semua warga SSM. Kesemua hebahan ini dikeluarkan pada setiap suku tahunan dan ia disediakan dalam bentuk infografik agar lebih menarik dan mudah difahami.

### PEMBANGUNAN *CM SITE* DI PORTAL DALAMAN SSM

Bagi memastikan semua maklumat yang telah disalurkan melalui pelbagai medium boleh terus diingati dan difahami oleh semua warga SSM, Pengurusan Perubahan telah mengambil inisiatif untuk membangun dan mengemas kini portal dalaman SSM. Pembangunan portal maklumat ini dinamakan *CM Site*. *CM Site* ini memudahkan warga SSM untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan perubahan dan projek Hala Tuju yang telah dikongsikan di dalam setiap program pengurusan perubahan. Malahan, warga SSM juga boleh memuat turun slaid pembentangan semasa sesi perkongsian maklumat di program anjuran pengurusan perubahan.

### LAPORAN AKTIVITI PENGURUSAN ARKITEK ENTERPRISE

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Reka bentuk (JKR) SSM bagi tahun 2021 adalah seperti di bawah:

- Mesyuarat JKR Bil. 4/2021 (26 Mac 2021)
- Mesyuarat JKR Bil. 5/2021 (4 Jun 2021)
- Mesyuarat JKR Bil. 6/2021 (5 Julai 2021)
- Mesyuarat JKR Bil. 7/2021 (20 Ogos 2021)
- Mesyuarat JKR Bil. 8/2021 (14 September 2021)

Pelaksanaan Mesyuarat *Enterprise Architecture* (EA) *Board SSM* bagi tahun 2021:

- Mesyuarat *EA Board* Bil. 1/2021 (11 Januari 2021)

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

## VISI DAN PRINSIP REKA BENTUK ARKITEK ENTERPRISE

### Visi SSM adalah “Untuk Menjadi Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung”

### VISI REKA BENTUK

**PENAMBAHBAIKAN PROSES**
- Penambahbaikan pengalaman pelanggan.
- Penambahbaikan pengurusan pematuhan/ penguatkuasaan.
- Penambahbaikan proses verifikasi.

**PLATFORM TEKNOLOGI AGIL**
- Membangun dan melaksanakan sistem pendaftaran dan sokongan bersepadu bagi meningkatkan kecekapan dan menambah baik pengurusan pengumpulan data.

**BUDAYA KERJA CEMERLANG**
- Perancangan tenaga manusia yang berkesan.
- Perubahan pengurusan dan latihan yang berkesan.
- Pengurusan dan latihan.
- Perkongsian dan analisis maklumat yang berkesan.

**NILAI BERKEKALAN**
- Produk menjana pendapatan melalui:
  - Pembrokeran maklumat.
  - Perkhidmatan platform dalam talian.
  - Pengoptimuman kos operasi.

**PERSEKITARAN YANG DIPERCAYAI**
- Automasi pengurusan pematuhan dan penguatkuasaan.
- Meningkatkan kerjasama dengan badan profesional dan agensi penguatkuasaan undang-undang.
- Meningkatkan tahap integriti dan pematuhan korporat.
- Sumber maklumat tunggal yang dipercayai.
- Maklumat yang tidak boleh disangkal.
- Cerapan data untuk proses membuat keputusan yang lebih efektif.

### 13 PRINSIP REKA BENTUK

**PERNIAGAAN**
1. Keutamaan Prinsip
2. Memaksimumkan Manfaat Terhadap Organisasi
3. Kelangsungan Perniagaan
4. Berorientasikan Perkhidmatan/ Penggunaan Aplikasi Sama
5. Pematuhan Undang-Undang
6. Tanggungjawab IT
7. Perlindungan Harta Intelek

**DATA**

8. Data adalah Aset
9. Data Dikongsi

**APLIKASI**

10. Memudahkan Pengguna

**TEKNOLOGI**

11. Perubahan Berdasarkan Keperluan
12. Kawalan Kepelbagaian Teknikal
13. Saling Kendali

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

**SENARIO 01**

## IDAMAN IALAH REPOSITORI DOKUMEN BERPUSAT

**RASIONAL**

Ketersediaan IDAMAN untuk mengurangkan usaha pembangunan:

- Cekap
- Penjimatan Kos

**IMPLIKASI**

Mewujudkan proses piawai, profil data dan kaedah penyepaduan.

**PRINSIP BERORIENTASIKAN PERKHIDMATAN**

**SENARIO 02**

## SISTEM PENDAFTARAN BERSEPADU (SPB)

**RASIONAL**

DATA adalah penting kepada proses. Data mestilah benar, mempunyai nilai yang tepat, boleh diakses dan dirujuk secara konsisten.

**IMPLIKASI**

Dasar capaian pengguna yang direka dengan baik yang memastikan sifar duplikasi dan ketepatan data.

**PRINSIP DATA DIKONGSI**

**PRINSIP MEMUDAHKAN PENGGUNA**

**SENARIO 03**

## SISTEM PENGURUSAN PENERIMAAN

**RASIONAL**

Perkhidmatan yang bersedia dan berskala untuk mengendalikan permintaan dari sistem sumber yang berbeza. Pengalaman pengguna mungkin memendekkan keluk pembelajaran dan masa yang diperlukan untuk melaksanakan transaksi.

**IMPLIKASI**

Mengguna pakai piawaian reka bentuk seragam dan teknik untuk meningkatkan kebolehgunaan semula.

**PRINSIP SALING KENDALI**

**SENARIO 04**

## PENGIMBAS KOD QR TUNGGAL UNTUK MENGESAHKAN DOKUMEN *DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY* (DCTC) YANG DIHASILKAN OLEH SSM

**RASIONAL**

Pengguna mesti dibenarkan untuk melaksanakan tugas mereka dengan lancar.

**IMPLIKASI**

Penambahbaikan proses ke arah penyeragaman.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Satu (1) Pekeliling EA Bil. 1/2021 berhubung Garis Panduan Pengurusan Arkitek Enterprise di Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah diedarkan kepada pekerja SSM pada 21 Jun 2021.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

PEKELILING *ENTERPRISE ARCHITECTURE*
BIL. 1 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN PENGURUSAN *ENTERPRISE ARCHITECTURE* (EA) DI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

SEKSYEN PENGURUSAN ARKITEK ENTERPRISE
TARIKH: 31 MEI 2021

Diedarkan Kepada:
PENGARAH BAHAGIAN
PENGARAH NEGERI
KETUA SEKSYEN
PENGURUS CAWANGAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Senarai Borang Permohonan Projek Arkitek Enterprise yang telah diproses bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| **Tarikh Kelulusan** | **PROJEK** |
|---|---|
| 9 Februari 2021 | • Perkhidmatan Penambahan Servis Ke Atas *Middleware* SSM bagi Penjenamaan SSM BizTrust sebagai "*Business Starter Kit*" kepada Entiti-Entiti Perniagaan Berdaftar dengan SSM |
| 5 Julai 2021 | • *Digital Collaboration* bagi Perkhidmatan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan, Pembelian Profil Perniagaan dan Pembayaran Kompaun antara SSM dan Affin Bank |
| 3 September 2021 | • Permohonan Langganan Semula Aplikasi *Handshake* Selama 12 Bulan |
| 20 September 2021 | • Projek Pembangunan Sistem Serahan Dokumen dalam talian (Fasa 1) |

Senarai Ulasan Arkitek Enterprise untuk Permohonan Perolehan yang telah diproses bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| **Tarikh Kelulusan** | **PROJEK** |
|---|---|
| 6 April 2021 | • Permohonan Ulasan bagi Pembaharuan Perkhidmatan Lesen Perisian dan Kerja-kerja Penyelenggaraan *Staff Financing Management System* (SFMS) dan *Staff Claim Management System* (SCMS) bagi tahun 2021 hingga 2023. |
| 30 Julai 2021 | • Permohonan Pandangan dan Keperluan Permohonan Perolehan bagi Penyelenggaraan Sistem iaitu *Human Resource Management System* (HRMS) bagi tahun 2022. |
| 2 Disember 2021 | • Permohonan Pembaharuan Lesen Perisian dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi Sistem Kewangan iaitu *Century Financial Management System* (CFMS) |

Satu (1) program kesedaran Arkitek Enterprise telah dilaksanakan seperti di bawah:

**12 Mac 2021**

***Overview of Electronic Know Your Customer* (e-KYC)**

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

SSM menggalas usaha Transformasi SSM dengan mengukuhkan tiga (3) komponen utama organisasi iaitu Teknologi, Proses dan Kepakaran Modal Insan melalui inisiatif-inisiatif di bawah:

## TEKNOLOGI:
## PEMBANGUNAN REKA BENTUK INFRASTRUKTUR BAHARU

SSM membangunkan reka bentuk infrastruktur IT yang baharu bagi menangani keperluan teknologi semasa khususnya bagi mendepani keperluan Projek-projek Hala Tuju. Reka bentuk infrastruktur IT yang baharu telah dibangunkan dengan mengambil kira teknologi-teknologi semasa seperti Perkomputeran Awan *(Cloud Computing)*, Prasarana Maya *(Virtual Machine Infrastructure)*, Kemahiran Buatan *(Artificial Intelligence)* dan beberapa lagi teknologi keselamatan yang menyokong reka bentuk baharu ini. Reka bentuk yang dibangunkan ini diterjemahkan melalui projek pembangunan infrastruktur baharu yang dijangkakan siap pada tahun 2022.




## PROSES:
## PEMBANGUNAN KERANGKA PENGURUSAN TAHAP PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

SSM juga membangunkan Kerangka Tahap Perkhidmatan IT yang memberikan piagam perkhidmatan bagi memastikan setiap perkhidmatan yang ditawarkan mempunyai sasaran tahap kualiti yang diperlukan. Dokumen yang mengandungi Katalog Perkhidmatan serta Perjanjian Tahap Operasi *(Operational Level Agreement - OLA)* ini akan menjadi rujukan kepada para pengguna serta warga kerja BTMK dalam memastikan piagam ini dipatuhi.

## PROSES:
## DOKUMEN ANALISA SUMBER PEMBANGUNAN DALAMAN MENGGUNAKAN KAEDAH *FUNCTIONAL POINT ANALYSIS* (FPA)

Sejajar dengan visi SSM untuk mempertingkatkan keupayaan pembangunan sistem secara dalaman, SSM membangunkan dokumen rujukan bagi mengira sumber-sumber pembangunan berdasarkan saiz sistem yang dicadangkan. Kaedah ini akan memberikan ukuran penggunaan sumber yang lebih saintifik dan objektif. Justeru, pengurusan pembangunan sistem akan lebih berstruktur dan mematuhi amalan pengurusan projek yang lebih cekap.

## KEPAKARAN MODAL INSAN:
## PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Pola perkembangan digitalisasi seluruh dunia telah melihatkan peningkatan kepada keperluan membangunkan sumber insan yang mahir dalam membangun dan mengurus selia sumber teknologi sesebuah organisasi. Sehubungan itu, SSM telah menstrukturkan semula Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi selari dengan pendekatan DevOps (*Development Operation*) yang akan memberikan manfaat ketangkasan dalam pengurusan pembangunan sistem yang sangat dinamik. SSM juga membekalkan tenaga mahir yang ada dengan latihan-latihan teknologi semasa agar selari dengan perkembangan Teknologi Maklumat.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Berdasarkan inisiatif transformasi di atas, SSM telah berjaya membangunkan beberapa sistem secara dalaman yang bakal memberikan impak positif kepada kecekapan penyampaian maklumat. Antara sistem yang telah berjaya dibangunkan secara dalaman ialah:

**Sistem MyLLP 2.0:**

Sistem ini telah berjaya dilancarkan pada bulan Ogos 2021 bagi menggantikan sistem sebelum ini. Sistem ini juga telah berjaya menyeragamkan sistem pendaftaran PLT melalui saluran penyampaian sepusat SSM di atas pelantar dalam talian SSM4U.

**Penambahbaikan Sistem ezBiz:**

Sistem ezBiz telah ditambah baik bagi membolehkan penghantaran borang A, A1, B, C dan verifikasi pengguna dapat dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Antara fungsi lain yang turut juga ditambah baik adalah Inisiatif Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) dan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) sebagai langkah bagi menyokong kerajaan dalam usaha membantu para peniaga menempuhi situasi sukar di era pandemik.

**Portal XCESS:**

Portal XCESS adalah platform dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk penjualan produk/ maklumat bagi PLT. Selain daripada itu, Portal XCESS juga membolehkan pelanggan membuat pembelian maklumat Penglibatan Peribadi dalam syarikat, perniagaan dan PLT yang berdaftar dengan SSM. Capaian ke atas portal ini bermula sejak September 2021.

**e-COMTRAC:**

e-COMTRAC adalah sistem yang disediakan oleh SSM untuk membolehkan pengguna mendaftar dan membayar program latihan korporat anjuran SSM secara dalam talian.

## SIMULASI PEMULIHAN BENCANA SSM 2021

Ujian Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Simulation*) secara pengujian komponen telah diadakan pada 25 Disember 2021. Sebanyak 21 komponen seperti *downtime* bagi sistem-sistem berkenaan ke Pusat Data Kedua (SDC) dan Pusat Data Utama (PDC) secara silang atau Cross DC terlibat dalam simulasi kali ini.

Pengujian komponen dalam simulasi kali ini adalah amat penting selain mengemas kini Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Plan*), semakan konfigurasi sistem dan juga sebagai persediaan bagi menyokong fasa implementasi dan ketersediaan kerja-kerja migrasi kepada teknologi baharu.

## SKIM KENAIKAN PANGKAT BUKAN EKSEKUTIF (KPBE)

Skim Kenaikan Pangkat Bukan Eksekutif (KPBE) adalah mekanisme kenaikan pangkat baharu yang diperkenalkan oleh SSM secara *one-off* kepada pekerja Bukan Eksekutif ke jawatan Eksekutif berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Skim KPBE ini telah bermula pada 2020 dan dijangka tamat pada 2023.

Tujuan Skim KPBE ini diperkenalkan adalah untuk memenuhi sasaran *Diamond-shaped Organisational Transformation* susulan pembangunan sistem baharu, *Business Advisory Enviroment* dan pembesaran kumpulan penguatkuasaan di Pejabat Negeri dan Cawangan.

Bagi tahun 2021, terdapat tiga (3) latihan dan ujian utama yang perlu dilalui oleh peserta iaitu *Employee Development Training* (EDT), Peperiksaan EDT dan Latihan Eksekutif (Fasa 1).

Bagi Latihan Eksekutif Fasa 1, SSM telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk melaksanakan kelas secara dalam talian yang bermula dari 15 November 2021 hingga 6 Januari 2022. Seramai 62 orang peserta telah terlibat secara langsung dan melengkapkan kesemua sesi ini dengan jayanya. Latihan Eksekutif Fasa 2 akan bermula pada suku pertama 2022 dan berakhir pada suku keempat 2022.

**KURSUS INDUKSI SSM 2021**

Kursus Induksi merupakan satu program tahunan yang dianjurkan kepada pekerja baharu termasuk yang berstatus kontrak. Seramai 28 orang peserta telah berjaya menghadiri Kursus Induksi pada tahun 2021. Penganjuran Kursus Induksi SSM 2021 dibahagikan kepada dua (2) sesi di mana sesi Akademik telah diadakan secara maya dari 6 hingga 15 September 2021 dan sesi Insaniah telah diadakan secara fizikal pada 19 hingga 26 November 2021.

**KURSUS PENGURUSAN PRESTASI STRATEGIK SSM**

Kursus Pengurusan Prestasi Strategik SSM telah berlangsung dari 8 hingga 10 April 2021 dan telah dihadiri oleh 32 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Pertengahan dan Tertinggi SSM. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman menyeluruh kepada barisan kepimpinan SSM berhubung Pengurusan Prestasi & Kompetensi (PCMS) pekerja SSM.

**KURSUS KEPIMPINAN SSM 2021**

Bagi meningkatkan tahap kompetensi kepimpinan kumpulan pengurusan SSM, satu program bertajuk *Leadership Competency Model* (LCM) *for SSM Leaders* telah dijalankan. Program ini bertujuan untuk menyokong usaha dalam menjayakan inisiatif Pelan Pembangunan Antirasuah Organisasi (OACP) 2019 – 2023 SSM di samping menyemai amalan pentadbiran modal insan yang baik.

Seramai 28 orang peserta yang terlibat terdiri daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Pengurusan Pertengahan SSM. Program ini dilaksanakan secara maya bermula 25 Jun 2021 hingga 8 Oktober 2021 dan turut dianjurkan secara fizikal bermula 10 hingga 12 November 2021.

**TAKLIMAT KESEDARAN KOMPETENSI KEPADA PEKERJA SSM**

SSM telah melaksanakan Taklimat Kesedaran Kompetensi kepada semua warga kerja SSM dari 1 hingga 8 November 2021. Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah untuk:

(a) Memberi pemahaman secara menyeluruh berhubung definisi kompetensi seterusnya memahami perbezaan di antara Kompetensi Asas, Teknikal dan Kepimpinan;

(b) Memberi penekanan terhadap kepentingan pembangunan kompetensi dalam meningkatkan kemahiran, ilmu dan tingkah laku bagi tujuan pembangunan diri dan kerjaya; dan

(c) Memaklumkan berhubung tatacara penggunaan kamus kompetensi secara menyeluruh.

**TAKLIMAT KESEDARAN BERHUBUNG PELAN PEMBANGUNAN PRESTASI (PEP) KEPADA PEKERJA SSM**

SSM telah melaksanakan taklimat kesedaran secara maya kepada pekerja SSM berhubung Pelan Pembangunan Prestasi (PEP) di antara bulan April hingga November 2021. Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah untuk:

(a) Memberi pemahaman secara menyeluruh berhubung dasar dan proses PEP;

(b) Memberi penerangan berhubung tanggungjawab pekerja dan penyelia dalam Program PEP; dan

(c) Memberi penekanan terhadap kesan dan akibat sekiranya pekerja gagal meningkatkan prestasi selepas mengikuti PEP.

**MAJLIS MENANDATANGANI MOU SSM DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), UNIVERSITI MALAYA (UM) DAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) BAGI PROGRAM 2U2I DATA ANALITIK**

SSM telah menjalinkan kerjasama dengan tiga (3) buah universiti melalui pemeteraian MoU bersama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkenaan Program 2U2I Data Analitik yang mana masing-masing diadakan pada 2 Januari, 5 dan 17 Mac 2021.

Program *Work-Based Learning Education* (WBL) merupakan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman kerja kepada pelajar dalam bentuk praktikal dan kurikulum mengikut bidang pengajian pelajar yang terlibat. Program ini menggabungkan pembelajaran akademik dan aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Melalui program ini pelajar akan mendapat pengalaman industri yang relevan mengikut bidang pengajian seterusnya merapatkan jurang ketidaksepadanan di antara kehendak industri dan graduan yang dihasilkan oleh Institusi Pengajian Tinggi.

Pelaksanaan program ini juga akan menyokong usaha Kerajaan Malaysia khususnya KPT dalam melahirkan graduan tempatan yang berkualiti selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA & AGENSI

Pada 9 November 2021 KPDNHEP telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDNHEP dan Agensi tahun 2020 dan telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri KPDNHEP. Agensi yang terlibat adalah SSM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Seramai 59 orang pekerja SSM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020.

## PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ)

SSM meneruskan komitmen yang berterusan terhadap pembangunan bakat di Malaysia dengan menyokong inisiatif PROTÉGÉ. PROTÉGÉ bertujuan untuk melengkapkan graduan Malaysia dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan supaya berdaya saing di dunia korporat serta membimbing mereka dalam usaha untuk menjadi tenaga kerja yang lebih proaktif dan pencari kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri.

Seramai 40 orang peserta telah melapor diri pada 1 Mac 2021. Program satu (1) tahun ini menggabungkan latihan kemahiran insaniah yang intensif dan peluang latihan di tempat kerja.

## SUKAN BADAN BERKANUN *VIRTUAL EDITION* (SUKANUNVE)

Pada 19 hingga 22 Ogos 2021, SSM telah menyertai Sukan Badan Berkanun *Virtual Edition* (SUKANUNVE) anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mengaktifkan aktiviti pertandingan sukan secara virtual dan seterusnya menjalinkan hubungan baik dengan pelbagai badan berkanun. Dalam pertandingan ini, SSM telah dinobatkan sebagai juara bagi kejuaraan MOTOGP21.

## PENGHARGAAN UNTUK WARGA SSM

Sebagai tanda penghargaan kepada warga SSM, pelbagai program telah dijalankan sepanjang tahun 2021 seperti berikut:

(a) Pengagihan pakej cenderahati bagi perayaan Tahun Baru Cina dan Deepavali untuk kakitangan yang meraikan;

(b) Edaran kurma sempena sambutan bulan Ramadan;

(c) Edaran juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan;

(d) Edaran juadah Hari Raya; dan

(e) Edaran makanan kesihatan ketika peningkatan penularan wabak pandemik COVID-19 di Malaysia.

## PENYERTAAN SSM DI PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI 2021 DAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT KPDNHEP TAHUN 2021

SSM telah mencalonkan Projek *Staff Learning and Development Site* (SLDS) untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2021 dan Projek e-COMTRAC serta SSM ezBiz Chat untuk menyertai Pertandingan Konvensyen KIK KPDNHEP 2021.

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2021 telah berlangsung pada 18 November 2021 manakala Pertandingan Konvensyen KIK KPDNHEP 2021 telah berlangsung pada 27 Oktober 2021.

SSM telah berjaya meraih kemenangan sebagai Naib Johan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2021. Manakala dalam Pertandingan Konvensyen KIK KPDNHEP 2021, SSM telah berjaya meraih kemenangan sebagai Naib Johan dan Anugerah Dokumentasi Terbaik bagi projek e-COMTRAC.

## VERIFIKASI STOR SSM TAHUN 2021

Verifikasi stor merupakan aktiviti rutin bagi setiap suku tahunan keempat yang dilaksanakan untuk menentusahkan ketepatan jumlah stok fizikal dengan baki stok semasa di dalam Sistem Pengurusan Stor (SPS) di samping mengenal pasti stok yang tidak boleh diguna, usang, rosak, luput tempoh atau tidak aktif. Seterusnya membuat pengesyoran yang sewajarnya untuk tindakan pejabat berkenaan berdasarkan hasil pemeriksaan yang telah dijalankan.

*PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN*

Pemeriksaan dan verifikasi stor dijalankan di semua pejabat SSM seluruh Malaysia oleh Jawatankuasa Verifikasi Stor (JVS) bermula pada 18 Oktober 2021 hingga 26 November 2021.

Tugas-tugas utama JVS adalah seperti berikut:

(a) Melawat dan membuat pemeriksaan bagi kesemua Stor Utama dan Stor Seksyen Komunikasi Korporat (SKK) di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Cawangan SSM di seluruh Malaysia;

(b) Membuat pengiraan dan semakan secara fizikal ke atas semua stok yang disimpan di dalam stor beserta semakan rekod stok melalui SPS; dan

(c) Mengeluarkan laporan terperinci terhadap hasil pemeriksaan dan verifikasi yang dijalankan.

**PROGRAM *POWER TALK* – AMALAN ERGONOMIK BEKERJA DARI RUMAH**

SSM telah menganjurkan Program *Power Talk* bertajuk Amalan Ergonomik Bekerja Dari Rumah pada 10 Jun 2021 secara webinar yang disampaikan oleh penceramah dari Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH).

Program ini menyentuh berkenaan isu-isu, cabaran, faktor, risiko penyakit dan amalan yang berkaitan ergonomik khususnya semasa bekerja dari rumah sesuai dengan pendekatan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang dilaksanakan oleh SSM semasa mendepani pandemik COVID-19.

**INISIATIF DAN AKTIVITI HEBAHAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19**

SSM telah memperkenalkan dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan aktiviti hebahan berkaitan pandemik COVID-19 dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang awam yang berurusan dengan SSM selaras dengan keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Antaranya adalah:

(a) Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 SSM;

(b) Garis Panduan Imunisasi COVID-19 SSM;

(c) Proses saringan kesihatan bagi kemasukan pekerja dan orang awam ke premis SSM;

(d) Kemudahan bayaran balik tuntutan kos ujian saringan COVID-19;

(e) Edaran COVID-19 *Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva)* kepada Pencarum PERKESO dalam kalangan pekerja SSM;

(f) Mekanisme kehadiran pekerja ke pejabat secara penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR);

(g) Hebahan kesedaran berkenaan COVID-19, vaksinasi dan pematuhan SOP setiap minggu;

(h) Pengesanan kes jangkitan dan kontak rapat pekerja SSM;

(i) Aktiviti sanitasi secara berkala setiap 3 bulan di semua pejabat SSM; dan

(j) Edaran Vitamin C kepada pekerja SSM.

**PENGANJURAN KURSUS PENGUKUHAN KAWALAN KESELAMATAN RAHSIA RASMI KEPADA PEGAWAI PENGELAS SSM**

Pegawai Pengelas bermakna Pegawai yang dilantik di bawah peruntukan seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi (Akta 88) untuk mengelaskan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" mengikut mana-mana yang berkenaan bagi memastikan keselamatan perlindungan di SSM terjamin dan memastikan pengurusan fail-fail serta dokumen terperingkat jabatan sentiasa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Selain melaksanakan tugasan hakikinya, Pegawai Pengelas SSM memikul tanggungjawab yang penting di dalam memastikan pengurusan hal ehwal dokumen jabatan dan dokumen terperingkat mematuhi Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Kursus Pengukuhan Kawalan Keselamatan Rahsia Rasmi kepada Pegawai Pengelas SSM dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (*Chief Government Security Office* - CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah dianjurkan sebanyak dua (2) sesi iaitu pada 15 hingga 17 November 2021 dan 22 hingga 24 November 2021.

# **GAMBAR** TAHUN 2021



# INISIATIF PENGUATKUASAAN

# INISIATIF PENGUATKUASAAN

## LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN

**Pada tahun 2021, SSM meneruskan fokus inisiatif penguatkuasaan terhadap tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan dalam kalangan komuniti korporat.**

Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti berikut:

### STRATEGI UTAMA

**01 — KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF**

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan

**02 — KUALITI DAN INTEGRITI PENYATA KEWANGAN**

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat serta memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti Penyata Kewangan

**03 — TADBIR URUS KORPORAT, AMALAN DAN TAHAP KOMPETENSI INTERMEDIARI KORPORAT**

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi yang baik dalam kalangan intermediari korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## OBJEKTIF PEMANTAUAN

**01 MEMASTIKAN PEMATUHAN**

Memastikan pematuhan terhadap akta yang dikawal selia oleh SSM

**02 TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN**

Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM

**03 KELAYAKAN YANG SESUAI**

Memastikan pegawai-pegawai syarikat dan intermediari korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan telus dan bertanggungjawab

**04 MEMINIMUMKAN RISIKO**

Meminimum risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara

**INISIATIF PENGUATKUASAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Dalam suasana dan keadaan mencabar yang dihadapi oleh komuniti perniagaan di Malaysia, SSM beriltizam untuk terus membantu individu, perniagaan dan syarikat yang terkesan oleh pandemik COVID-19 melalui inisiatif-inisiatif berikut:

**INISIATIF PENGUATKUASAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

**01**

Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan untuk tempoh dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

**02**

Pengecualian kompaun atas kelewatan serah simpan dokumen berkanun selaras dengan pelaksanaan moratorium serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012 untuk tempoh dari 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021.

**03**

Pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/ 550 AS 2016 untuk tempoh dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021

**04**

Mengiktiraf semua 20 mata *Continuing Professional Education* (CPE) setahun dikumpul melalui latihan secara dalam talian bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bermula 1 Januari 2021.

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Sepanjang tahun 2021, SSM meneruskan aktiviti pemeriksaan fizikal dan data ke atas **528,584** syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad (PLT). Skop pemeriksaan adalah seperti berikut:

| ENTITI | PEMERIKSAAN FIZIKAL | PEMERIKSAAN DATA |
|---|---|---|
| **Syarikat** | **Skop Pemantauan:**<br>• Pematuhan terhadap seksyen 30(1) AS 2016 berkaitan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran di premis perniagaan.<br>• Pemeriksaan rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343, 54 AS 2016 dan kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 1966.<br>• Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235 AS 2016.<br>• Penilaian kompetensi setiausaha syarikat melalui penilaian terhadap peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. | **Skop Pemantauan:**<br>• Status serah simpan Penyata Tahunan berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016.<br>• Status serah simpan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 248(1), 258(1) & 259(1) AS 2016.<br>• Pemantauan terhadap syarikat di bawah seksyen 240 AS 2016 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha syarikat.<br>• Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 264 AS 2016 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.<br>• Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 266(3)(b) AS 2016.<br>• Kelayakan dan kebebasan penyelesai syarikat di bawah seksyen 433 AS 2016.<br>• Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 30(2) AS 2016 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan rasmi syarikat termasuk dalam bentuk elektronik dan laman sesawang. |
| | **JUMLAH: 3,919** | **JUMLAH: 325,252** |
| **Perniagaan** | **Skop Pemantauan:**<br>• Pematuhan terhadap Kaedah 13A(2), KPP 1957 berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di luar premis perniagaan.<br>• Pematuhan di bawah seksyen 12(2) APP 1956 berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan.<br>• Pemeriksaan berkaitan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956. | **Skop Pemantauan:**<br>• Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) APP 1956.<br>• Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh perniagaan. |
| | **JUMLAH: 5,503** | **JUMLAH: 189,432** |
| **Perkongsian Liabiliti Terhad** | **Skop Pemantauan:**<br>• Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012. | **Skop Pemantauan:**<br>• Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) APLT 2012.<br>• Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh perkongsian liabiliti terhad. |
| | **JUMLAH: 30** | **JUMLAH: 4,448** |
| **JUMLAH** | **9,452** | **519,132** |

## AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN LAIN BAGI TAHUN 2021

### *Task Force*: Ops Ulat Sesawang

*Task Force* Ops Ulat Sesawang (OUS) ditubuhkan pada 25 Mac 2021 untuk membanteras ejen atau ulat yang dikenal pasti menggunakan nama dan logo SSM dan menawarkan perkhidmatan pembaharuan perniagaan dalam talian dengan mengenakan fi yang tinggi. Statistik pemeriksaan yang dijalankan adalah seperti berikut:

**Statistik Jumlah Entiti Perniagaan**

| | Aktif | Tutup | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Perniagaan | 5 | 12 | 17 |
| Syarikat | 1 | 0 | 1 |
| PLT | 0 | 1 | 1 |
| Tidak Berdaftar | 0 | 3 | 3 |
| Jumlah | 6 | 16 | 22 |

**Statistik Jumlah URL Laman Sesawang**

| | Aktif | Tutup | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Perniagaan | 5 | 19 | 24 |
| Syarikat | 1 | 1 | 2 |
| PLT | 0 | 1 | 1 |
| Tidak Berdaftar | 0 | 3 | 3 |
| Jumlah | 6 | 24 | 30 |

**Statistik Penemuan Entiti Baharu**

| | Laman Web | Shopee | Facebook | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Perniagaan | 14 | 4 | 2 | 20 |
| Syarikat | - | - | - | - |
| PLT | 1 | - | - | 1 |

| | Laman Web | Shopee | Facebook | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Koperasi (berdaftar dengan SKM) | - | 1 | - | 1 |
| Tidak Berdaftar | 2 | 2 | - | 4 |
| Jumlah | 17 | 7 | 2 | 26 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

***SSM ONLINE BUSINESS ALERT* (OBA)**

SSM OBA adalah satu langkah proaktif dan inovatif oleh SSM untuk mewujudkan satu pautan khas dalam laman sesawang rasmi SSM bagi memaparkan senarai laman sesawang atau media sosial yang disyaki terlibat dalam penipuan perniagaan dalam talian berdasarkan kepada laporan aduan yang diterima.

SSM OBA telah diwujudkan bagi membantu orang awam dengan memberi kesedaran awal supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti yang menjalankan perniagaan dalam talian secara tidak beretika. Sejak SSM OBA diwujudkan pada 29 Julai 2020, sebanyak 20 entiti telah dikenal pasti dan telah dimuat naik ke dalam laman rasmi SSM.

**HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN**

**Kadar Pematuhan**

Berdasarkan hasil pemeriksaan melalui pangkalan data, SSM telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerah simpan Penyata Tahunan kepada Pendaftar. Penyerahan Penyata Tahunan untuk tahun 2021 mencatatkan kadar pematuhan pada tahap 90%.

Perbandingan jumlah serah simpan Penyata Tahunan dan kadar pematuhan untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti carta di bawah:




**Jumlah Serah Simpan Penyata Tahunan dan Kadar Pematuhan**

**TINDAKAN LANJUT BAGI KETIDAKPATUHAN**

| | | |
|---|---|---|
| 01 | **Jumlah Syarikat Dalam Daftar sehingga 31 Disember 2021** | **1,429,109** (2020: 1,375,467) |
| 02 | **Jumlah Syarikat Telah Bubar sehingga 31 Disember 2021** | **727,473** (2020: 686,901) |
| 03 | **Jumlah Syarikat Dalam Daftar Belum Bubar sehingga 31 Disember 2021** | **701,636** (2020: 688,566) |
| 04 | **Jumlah Syarikat Berkewajipan Menyerah Simpan Penyata Tahunan bagi Tahun 2021** | **465,978** (2020: 516,043) |
| 05 | **Jumlah Syarikat Telah Menyerah Simpan Penyata Tahunan bagi Tahun 2021** | **418,655** (2020: 469,013) |
| 06 | **Jumlah Syarikat Tidak Menyerah Simpan Penyata Tahunan bagi Tahun 2021** | **47,323** (2020: 47,030) |
| 07 | **Jumlah Notis seksyen 551 AS 2016 bagi Tujuan Pembatalan Nama Syarikat bagi Tahun 2021** | **24,896** (2020: 35,944) |
| 08 | **Jumlah Fail Pendakwaan Dibuka bagi Tahun 2021** | **7,832** (2020: 9,410) |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## TINDAKAN DARI HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

Bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif serta tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan, SSM meneruskan tindakan penguatkuasaan ke atas ketidakpatuhan yang dikenal pasti hasil daripada operasi, pemantauan dalam talian dan media serta pemantauan kelayakan pengarah syarikat.

Statistik bagi pemeriksaan terhadap premis syarikat, perniagaan dan PLT adalah seperti berikut:

| SYARIKAT | PERNIAGAAN | PLT |
|---|---|---|
| 3,919<br>(2020: 7,373)<br>(2019: 9,411) | 5,503<br>(2020: 13,356)<br>(2019: 16,218) | 30<br>(2020: 49)<br>(2019: 96) |

**Tindakan Dari Hasil Pemeriksaan**

**560** Notis Pematuhan dikemukakan kepada syarikat (216) dan perniagaan (344)

Statistik pemantauan internet dan media bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti berikut:

**Tindakan Dari Hasil Pemantauan Internet dan Media**

| | 2021 | 2020 | 2019 |
|---|---|---|---|
| **Seksyen 12(1)(a) APP 1956**<br>**Perniagaan tidak berdaftar** | 52 | 138 | 176 |
| **Seksyen 12(1)(b) APP 1956**<br>**Perniagaan gagal memperbaharui pendaftaran perniagaan** | 127 | 150 | 181 |
| **Seksyen 30(2) AS 2016**<br>**Perniagaan tidak mempamerkan nama dan nombor pendaftaran di laman web/ media sosial** | 360 | 331 | 0 |
| **Kaedah 13(2)(B) KPP 2020** | 536 | 599 | 0 |
| **Notis Pematuhan** | 1,075 | 507 | 357 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Pemantauan ke atas pengarah bankrap, syarikat yang gagal menyerah simpan Penyata Hal Ehwal dan syarikat yang mempunyai gadaian tertunggak adalah seperti gambar rajah berikut:

**PEMANTAUAN KE ATAS PENGARAH BANKRAP, SYARIKAT YANG GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL & SYARIKAT YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK**

**SYARIKAT YANG TELAH DIGULUNGKAN DAN GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL**

**Jumlah Notis:**
444 notis pematuhan di bawah seksyen 484 AS 2016 telah dikeluarkan terhadap pengarah dan setiausaha syarikat.

**Tindakan Pentadbiran:**
444 pengarah dan setiausaha syarikat dikenakan tindakan pentadbiran.

**PENGARAH BANKRAP**

**Jumlah Notis:**
Tiada notis pematuhan di bawah seksyen 198 AS 2016 dikeluarkan terhadap mana-mana pengarah yang bankrap.

**Tindakan Pentadbiran:**
2 orang pengarah dikenakan tindakan pentadbiran.

**SYARIKAT YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK**

**Jumlah Notis:**
1,469 notis pematuhan di bawah seksyen 360 AS 2016 telah dikeluarkan terhadap syarikat, pengarah dan setiausaha syarikat.

**Tindakan Penggulungan:**
79 syarikat telah dicadangkan untuk pembatalan nama di bawah seksyen 549 AS 2016.

## PENDAFTARAN SETIAUSAHA SYARIKAT

### Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat

Sehingga 31 Disember 2021 sebanyak 9,177 setiausaha syarikat telah berdaftar dan memperolehi Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat semenjak seksyen 241 AS 2016 mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2019.

Peruntukan ini menghendaki mana-mana individu yang berkelayakan di bawah seksyen 235 AS 2016 dan berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat, mendaftar dengan SSM sebelum boleh bertindak sebagai setiausaha syarikat.

Seksyen 241 AS 2016 adalah bertujuan memastikan suatu daftar setiausaha syarikat di Malaysia dapat diwujudkan agar SSM dapat memantau kompetensi dan profesionalisme setiausaha syarikat yang seterusnya memberi impak yang positif terhadap tahap pematuhan dan tadbir urus yang baik dalam kalangan komuniti korporat dan syarikat.

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Berikut adalah statistik permohonan baharu Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2021:

**PERMOHONAN BAHARU SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2021**

| | |
|---|---|
| Jumlah Permohonan Diterima | **658** |
| Jumlah Permohonan Diluluskan | **637** |
| Pecahan permohonan baharu yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional | |
| (a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS) | **90** |
| (b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA) | **93** |
| (c) Institut Akauntan Malaysia (MIA) | **325** |
| (d) Majlis Peguam Malaysia (BC) | **94** |
| (e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) | **14** |
| (f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) | **7** |
| (g) Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA) | **10** |
| (h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS) | **4** |

Jadual di bawah menunjukkan statistik permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2021:

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2021**

| | |
|---|---|
| Jumlah Permohonan Diterima dan Diluluskan | **4,045** |
| Pecahan permohonan pembaharuan yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional | |
| (a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS) | **1,045** |
| (b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA) | **981** |
| (c) Institut Akauntan Malaysia (MIA) | **1,618** |
| (d) Majlis Peguam Malaysia (BC) | **151** |
| (e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) | **191** |
| (f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) | **11** |
| (g) Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA) | **10** |
| (h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS) | **38** |

**Lesen Setiausaha Syarikat**

Sebanyak 2,390 individu telah dilesenkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20G ASSM 2001 sehingga 31 Disember 2021. Ringkasan aktiviti pelesenan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

**Permohonan Lesen**
**217**
(2020: 243)

**Permohonan Pembaharuan**
**575**
(2020: 973)

**Sesi Temuduga**
**33**
(2020: 68)

**Peratusan Calon Lulus**
**35%**
(2020: 46%)

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Bagi pemantauan setiausaha syarikat, sebanyak 261 (2020: 276) penilaian kompetensi setiausaha syarikat telah dijalankan di pejabat berdaftar syarikat bagi menilai peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016.

Sebanyak 102 (2020: 109) notis pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235(2) AS 2016 telah dikeluarkan. Ringkasan aktiviti pemantauan setiausaha syarikat bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

**Pemantauan Setiausaha Syarikat**

**2021 : 261**
2020 : 276
2019 : 455

**Kelayakan Setiausaha (Lesen tamat tempoh)**

**2021 : 102**
2020 : 109
2019 : 156

**Kadar Tahap Kompetensi**

| | |
|---|---|
| **Kompeten** | **: 95.2%** |
| Sederhana | : 4.8% |
| Kurang Kompeten | : Tiada |

**Pemeriksaan Tahap Kompetensi**

**2021 : 159**
2020 : 167
2019 : 299

## PEMANTAUAN JURUAUDIT DAN FIRMA AUDIT

SSM menjalankan pemantauan ke atas juruaudit bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme juruaudit dapat dipantau secara berkesan menerusi mekanisme yang komprehensif. Ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan juruaudit dan firma juruaudit berkaitan keperluan untuk mematuhi peruntukan di bawah AS 2016 seperti yang ditetapkan.

Bagi tahun 2021, SSM telah menjalankan pemeriksaan ke atas 853 juruaudit (2020: 916) dan 976 firma juruaudit (2020: 1,125). Berdasarkan hasil pemeriksaan, didapati dua (2) firma juruaudit telah gagal mematuhi peruntukan di bawah seksyen 265(4) dan seksyen 284(a) AS 2016.

Ringkasan aktiviti berhubung pemantauan juruaudit dan firma juraudit bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

**Statistik Pemantauan Juruaudit dan Firma Audit**

**Juruaudit**
**853**
2020: 916
2019: 764

**Firma Juruaudit**
**976**
2020: 1,125
2019: 961

**Laporan Juruaudit**
**64**
2020: 61
2019: 60

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

**PENGURUSAN ADUAN**

Penerimaan aduan sehingga Disember 2021 ialah sebanyak 1,109 aduan dengan pengurangan sebanyak 74 aduan iaitu 6.25% berbanding pada tahun sebelumnya (1,183). Daripada jumlah aduan diterima, sebanyak 1,093 (98.50%) aduan telah berjaya diproses dalam tempoh sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2021.

| ADUAN DISELESAIKAN PADA 2021 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Aduan diterima | Aduan berjaya diselesaikan | | Aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh sasaran | | Aduan diselesaikan melebihi tempoh sasaran | |
| **1,109** | **1,093** | **98.50%** | **1,093** | **98.50%** | **16** | **1.50%** |

| TAHUN | ADUAN DITERIMA MENGIKUT ENTITI | | | |
|---|---|---|---|---|
| | SYARIKAT | PERNIAGAAN | LAIN-LAIN | JUMLAH |
| **2021** | **738** | **342** | **29** | **1,109** |
| **2020** | 786 | 371 | 26 | 1,183 |
| **2019** | 1,109 | 408 | 31 | 1,548 |

| TAHUN | ADUAN DISELESAIKAN MENGIKUT ENTITI | | | |
|---|---|---|---|---|
| | SYARIKAT | PERNIAGAAN | LAIN-LAIN | JUMLAH |
| **2021** | **725** | **339** | **29** | **1,093** |
| **2020** | 768 | 362 | 26 | 1,156 |
| **2019** | 1,076 | 403 | 31 | 1,510 |

| KLASIFIKASI ADUAN YANG DITERIMA | |
|---|---|
| ISU | JUMLAH |
| Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan | **15** |
| Salah laku pengarah syarikat | **75** |
| Salah laku setiausaha syarikat | **89** |
| Salah laku juruaudit syarikat | **3** |
| Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat dan serah simpan maklumat palsu dan mengelirukan | **299** |
| Salah laku semasa penggulungan syarikat | **20** |
| Ketidakaturan perakaunan | **5** |
| Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar | **26** |
| Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar | **6** |
| Kesalahan melibatkan skim pelaburan dalam talian atau skim kepentingan tidak berdaftar | **0** |
| Kesalahan asas dan rutin | **140** |
| Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan | **173** |
| Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan wang atau barangan, masalah dalaman dan aturan mesyuarat | **107** |
| Pertanyaan berkaitan salah laku korporat | **151** |
| JUMLAH | 1,109 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*




Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2021 adalah:

(a) Isu kesalahan penipuan dan kesalahan serius merupakan aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 299 aduan (27.00%). Antara kesalahannya seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, isu kewajipan dan liabiliti pengarah serta pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam.

(b) Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan merupakan aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 173 aduan (15.60%).

(c) Aduan yang melibatkan pertanyaan berkaitan salah laku korporat merupakan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 151 aduan (13.61%).

## PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN BAGI ENTITI YANG DIPERBADANKAN DAN DIDAFTARKAN DI MALAYSIA

Pada tahun 2021, pemantauan ke atas integriti Penyata Kewangan sentiasa menjadi keutamaan untuk SSM. Pemantauan terhadap 4,366 Penyata Kewangan telah dilaksanakan dengan melakukan semakan terperinci terhadap rekod-rekod kewangan syarikat dan PLT selaras dengan kehendak AS 2016, AS 1965, ASA 1949, APLT 2012 dan ASSM 2001 serta pematuhan ke atas piawaian perakaunan yang diluluskan untuk penyediaan Penyata Kewangan dan lain-lain akta yang dikawal selia.

Fokus pemantauan ke atas entiti yang dikawal selia oleh SSM adalah untuk memastikan penyimpanan rekod perakaunan dan dokumen-dokumen sokongan syarikat disimpan dengan sewajarnya, Penyata Kewangan disediakan secara teratur serta dapat menjelaskan setiap transaksi yang terlibat, penekanan terhadap pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan ke atas Penyata Kewangan turut diberi perhatian. Ini juga bagi memastikan Penyata Kewangan yang disediakan memberikan gambaran benar dan adil (*true and fair*) sebagaimana kehendak seksyen 259 AS 2016.

Selain Penyata Kewangan beraudit, SSM turut memantau Penyata Kewangan tidak beraudit yang diserah simpan bagi memastikan pematuhan kepada kriteria yang ditetapkan di dalam *Practice Directive 3/ 2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies*.

SSM memantau maklumat kewangan dalam Perakuan Tahunan PLT bagi memastikan setiap PLT mematuhi peruntukan di bawah seksyen 69 APLT 2012 berhubung penyimpanan rekod-rekod perakaunan. Selain itu, pemantauan maklumat kewangan utama PLT juga dipantau melalui pengeluaran Borang Maklumat Kewangan PLT bagi memastikan PLT memberikan maklumat yang tepat dan tidak mengelirukan berdasarkan peruntukan seksyen 80 APLT 2012.

Pemantauan syarikat amanah juga dilaksanakan bagi melihat pematuhan di bawah seksyen 21 ASA 1949 terhadap serah simpan penyata liabiliti bersama dengan penyata affidavit dan penyata aktiviti dwi tahunan. Di samping itu, pematuhan terhadap seksyen 245 AS 2016 untuk syarikat amanah dijalankan untuk memastikan pematuhan dengan penyimpanan akaun dipenuhi.

Statistik berhubung pemantauan Penyata Kewangan, pemeriksaan rekod-rekod perakaunan dan program kesedaran kepada setiausaha syarikat, pengarah serta pegawai pematuhan melalui e-poskad adalah seperti di bawah:

**Penyata Kewangan Bersyarat**
**1,364**
2020 : 408
2019 : 809

**Penyata Kewangan Tidak Beraudit**
**1,245**
2020 : 172
2019 : 7

**Perkongsian Liabiliti Terhad**
**518**
2020 : 428
2019 : 928

**Syarikat Amanah**
**37**
2020 : 37
2019 : 38

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

**Penyata Kewangan (EPC)**

**1,052**

2020 : NA
2019 : 1,108

**Syarikat Asing**

**113**

2020 : NA
2019 : 100

**Program Kesedaran e-Poskad**

**64,182**

2020 : 11,893
2019 : 9,610

**Kaji Selidik *Business Review***

**300**

2020 : -
2019 : -

Penerangan tentang kesalahan berkaitan penyata kewangan dan rekod perakaunan adalah seperti berikut:

| KESALAHAN | KETERANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| **Seksyen 245 & 246 AS 2016** | (a) Kegagalan untuk menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain bagi memastikan Penyata Kewangan dapat disediakan dengan adil dan saksama.<br><br>(b) Kegagalan pengarah syarikat awam dan anak syarikat awam untuk memastikan sistem kawalan dalaman syarikat berkaitan dengan aset-aset dan transaksi rekod-rekod perakaunan dapat dikawal dan direkodkan dengan sewajarnya bagi memastikan Penyata Kewangan disediakan dengan benar dan saksama. | **479** |
| **Seksyen 27B(4) ASSM 2001** | Kegagalan PLT memberikan maklum balas terhadap notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001 bagi Borang Maklumat Kewangan (BMK). | **63** |
| **Arahan Amalan 3/2017** | Kegagalan syarikat mematuhi *Practice Directive 3/ 2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies*. | **306** |
| **Seksyen 248 AS 2016** | Kegagalan pengarah syarikat menyediakan Penyata Kewangan beraudit dalam masa enam bulan dari tahun kewangan berakhir. Syarikat telah menyerah simpan Penyata Kewangan tidak beraudit dan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam PD 3/ 2017. | **107** |
| **Seksyen 251(1)(b) AS 2016** | Kegagalan menyertakan suatu akuan berkanun (*statutory declaration*) bersama-sama Penyata Kewangan oleh orang yang bertanggungjawab dalam memberikan pendapat mengenai ketepatan kandungan Penyata Kewangan tersebut. | **1** |
| **Seksyen 244 AS 2016** | Kegagalan menggunakan piawaian perakaunan yang betul di dalam penyediaan Penyata Kewangan sesuatu syarikat asing. | **2** |
| **Seksyen 574 AS 2016** | Kegagalan syarikat asing menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain di Malaysia yang menerangkan dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan syarikat asing itu bagi membolehkan rekod itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya. | **1** |
| **Seksyen 260 AS 2016** | Kegagalan syarikat mematuhi peruntukan khususnya memastikan maklumat yang dinyatakan di dalam Sijil EPC (Borang 558) yang ditandatangani oleh pengarah, setiausaha syarikat dan juruaudit adalah benar dan sahih. | **66** |
| | **JUMLAH** | **1,025** |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Tindakan penguatkuasaan berkaitan pemantauan Penyata Kewangan dan Rekod Perakaunan tahun 2021 adalah seperti berikut:

| TINDAKAN PENGUATKUASAAN | JUMLAH |
|---|---|
| Notis Peringatan kerana syarikat tidak mengikut format Sijil Pengecualian Audit (AEC) | 125 |
| Notis Peringatan kerana syarikat menyerah simpan Penyata Kewangan tidak beraudit tanpa Sijil Pengecualian Audit | 132 |
| Notis Pematuhan terhadap syarikat yang mempunyai Penyata Kewangan berstatus *Qualified* di bawah seksyen 245 AS 2016 kepada setiausaha syarikat dan pengarah syarikat | 154 |
| Notis Peringatan dikeluarkan kepada syarikat bagi mematuhi peruntukan seksyen 260 AS 2016 agar maklumat yang dinyatakan dalam Sijil EPC (Borang 558) yang ditandatangani oleh pengarah, setiausaha syarikat dan juruaudit adalah benar dan sahih | 66 |
| Notis Peringatan dikeluarkan kepada pegawai pematuhan PLT yang gagal memberikan maklum balas terhadap notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001 | 63 |
| **JUMLAH** | **540** |

**PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)**

Pada tahun 2021, pemeriksaan Penyata Kewangan telah dijalankan ke atas 250 SBMJ bagi memastikan pematuhan piawaian perakaunan. Sebanyak tiga (3) notis telah dihantar kepada SBMJ berhubung verifikasi aset. Sebanyak 1,594 SBMJ telah dihantar notis 27B bagi menjawab Borang Maklumat Kewangan (BMK) dan 2,123 SBMJ bagi menjawab Borang Maklumat Kawalan Dalaman (BMKD). Sebanyak 64 notis dihantar kepada SBMJ bagi dana permulaan RM1 juta yang perlu diperolehi dalam tempoh enam (6) bulan selepas diperbadankan. Sebanyak 345 notis dikeluarkan bagi pemeriksaan berdasarkan *Risk-Based Approach*.

Dalam tahun 2021, terdapat dua (2) soalan kaji selidik yang telah diedarkan kepada SBMJ iaitu kaji selidik Panduan Amalan Terbaik SBMJ dan Polisi Pencegahan Rasuah berdasarkan Pelan Antirasuah National (NACP) kepada 2,123 SBMJ dan *Business Review Director Feedback Survey* 2021 kepada 600 SBMJ. Program kesedaran untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengarah dan setiausaha SBMJ berhubung piawaian perakaunan, ulasan perniagaan dan sistem kawalan dalaman telah diuar-uarkan kepada pengarah dan setiausaha yang terdiri daripada 4,846 SBMJ.

Ringkasan aktiviti pemantauan SBMJ bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI PEMANTAUAN | JUMLAH |
|---|---|
| Pemeriksaan Penyata Kewangan berstatus *"qualified/ unqualified"* | 250 |
| Pemeriksaan verifikasi aset | 3 |
| Borang Maklumat Kewangan (BMK) | 1,594 |
| Borang Maklumat Kawalan Dalaman (BMKD) | 2,123 |
| **Pematuhan ke atas syarat-syarat lesen/ Garis Panduan SBMJ** | |
| • SBMJ hendaklah mendapatkan dana permulaan RM1 juta dalam tempoh 6 bulan selepas diperbadankan | 64 |
| • SBMJ yang memiliki tanah atau melupuskan tanah | 86 |
| • SBMJ yang membayar gaji, fi, elaun tetap atau apa-apa manfaat kepada pengarah | 96 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

| AKTIVITI PEMANTAUAN | JUMLAH |
|---|---|
| **Pemeriksaan berdasarkan maklum balas BMK 2020** | |
| • SBMJ yang mempunyai jumlah pendapatan derma dari luar negara yang melebihi RM100,000.00 | **35** |
| • SBMJ yang menerima pendapatan melalui geran kerajaan | **80** |
| • SBMJ yang mempunyai jumlah tunai dan bank dari luar negara yang melebihi RM100,000.00 | **10** |
| • SBMJ yang menerima pendapatan melalui dana daripada pemegang amanah | **38** |
| **Soalan kaji selidik** | |
| • Kaji selidik panduan amalan terbaik SBMJ dan polisi pencegahan rasuah berdasarkan NACP | **2,123** |
| • *Business Review Director Feedback Survey 2021* | **600** |
| **Kempen kesedaran melalui e-Poskad** | |
| • Pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan | **2,123** |
| • Ulasan perniagaan seksyen 253(3) dan Bahagian II Jadual Kelima AS 2016 | **600** |
| • Sistem kawalan dalaman SBMJ | **2,123** |

Tindakan penguatkuasaan ke atas SBMJ bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| GAGAL MENJAWAB BORANG MAKLUMAT KEWANGAN (BMK) TAHUN 2020 |
|---|
| • 560 Notis Peringatan |
| • 493 Notis Peringatan Kali Kedua |

**PEMANTAUAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR (SKB)**

Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) adalah satu perundangan tunggal untuk mentadbir dan mengawal selia SKB. SKB adalah satu bentuk pengumpulan dana alternatif di mana sumbangan oleh pemegang kepentingan dikumpulkan di dalam perusahaan yang sama.

Objektif pemantauan adalah seperti berikut:

(a) Mengenal pasti jenis-jenis SKB untuk dijadikan asas bagi mengambil tindakan di bawah ASK 2016;

(b) Memastikan pegawai-pegawai syarikat pengurusan (operator skim) mengamalkan tadbir urus korporat yang baik;

(c) Memastikan hak dan pemegang-pemegang kepentingan SKB dilindungi;

(d) Memastikan pemegang amanah bagi skim yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang termaktub di bawah ASK 2016;

(e) Memastikan syarikat pengurusan (operator skim) mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus yang didaftarkan serta mengeluarkan peringatan kepada syarikat yang telah dikenal pasti; dan

(f) Memastikan dokumen yang diperiksa adalah SIA, Surat Ikatan Amanah Tambahan (SIAT) dan Prospektus.

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Mekanisme perlindungan terhadap pemegang kepentingan adalah seperti berikut:

| AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 |
|---|
| **Seksyen 9(5)**<br>Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan syarikat memberi pampasan kepada pelabur terdahulu sebelum mendaftarkan skim |
| **Seksyen 42**<br>Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan Perintah Berhenti ke atas syarikat pengurusan |
| **Seksyen 55**<br>Hak pemegang kepentingan untuk meminta pengarah syarikat pengurusan supaya memanggil mesyuarat pemegang kepentingan |
| **Seksyen 71**<br>Kuasa Pendaftar untuk campur tangan sekiranya pengendalian skim tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan |
| **Seksyen 72**<br>Kuasa Pendaftar untuk menamatkan skim tidak berdaftar |

Statistik pemeriksaan SKB yang melibatkan pemantauan fizikal dan data bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



Pemeriksaan fizikal telah ditukar kepada pengeluaran notis di bawah seksyen 27B disebabkan pandemik COVID-19. Hasil pemeriksaan fizikal dan data bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | TINDAKAN |
|---|---|
| **Pemeriksaan fizikal** | **Empat (4) fail aduan dikeluarkan seperti berikut:**<br><br>• Tiada tindakan lanjut - **2 fail**<br>• Penggulungan skim - **2 fail** |
| **Pemeriksaan data** | **33 notis pematuhan bagi pembaharuan prospektus telah dikeluarkan daripada 173 pemeriksaan data yang telah dijalankan seperti berikut:**<br><br>• Skim Keahlian Kelab Golf & Rekreasi - **2**<br>• Skim Keahlian Rekreasi - **11**<br>• Skim Kongsi Masa - **7**<br>• Skim Pelaburan Kongsitani - **2**<br>• Skim Pelaburan Taman Memorial - **4**<br>• Skim Pelaburan Hartanah - **7** |
| **Pengeluaran notis di bawah seksyen 27B** | **15 notis di bawah seksyen 27B telah dikeluarkan kepada pemegang amanah berkaitan status skim di bawah seliaan mereka seperti berikut:**<br><br>• Pemantauan berterusan sehingga serahan *Deed of Termination* - **7 fail**<br>• Tiada tindakan lanjut - **6 fail**<br>• Pemeriksaan fizikal - **2 fail** |

Program kesedaran yang dijalankan untuk operator dan pemegang amanah bagi skim pada tahun 2021 adalah seperti di bawah:



*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## SIASATAN

| PROGRAM BERSAMA SETIAUSAHA SYARIKAT SECARA BERSASAR BERKAITAN ISU PEMALSUAN MAKLUMAT DI BAWAH SEKSYEN 364 AS 1965/ SEKSYEN 591 AS 2016 | PENGLIBATAN SERAMAI 72 ORANG PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA SETIAUSAHA SYARIKAT DAN PEMBANTU SETIAUSAHA SYARIKAT MELALUI EMPAT (4) SESI PROGRAM BAGI TAHUN 2021. |
|---|---|

**OBJEKTIF**

**PUNCA UTAMA KES PEMALSUAN MAKLUMAT**

Kegagalan setiausaha syarikat dalam membuat semakan Kenali Pelanggan Anda (*Know Your Customer* (KYC))/ Usaha Wajar Pelanggan (*Customer Due Deligence* (CDD)) ke atas pelanggan-pelanggan yang berurusan dengan mereka

**Memberi pendedahan kepada setiausaha syarikat berkenaan KYC/ CDD** — 1

**Menerangkan kesan ketidakpatuhan kepada KYC/ CDD** — 2

Gagal mengenal pasti dan membuat pengesahan identiti pelanggan

Memberi kebenaran kepada individu lain untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat

Gagal mengenal pasti dan mengesahkan *locus standi* identiti individu (pihak ketiga) yang berurusan dengan setiausaha syarikat




Gagal memastikan maklumat dan rekod Penyata Kewangan syarikat disimpan dengan teratur

Gagal mengurus dan menyimpan maklumat pelanggan

86%

14%

**Secara keseluruhan, 86% (62 peserta) bersetuju bahawa objektif program telah tercapai dan menyatakan program yang dijalankan ini telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menjalankan tugas kesetiausahaan.**

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## HEBAHAN MEDIA

**Selain tindakan siasatan konvensional bersifat reaktif yang diamalkan oleh SSM, tindakan penguatkuasaan bersifat pencegahan dan kesedaran juga boleh dijadikan sebagai salah satu langkah proaktif untuk mendidik orang awam supaya lebih berhati-hati agar mereka tidak terlibat dan terpedaya dalam kes-kes melibatkan pelanggaran akta-akta yang dikawal selia oleh SSM.**

**Oleh itu, sepanjang tahun 2021, SSM telah membuat hebahan di platform media sosial SSM berkaitan pelbagai topik. Hebahan-hebahan media ini dilihat telah mendapat sambutan perkongsian yang menggalakkan daripada platform media sosial yang lain terutamanya platform media sosial milik agensi kerajaan dan komuniti seperti PDRM (*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* dan Pejabat Polis Daerah), Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Peguam Negara Malaysia, Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi), Pusat Internet Komuniti dan juga firma-firma kesetiausahaan dan perakaunan.**

### TOPIK KESEDARAN

1. Skim Kutu
2. Pinjaman Wang Berlesen
3. Juruaudit Palsu
4. Lindungi Identiti Anda
5. Maklumat Mengelirukan
6. Kenali Pelanggan Anda
7. Pengarah Bankrap
8. Notis-notis SSM

### HEBAHAN DI PLATFORM MEDIA SOSIAL SSM



*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN SIASATAN 2021

### RAKAMAN PERCAKAPAN

534 SESI

### PENGURUSAN EKSHIBIT

Ekshibit yang didaftarkan 90

Ekshibit yang dipulangkan 35

### NOTIS

636 Notis di bawah seksyen 111 Kanun Prosedur Jenayah untuk rakaman percakapan

41 Notis di bawah seksyen 27B(2)(a) ASSM 2001 untuk mendapatkan maklumat

108 Notis di bawah seksyen 27B(2)(b) ASSM 2001 untuk mendapatkan dokumen

### CARIAN MAKLUMAT

| | |
|---|---|
| 14 | JABATAN INSOLVENSI |
| 1 | MAHKAMAH |
| 56 | BANK |
| 14 | JABATAN KIMIA |
| 31 | JABATAN PENGANGKUTAN JALAN |
| 46 | JABATAN PENDAFTARAN NEGARA |
| 381 | TELCO |
| 55 | JABATAN IMIGRESEN |
| 14 | FACEBOOK/ AKHBAR |

### PENDAKWAAN

KES YANG MELIBATKAN PELBAGAI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965/ AS 2016 7

KES YANG MELIBATKAN KESALAHAN DI BAWAH APLT 2012 1

10 SENARAI HITAM TELAH DILAKUKAN

### PEMERIKSAAN

| | |
|---|---|
| PREMIS PERNIAGAAN | 23 |
| PEJABAT BERDAFTAR | 30 |
| PEJABAT JURUAUDIT | 1 |
| ALAMAT KEDIAMAN SAKSI DAN SUSPEK | 65 |

### JALINAN STRATEGIK BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA, BADAN BERKANUN DAN LAIN-LAIN

BANK NEGARA MALAYSIA

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## STATISTIK DAN ANALISA SIASATAN BAGI TAHUN 2021

### JUMLAH KESELURUHAN KERTAS SIASATAN




### PECAHAN SIASATAN MENGIKUT AKTA

| | |
|---|---|
| 45 | AS 1965 |
| 201 | AS 2016 |
| 3 | Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 |
| 29 | APP 1956 |
| 1 | APLT 2012 |
| 30 | Akta Skim Kepentingan 2016 |

### JENIS KESALAHAN




### 309 ENTITI YANG TERLIBAT DI DALAM SIASATAN

**PERNIAGAAN**

Milikan tunggal
**26 Entiti**

Perkongsian
**8 Entiti**

**SYARIKAT**

Persendirian
**255 Entiti**

Awam
**19 Entiti**

**PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

**1 Entiti**

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

# PENDAKWAAN DAN LITIGASI

## BENGKEL PERBICARAAN DAN RAYUAN

Bengkel Perbicaraan dan Rayuan secara fizikal telah diadakan pada 7 hingga 9 April 2021 yang melibatkan seramai 31 peserta. Penceramah yang dijemput ialah Puan Samihah Bt Rhazali, Timbalan Pendakwa Raya yang berpengalaman dari Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara Malaysia. Peserta-peserta Bengkel Perbicaraan dan Rayuan tersebut merangkumi semua pegawai Bahagian Pendakwaan & Litigasi (BPL) dari Ibu Pejabat dan pegawai-pegawai Seksyen Penguatkuasaan dari Pejabat Negeri.

## BENGKEL PENYEDIAAN HUJAHAN PIHAK PENDAKWAAN 2021

Bengkel Penyediaan Hujahan Pihak Pendakwaan telah diadakan pada 17 hingga 19 November 2021 yang telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan), Tuan Khuzairi Yahaya. Bengkel ini telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Pendakwa dari Ibu Pejabat SSM. Penceramah-penceramah yang menyampaikan modul mengenai penyediaan hujahan pihak pendakwaan ialah Puan Rozaliana Zakaria, Pengarah BPL dan Encik Mohd Zulkhairi Kamaruzaman, Ketua Seksyen Pendakwaan, BPL.

## PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN SSM 2021

Persidangan Penguatkuasaan SSM 2021 (ECON 2021) kali ke-12 dengan tema *"Social Economy and the COVID-19 Crisis: New Norms – New Strategies"* telah dilaksanakan dengan jayanya pada 8 hingga 10 Disember 2021. Wakil daripada kesemua Bahagian di bawah Pejabat Kawal Selia & Penguatkuasaan (KSP), Pejabat Negeri dan Cawangan seluruh negara telah bersidang bagi berkongsi maklumat dan berbincang isu-isu berkaitan kawal selia & penguatkuasaan. Penceramah, ahli panel dan moderator adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daripada kesemua Bahagian di bawah Pejabat KSP disertai bersama ahli panel jemputan daripada Jabatan Peguam Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

## PENDAKWAAN

### PENDAFTARAN KES MAHKAMAH TAHUN 2021

Tahun 2021 mencatatkan peningkatan bilangan pendaftaran kes pendakwaan di Mahkamah. SSM telah mendaftarkan 5,732 kes di Mahkamah pada tahun 2021 berbanding 4,738 kes pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak 21%.

Statistik kes kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

| KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Seksyen 12(1)(d) APP 1956:** Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | **-** | 1 | 3 |
| **Seksyen 7D(5) AS 1965:** Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | **-** | - | - |
| **Seksyen 89 AS 1965:** Pengeluaran kepentingan kepada orang awam bukan daripada syarikat atau ejen syarikat. | **-** | - | - |
| **Seksyen 91(1) AS 1965:** Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | **-** | 2 | 1 |
| **Seksyen 125(1) AS 1965:** Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | **2** | - | 7 |
| **Seksyen 128(2) AS 1965:** Pemecatan pengarah-pengarah tanpa notis khas. | **-** | - | - |
| **Seksyen 131(1) AS 1965:** Kegagalan mengemukakan kepentingan kepada syarikat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 132(1) AS 1965:** Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | **-** | - | 4 |
| **Seksyen 132(2)(c) AS 1965:** Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | **-** | 4 | 4 |
| **Seksyen 132(2)(d) AS 1965:** Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari. | **-** | - | 1 |
| **Seksyen 364(2) AS 1965:** Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **1** | 3 | 17 |
| **Seksyen 370(1) AS 1965:** Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 167(2) AS 1965:** Gagal menyimpan rekod audit perakaunan syarikat selama 7 tahun. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 198(1) AS 2016:** Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | **3** | 2 | 4 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

| KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Seksyen 593(a) AS 2016:** Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **1** | - | 2 |
| **Seksyen 593(b) AS 2016:** Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 591(2)(a) AS 2016:** Pernyataan palsu yang mengelirukan. | **2** | 5 | 3 |
| **Seksyen 27B(1)(a) ASSM 2001:** Gagal mematuhi notis menghadiri rakaman percakapan di hadapan Pendaftar. | **-** | - | 3 |
| **Seksyen 80(1) APLT 2012:** Kenyataan palsu dan mengelirukan. | **1** | - | 1 |
| **Seksyen 484(6) AS 2016:** Gagal mengemukakan liabiliti di dalam Pernyataan Hal Ehwal Syarikat. | **-** | - | 1 |
| **Seksyen 245(9) AS 2016:** Gagal menyimpan akaun syarikat. | **-** | 1 | 2 |
| **Seksyen 3(2)(a) ASK 2016:** Dilarang membuat penawaran bagi sesuatu skim yang tidak didaftarkan. | **-** | - | 2 |
| **Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971:** Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 597(1) AS 2016:** Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran "Berhad" atau "*Limited*" merupakan singkatan atau perkataan yang terakhir tanpa kebenaran. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 230 AS 2016:** Tiada mesyuarat agung berkenaan menghendaki semua bayaran para pengarah dan apa-apa faedah yang perlu dibayar kepada para pengarah, mesti disetujui oleh para pemegang saham. | **2** | - | - |
| **JUMLAH** | **12** | 22 | 55 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

| KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Seksyen 143(1) AS 1965:** Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | **214** | 131 | 384 |
| **Seksyen 169(1) AS 1965:** Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | **66** | 121 | 107 |
| **Seksyen 165(4) AS 1965:** Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | **1,528** | 1,610 | 7,011 |
| **Seksyen 68(1) AS 2016:** Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | **3,413** | 2,508 | 1,705 |
| **Seksyen 121(1)(b) AS 1965:** Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat. | **-** | - | - |
| **Seksyen 121(3) AS 1965:** Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat. | **-** | - | - |
| **Seksyen 369(1)(c) AS 1965:** Kesalahan lazim (am). | **-** | - | - |
| **Seksyen 588(1)(c) AS 2016:** Kesalahan lazim (am). | **-** | - | 1 |
| **Seksyen 12(1)(a) APP 1956:** Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran. | **5** | 34 | 21 |
| **Seksyen 12(1)(b) APP 1956:** Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | **36** | 63 | 76 |
| **Seksyen 12(1)(c) APP 1956:** Gagal memberikan maklumat kepada Pendaftar. | **-** | - | - |
| **Seksyen 12(2) APP 1956:** Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan. | **65** | 76 | 32 |
| **Seksyen 17A(1)(b) APP 1956:** Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | **3** | 12 | 22 |
| **Seksyen 17A(2) APP 1956:** Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | **62** | 118 | 8 |
| **Seksyen 259(1)(a) AS 2016:** Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar. | **328** | 43 | - |
| **JUMLAH** | **5,720** | 4,716 | 9,367 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

SSM mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan kes pendakwaan di Mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah AS 1965, AS 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, APP 1956, APLT 2012, ASSM 2001 dan ASK 2016 seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Pertama, ASSM 2001.

Statistik bagi kes kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016, APP 1956 dan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 adalah seperti jadual di bawah:

| KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | JUMLAH KES YANG DIDAKWA | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Seksyen 91(1) AS 1965:** Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 94(1)(b) AS 1965:** Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 7D(5) AS 1965:** Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | **-** | - | - |
| **Seksyen 125(1) AS 1965:** Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | **1** | - | - |
| **Seksyen 132(1) AS 1965:** Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | **-** | - | - |
| **Seksyen 132(2)(a) AS 1965:** Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. | **2** | - | 2 |
| **Seksyen 132(2)(c) AS 1965:** Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | **2** | - | 1 |
| **Seksyen 363(3) AS 1965:** Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai. | **-** | - | - |
| **Seksyen 364(2) AS 1965:** Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **-** | 1 | 4 |
| **Seksyen 364A(1)(a) AS 1965:** Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut. | **-** | - | - |
| **Seksyen 198(1) AS 2016:** Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | **-** | 1 | 1 |
| **Seksyen 593(b) AS 2016:** Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **-** | 4 | - |
| **Seksyen 245(9) AS 2016:** Gagal menyimpan akaun syarikat. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 12(1)(d) APP 1956:** Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971:** Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 597(1) AS 2016:** Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran "Berhad" atau "*Limited*" merupakan singkatan atau perkataan yang terakhir tanpa kebenaran. | **-** | 1 | - |
| **Seksyen 591(2)(a) AS 2016:** Pernyataan palsu yang mengelirukan. | **1** | - | - |
| **JUMLAH** | **6** | 10 | 8 |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

| KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM | JUMLAH KES YANG DIDAKWA | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Seksyen 143(1) AS 1965:** Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | **242** | 204 | 449 |
| **Seksyen 169(1) AS 1965:** Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | **37** | 26 | 73 |
| **Seksyen 165(4) AS 1965:** Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | **546** | 1,412 | 3,924 |
| **Seksyen 165A AS 1965:** Gagal melampirkan Penyata Juruaudit. | **-** | - | 24 |
| **Seksyen 68(1) AS 2016:** Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | **5,279** | 3,135 | 1,220 |
| **Seksyen 370(1) AS 1965:** Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 139C AS 1965:** Setiausaha yang hilang kelayakan. | **-** | - | - |
| **Seksyen 12(1)(a) APP 1956:** Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran. | **522** | 1 | - |
| **Seksyen 12(1)(b) APP 1956:** Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | **149** | 30 | 58 |
| **Seksyen 12(2) APP 1956:** Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan. | **120** | 17 | 2 |
| **Seksyen 17A(1)(b) APP 1956:** Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | **2** | 1 | 1 |
| **Seksyen 17A(2) APP 1956:** Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | **168** | 22 | 9 |
| **Seksyen 259(1)(a) AS 2016:** Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar. | **160** | - | - |
| **JUMLAH** | **7,225** | 4,848 | 5,760 |

## KES-KES PENTING DALAM TAHUN 2021

Tahun 2021 mencatatkan jumlah sabitan sebanyak 116 kes. Ringkasan kes-kes penting yang dikendalikan oleh SSM adalah seperti berikut:

| PIHAK-PIHAK | JENIS KESALAHAN | KESALAHAN (SEKSYEN) | KETERANGAN |
|---|---|---|---|
| **NWP Holdings Berhad lawan Pendakwa Raya** | **Membuat pembayaran fi pengarah tanpa kelulusan pada suatu Mesyuarat Agung** | **Seksyen 230(1)(b) AS 2016** | Perayu (Orang Kena Saman) telah dituduh ke atas dua (2) pertuduhan di bawah seksyen 230(1)(b) AS 2016 bagi kesalahan membuat pembayaran fi tanpa kelulusan Mesyuarat Agung untuk tahun 2017 dan 2018.<br><br>Alasan Permohonan Perayu untuk Bantahan Awal ini adalah kerana pertuduhan pertama (pembayaran fi 2017) adalah bersifat retrospektif kerana tarikh tahun takwim bagi 2017 adalah di antara peralihan AS 1965 (Akta 125) kepada AS 2016 (Akta 777) dan oleh itu pertuduhan adalah tidak sah. Seksyen 619 AS 2016 (Peruntukan Peralihan Am) diguna pakai oleh pihak Responden (Pendakwa Raya) bagi menyanggah Alasan Permohonan Perayu ini.<br><br>Perayu turut membuat permohonan bantahan atas alasan kedua-dua pertuduhan adalah defektif kerana tidak menurut Kanun Tatacara Jenayah dan oleh itu kedua-dua pertuduhan tidak sah.<br><br>Mahkamah telah menolak Bantahan Awal Perayu dan memutuskan kedua-dua pertuduhan yang dikenakan adalah sah dan lengkap. |
| **Pendakwa Raya lawan Aziz bin Intan** | **Menyalah guna kedudukan sebagai pengarah syarikat demi mendapatkan kepentingan sendiri secara langsung** | **Seksyen 132(2)(a) dan seksyen 132(2)(c) AS 1965** | Orang Kena Saman (OKS) telah mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan yang dikenakan. Mahkamah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman RM3,000 bagi setiap pertuduhan, jika gagal bayar, penjara tiga (3) bulan. |
| **Pendakwa Raya lawan Cheng Nyok Wei** | **Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar** | **Seksyen 364(2) AS 1965** | OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya melalui proses Rundingan Akuan. Mahkamah telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000. |
| **Pendakwa Raya lawan Choong Shin Cheong** | **Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar** | **Seksyen 364(2) AS 1965** | OKS telah disabitkan bersalah selepas bicara penuh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru dan dijatuhi hukuman denda RM20,000, jika gagal bayar, penjara enam (6) bulan. Rayuan OKS telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Sabitan dan hukuman dikekalkan. |
| **Pendakwa Raya lawan Hung Lye Huat** | **Bankrap yang belum dilepaskan bertindak sebagai pengarah syarikat tanpa kebenaran Mahkamah** | **Seksyen 125(1) AS 1965** | OKS telah mengaku salah bagi dua (2) pertuduhan yang dikenakan terhadapnya melalui proses Rundingan Akuan. Mahkamah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman RM8,000 bagi setiap pertuduhan, jika gagal bayar, penjara tiga (3) bulan. |

**SABITAN PENDAKWAAN DARI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

Statistik sabitan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

| KATEGORI | KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | | | KESALAHAN LAZIM | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Syarikat** | **-** | - | - | **90** | 309 | 432 |
| **Pengarah** | **8** | 3 | 8 | **-** | - | - |
| **Pemilik/ Perniagaan Individu** | **-** | 1 | - | **18** | 34 | 19 |
| **JUMLAH** | **8** | 4 | 8 | **108** | 343 | 451 |

**LITIGASI**

Pada tahun 2021, SSM telah melaksanakan dua (2) aktiviti seperti berikut:

(a) Mengadakan bengkel bagi Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) Injunksi bagi kes-kes di bawah Akta-Akta yang dikawal selia oleh SSM secara dalam talian melalui aplikasi *Microsoft Teams* pada 17 September 2021; dan

(b) Mengadakan bengkel bagi Penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi kes-kes di bawah ASK 2016 pada 1 hingga 3 Disember 2021.

Statistik fail berkaitan aktiviti litigasi yang dibuka bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 adalah seperti berikut:

| KATEGORI | FAIL YANG DIBUKA | | |
|---|---|---|---|
| | 2021 | 2020 | 2019 |
| **Kes Mahkamah** | **519** | 511 | 543 |
| **Pandangan Perundangan** | **1** | 12 | 4 |
| **Pelbagai** | **6** | 8 | 8 |
| **JUMLAH** | **526** | 531 | 555 |

Antara kes-kes Mahkamah yang dikendalikan oleh SSM adalah meliputi perkara-perkara berikut:

(a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);

(b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 361 AS 2016);

(c) Permohonan berkaitan dengan pembetulan dokumen di bawah seksyen 602 AS 2016;

(d) Permohonan berkaitan pembetulan daftar syarikat menurut seksyen 103 AS 2016;

(e) Kes-kes yang melibatkan ASK 2016;

(f) Kes-kes writ saman yang melibatkan tuntutan kecuaian dan ganti rugi terhadap SSM; dan

(g) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

Pada tahun 2021, SSM telah terlibat dengan beberapa kes penting yang perlu diberi perhatian di mana kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

| PIHAK | KETERANGAN |
|---|---|
| **Wabina Constructions & Engineering Sdn Bhd v Kerajaan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Datuk Alexander Nanta Linggi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lain-Lain (PA-25-26-05/2020)** | Wabina Constructions & Engineering Sdn Bhd selaku Plaintif di dalam kes ini telah memfailkan permohonan Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk mencabar kesahihan Perintah Syarikat (Pengecualian) (No.2) 2020 yang telah digazetkan pada 23 April 2020. Perintah Syarikat (Pengecualian) (No.2) 2020 tersebut yang telah diperkenalkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 berkuat kuasa adalah bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat yang terkesan dari segi perjalanan perniagaan dan kewangan disebabkan pandemik COVID-19.<br><br>Antara lain, berikut merupakan relif-relif yang dipohon oleh Plaintif dalam permohonan Semakan Kehakiman tersebut:<br><br>(a) Perintah dalam bentuk *certiorari* untuk membatalkan atau mengenepikan Perintah Syarikat (Pengecualian) No. 2 2020 [P.U (A) 123] bertarikh 23 April 2020;<br><br>(b) Perintah dalam bentuk *mandamus* di mana Responden-Responden (termasuk SSM sebagai Responden Keempat) akan mematuhi dan mengiktiraf Perintah Semakan Kehakiman ini; dan<br><br>(c) Perintah dalam bentuk *mandamus* bahawa kos tindakan hendaklah ditanggung oleh Responden Pertama sehingga Responden Keempat secara bersama atau berasingan.<br><br>Sebelum pendengaran bagi permohonan Semakan Kehakiman dijalankan, Plaintif telah memfailkan satu permohonan interlokutori di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bagi merujuk isu-isu yang disebutkan di atas untuk penentuan dan pelupusan oleh Mahkamah Persekutuan.<br><br>Permohonan interlokutori tersebut telah dibuat di bawah seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memandangkan terdapat isu-isu yang terlibat adalah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:<br><br>(a) Sama ada hak statutori Plaintif seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 465 dan seksyen 466(1)(a) AS 2016 telah dilanggar, hilang dan dimusnahkan disebabkan oleh Perintah Syarikat (Pengecualian) (No.2) 2020 yang telah diwartakan pada 23 April 2020 dan secara tidak langsung telah menafikan hak Plaintif seperti yang dilindungi dan termaktub di bawah Perkara 5(1) dan Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan;<br><br>(b) Sama ada hak Plaintif di bawah perlembagaan sebagai pemiutang yang diputuskan oleh keputusan Adjudikasi Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 (CIPAA) pada 24 Februari 2020 telah disekat dan dimusnahkan pada tempoh 23 April 2020 hingga 31 Disember 2020 disebabkan oleh Perintah Syarikat (Pengecualian) (No.2) 2020, sedangkan Responden Kelima secara tidak adil menikmati faedah yang sah dan perlindungan tambahan daripada Perintah Syarikat (Pengecualian) (No.2) 2020 tersebut. Perkara ini telah secara tidak langsung menafikan hak Plaintif yang termaktub di bawah Perkara 5(1), Perkara 8(1) dan Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan.<br><br>(c) Sama ada Plaintif sebagai pemiutang (dan mana-mana syarikat lain yang merupakan pemiutang) mempunyai hak yang berbeza dan tidak diberikan sebarang perlindungan yang sama di bawah undang-undang dengan Responden Kelima (dan mana-mana syarikat penghutang lain). Ini sekali lagi telah menafikan hak Plaintif seperti yang dilindungi dan termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan; dan<br><br>(d) Sama ada Plaintif telah kehilangan haknya di bawah undang-undang apabila undang-undang baharu digubal oleh Responden Kedua dan Responden Ketiga (yang dicadangkan oleh Responden Keempat) tanpa sebarang enakmen di Parlimen Malaysia. Perkara ini secara tidak langsung merupakan penafian hak Plaintif dan jangkaan munasabah yang dilindungi di bawah Perkara 44(1) dan Perkara 66(1) Perlembagaan Persekutuan. |

*INISIATIF PENGUATKUASAAN*

| PIHAK | KETERANGAN |
|---|---|
| | Pada 3 Mei 2021, Yang Arif Dato' Sri Tun Abd Majid Dato' Haji Tun Hamzah, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, telah menolak permohonan di atas dengan kos dalam kausa dan memerintahkan supaya permohonan utama Semakan Kehakiman di perenggan 1 didengar oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada tarikh yang akan ditetapkan. Pihak-pihak juga telah diperintahkan untuk memfailkan afidavit sebelum Mahkamah menetapkan tarikh pendengaran.<br><br>Pada tarikh pendengaran yang ditetapkan pada 15 Disember 2021, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menolak permohonan Semakan Kehakiman tersebut dengan kos sebanyak RM5,000.00 yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada Responden Pertama hingga Keempat dan kos sebanyak RM3,000.00 dibayar oleh Pemohon kepada Responden Kelima.<br><br>Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bersetuju bahawa permohonan Semakan Kehakiman tersebut telah menjadi satu isu akademik memandangkan Perintah Syarikat (Pengecualian) (No. 2) 2020 telah pun berakhir pada 31 Disember 2020. Tambahan pula, Pemohon telah pun menerima bayaran penuh daripada Responden Kelima.<br><br>Berkenaan dengan isu substantif, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah memutuskan bahawa Perintah Syarikat Pengecualian (No. 2) 2020 tersebut bukanlah bersifat *ultra vires* terhadap AS 2016 dan Perintah tersebut tidak menafikan hak Pemohon dan mana-mana pemiutang mahupun bertentangan dengan prinsip kesaksamaan di bawah Perlembagaan Persekutuan. |
| **Janice Khoo Liew Kee & A La Pointe Ballet (Penang) Sdn Bhd v SSM** | Kes ini adalah berkaitan dengan permohonan SSM untuk mencelah dan mengenepikan Perintah Mahkamah bertarikh 8 Januari 2019 di mana Mahkamah telah membenarkan permohonan Pemohon secara *ex-parte* untuk membatalkan nama syarikat A La Pointe Ballet Academy (Pg) Sdn Bhd. SSM juga telah diarah untuk memberi kesan terhadap Perintah Mahkamah tersebut.<br><br>Isu berbangkit bagi kes ini adalah sama ada Mahkamah mempunyai kuasa untuk membatalkan nama sesebuah syarikat menurut peruntukan seksyen 549 dan 550 AS 2016.<br><br>Pada 7 September 2021, Yang Arif Dato' Sri Tun Majid Dato' Haji Tun Hamzah, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah membenarkan permohonan SSM untuk mencelah dan mengenepikan Perintah Mahkamah bertarikh 8 Januari 2019. Keputusan kes ini menunjukkan Mahkamah telah mengiktiraf bahawa kuasa untuk membatalkan sesebuah syarikat daripada Daftar SSM menurut seksyen 549 dan 550 AS 2016 adalah merupakan kuasa Pendaftar Syarikat dan bukannya kuasa Mahkamah. Pemohon tidak sepatutnya menyalah gunakan proses Mahkamah dengan membuat permohonan pembatalan nama syarikat melalui Mahkamah secara *ex-parte* tanpa menamakan SSM sebagai salah satu pihak dalam permohonan itu sedangkan kuasa membatalkan nama syarikat adalah kuasa Pendaftar Syarikat menurut peruntukan dalam AS 2016. |
| **Shanmuganathan A/L Palaniappan, Suresh A/L Kaliannan & Yow Hoe Bus Company Berhad v SSM** | Kes ini merupakan satu permohonan daripada Pengarah-pengarah Syarikat Yow Hoe Bus Company Berhad di Mahkamah Tinggi Johor Bahru bagi satu perintah di bawah seksyen 583 AS 2016 untuk memindahkan sebanyak 30,200 saham-saham milik lapan (8) pemegang saham syarikat Yow Hoe Bus Company Berhad (Warganegara Singapura) yang keberadaan mereka tidak diketahui selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun kepada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan (Kumpulan Wang Tidak Dituntut).<br><br>Di dalam kes ini, Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru setelah mendengar hujahan SSM yang merujuk akan kuasa Mahkamah di bawah seksyen 25(2) Akta Kehakiman 1964, telah membenarkan pemohonan Pemohon-Pemohon dan mengarahkan Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya untuk menyempurnakan dokumen pindah milik saham tersebut mengikut seksyen 25(2) Akta Kehakiman 1964. |

# INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

# INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

**Inisiatif COVID-19: Preskripsi Jumlah Keterhutangan Syarikat di bawah seksyen 466 (1)(a) AS 2016**

Berkuat kuasa mulai 1 April 2021, ambang keterhutangan syarikat menurut seksyen 466(1)(a) AS 2016 adalah amaun melebihi RM50,000 seperti yang ditetapkan di bawah Warta Kerajaan Persekutuan No. 4159 [G.N. No. 4159].

Peningkatan kekal ambang keterhutangan dari RM10,000 ini adalah selaras dengan inisiatif berterusan SSM untuk menyokong komuniti perniagaan dalam tempoh pemulihan ekonomi bagi membantu syarikat yang masih berdaya maju dari segi kewangan namun terjejas kerana tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dalam menghadapi kewajipan kewangannya.

Dari tempoh 23 April 2020 sehingga 31 Mac 2021, ambang keterhutangan telah dinaikkan sementara daripada RM10,000 kepada RM50,000 sebagai sebahagian daripada inisiatif intervensi bagi memastikan syarikat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 tidak berhadapan dengan tindakan penggulungan.

**Cadangan Pindaan ke atas ASSM 2001**

Berikutan mandat yang diberi oleh Kabinet kepada SSM sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mentadbir Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB), SSM telah mencadangkan pindaan kepada ASSM 2001 untuk meluaskan fungsi Suruhanjaya bagi mengawal selia RUU tersebut.

Di samping itu, peruntukan berkaitan kuasa untuk menerbitkan maklumat, kuasa untuk mengambil tindakan dan rayuan kepada Menteri juga dicadangkan untuk dipinda. Cadangan tersebut bertujuan untuk menangani ketidakselarasan dalam undang-undang dan mengukuhkan pemakaian peruntukan sedia ada yang berkaitan dengan kuasa Menteri, Suruhanjaya dan Pendaftar.

**RUU Syarikat (Pindaan) and RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan)**

SSM sedang memuktamadkan RUU Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Parlimen 2022 selepas disahkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Salah satu tujuan pindaan ialah untuk menambah baik kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan supaya lebih komprehensif setanding dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing. Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad berhadapan dengan risiko untuk digulungkan sekiranya mereka berdepan dengan masalah kewangan walaupun perniagaan tersebut pada hakikatnya masih berdaya maju.

Satu lagi objektif pindaan ialah untuk mengukuhkan lagi peruntukan tadbir urus dengan menambah baik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk mengekang aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya dengan menyalahgunakan entiti perniagaan bagi melindungi kegiatan jenayah tersebut. Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang dicadangkan ini akan meningkatkan ketelusan berkaitan individu sebenar yang memiliki atau yang mempunyai kawalan terhadap entiti perniagaan tersebut.

**Lanjutan tempoh peralihan bagi pematuhan terhadap Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial (PB) Berkaitan *Legal Persons***

Selaras dengan pindaan terhadap AS 2016 dan APLT 2012, SSM telah melanjutkan tempoh peralihan kepada entiti undang-undang untuk mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan Kerangka Pelaporan PB Berkaitan *Legal Persons* agar selaras dengan tarikh penguatkuasaan RUU Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan). Semasa tempoh peralihan, entiti undang-undang mesti mematuhi garis panduan tersebut kecuali berkaitan serah simpan kepada Pendaftar sekiranya terdapat pindaan pada maklumat PB.

**GARIS MASA PELAPORAN PB**

| 1 Mac hingga 31 Disember 2020 | Selepas 31 Disember 2020 atau tarikh lanjutan berikutnya* |
|---|---|
| Entiti mendapatkan, mengesahkan dan menyimpan maklumat PB di peringkat entiti | Pendaftar akan menggunakan kuasanya di bawah seksyen 56(6) AS 2016 dan syarikat mempunyai masa 14 hari untuk mengemukakan maklumat PB.<br><br>PLT mempunyai masa 14 hari untuk memaklumkan Pendaftar berhubung sebarang butiran yang didaftar. |

*Tempoh peralihan telah dilanjutkan untuk diselaraskan dengan pelaksanaan cadangan RUU Syarikat (Pindaan) (melalui pengumuman yang dibuat pada 17 Disember 2020) dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen yang akan datang

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

**RUU Syarikat Amanah**

Sebagai sebahagian daripada program pembaharuan undang-undang korporat, SSM mencadangkan pengenalan RUU Syarikat Amanah yang baharu untuk menggantikan Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949) sedia ada. Usaha ini bertujuan untuk memastikan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM adalah tetap relevan mengikut perkembangan semasa serta merealisasikan hasrat SSM untuk menjadi pengawal selia terulung di peringkat dunia melalui pemantauan yang efektif berdasarkan kerangka perundangan yang komprehensif.

Syarikat amanah telah dikenal pasti oleh *Financial Action Task Force* (FATF) sebagai institusi pelapor berdasarkan kecenderungannya untuk disalah guna bagi tujuan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebagai tindak balas, RUU baharu itu akan memperkenalkan polisi baharu ke arah memodenkan ASA 1949 selaras dengan keperluan antarabangsa dalam memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia selamat dan berupaya menarik pelabur asing ke Malaysia.

**Objektif Semakan Semula ASA 1949**

**01**
Memberikan kejelasan dan kepastian dalam undang-undang dan mengelakkan peruntukan yang tidak konsisten dan bertindih dalam statut yang berbeza

**02**
Memperkenalkan kuasa pemboleh moden yang baharu dan diperlukan untuk pengurusan syarikat amanah yang cekap

**03**
Memodenkan undang-undang syarikat amanah untuk memudahkan pentadbiran amanah yang lebih berkesan

**04**
Untuk mempromosikan perniagaan amanah serta mengukuhkan daya saing dan daya tarikan industri perkhidmatan syarikat amanah di Malaysia

**05**
Untuk menyelaraskan undang-undang dengan piawaian antarabangsa yang berkaitan

**06**
Untuk memansuhkan peraturan lapuk dan rumit yang menimbulkan ketidakpastian berkaitan dengan proses pendaftaran dan prosedur pelaporan

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

## Kenyataan Polisi di bawah RUU Syarikat Amanah

| Parameter Aktiviti | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 1** | Undang-undang akan memperjelaskan parameter perniagaan amanah atau aktiviti bersifat amanah dan definisi "Perniagaan Amanah". |

| Rejim Pendaftaran Mandatori | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 2** | Undang-undang akan memperjelaskan bahawa hanya syarikat awam menurut syer dibenarkan untuk didaftar sebagai syarikat amanah dan pendaftaran diwajibkan di bawah RUU Syarikat Amanah sebelum dibenarkan untuk menjalankan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah. |
| **Kenyataan Polisi 3** | Undang-undang akan memperkenalkan keperluan mandatori syarikat amanah untuk mempunyai perlembagaan dengan objek khusus. |
| **Kenyataan Polisi 4** | Undang-undang akan memperuntukkan pengecualian ke atas kategori orang tertentu daripada keperluan pendaftaran dan kuasa memberi pengecualian terletak kepada Menteri atas syor daripada Pendaftar. |
| **Kenyataan Polisi 5** | Undang-undang akan diselaraskan dengan AS 2016 berikutan pemodenan beberapa konsep undang-undang syarikat termasuk pengabaian konsep modal saham dibenarkan. |
| **Kenyataan Polisi 6** | Undang-undang akan melarang seseorang daripada memegang lebih daripada 20% pegangan saham dalam syarikat amanah. |
| **Kenyataan Polisi 7** | Undang-undang akan mengekalkan keperluan sedia ada bagi syarikat amanah untuk meletakkan deposit keselamatan dengan Menteri Kewangan tetapi dengan pengubahsuaian kepada jumlah deposit keselamatan berdasarkan peratusan tertentu untuk mencerminkan nilai semasa perniagaan amanah yang dijalankan oleh syarikat amanah. |
| **Kenyataan Polisi 8** | Undang-undang akan mengenepikan peruntukan timbal balik semasa yang berkaitan dengan undang-undang amanah di Singapura. |
| **Kenyataan Polisi 9** | Undang-undang akan memberikan takrif baharu "pemunya bermanfaat" dan "kawalan" untuk menggalakkan ketelusan pemilikan dan kawalan syarikat amanah serta pengaturan amanahnya. |
| **Kenyataan Polisi 10** | Undang-undang akan memperuntukkan kewajipan serah simpan Penyata Tahunan bersama maklumat PB. |
| **Kenyataan Polisi 11** | Undang-undang akan memberikan sekatan jenayah ke atas pengarah syarikat amanah kerana melanggar tugas dan kewajipan tertentu di bawah RUU Syarikat Amanah sebagai tambahan kepada peruntukan yang dinyatakan di bawah AS 2016. |
| **Kenyataan Polisi 12** | Undang-undang akan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengenakan sebarang terma dan syarat berkenaan kelayakan dan pengalaman pengarah syarikat amanah. |
| **Kenyataan Polisi 13** | Undang-undang akan mengekalkan polisi semasa bagi peruntukan yang berkaitan dengan juruaudit di bawah AS 2016. |
| **Kenyataan Polisi 14** | Undang-undang akan memperluaskan seksyen 8(1) ASA 1949 berhubung objek syarikat amanah dengan memasukkan kuasa lembaga pengarah syarikat amanah untuk menentukan sendiri ganjaran, caj dan yuran. |

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

## Kenyataan Polisi di bawah RUU Syarikat Amanah

| Penghentian Syarikat Amanah | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 15** | Pengekalan peruntukan yang berkaitan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan penggulungan syarikat amanah. |
| **Kenyataan Polisi 16** | Penjelasan bahawa syarikat amanah dibenarkan untuk menghentikan operasi dengan syarat aset syarikat amanah atau aktiviti berkaitan amanah diagihkan ketika syarikat masih bertindak sebagai pemegang amanah. |
| **Kenyataan Polisi 17** | Syarikat amanah dibenarkan mendapat manfaat daripada peruntukan yang berkaitan dengan Skim Perkiraan dan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah AS 2016. |
| **Kenyataan Polisi 18** | Mengekalkan kuasa Menteri untuk memohon penggulungan syarikat amanah berdasarkan keadaan tertentu dan pemakaian perenggan 465(2)(b) AS 2016 di mana Pendaftar diberi kuasa untuk memohon penggulungan syarikat amanah yang digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang. |

| Perkhidmatan Elektronik | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 19** | Undang-undang akan memperkenalkan pemfailan elektronik secara mandatori bagi serah simpan atau pemfailan dokumen dan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk membekalkan maklumat dan mengeluarkan sebarang dokumen secara elektronik. |

| Kuasa Berkaitan Menteri Kewangan | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 20** | Undang-undang akan memberi kuasa kepada Menteri:<br><br>(a) untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Pendaftar mengenai keengganan untuk mendaftarkan syarikat sebagai syarikat amanah;<br>(b) untuk bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan; dan<br>(c) untuk bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan penggulungan syarikat amanah oleh Mahkamah. |
| **Kenyataan Polisi 21** | Mengekalkan dasar sedia ada yang berkaitan dengan kuasa Menteri:<br><br>(a) untuk mendengar rayuan berhubung penambahan deposit keselamatan dalam keadaan tertentu dan untuk meluluskan penggantian sekuriti lain yang didepositkan kepada Akauntan Negara;<br>(b) untuk meluluskan pelaburan dan penjualan tanah yang dicagarkan dalam tempoh tiga (3) tahun selepas pemerolehan; dan<br>(c) untuk menentukan jumlah bayaran yang dikutip oleh Pendaftar bagi pihak Akauntan Negara. |

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

**Rang Undang-undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB)**

SSM meneruskan usaha bagi memperkenalkan kerangka perundangan kepentingan bercagar dan mewujudkan pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia melalui cadangan RUU HAKB.

RUU HAKB dicadangkan untuk mengisi jurang di Malaysia agar entiti perniagaan boleh menggunakan harta alih yang dimiliki oleh mereka dan menggunakan harta tersebut sebagai sandaran untuk mendapatkan pembiayaan bagi tujuan mengembangkan perniagaan. Pelbagai perbincangan dan perundingan telah dijalankan bersama pelbagai agensi dan Kementerian serta kertas cadangan bagi memperkenalkan kerangka perundangan baharu kepentingan bercagar telah dibentangkan kepada Kabinet pada 17 Februari 2021. Kabinet telah bersetuju agar RUU HAKB digubal bagi tujuan pendaftaran dan penguatkuasaan kepentingan keselamatan harta alih di Malaysia dan SSM telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir RUU HAKB serta mengawal selia aktiviti berhubung dengan pendaftaran harta alih sebagai cagaran.

Bengkel selama tiga (3) hari telah diadakan bermula dari 29 November hingga 1 Disember 2021 bagi memuktamadkan draf RUU HAKB. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai undang-undang dari Bahagian Perundangan, KPDNHEP dan SSM. 108 peruntukan undang-undang berdasarkan 23 Kenyataan Polisi telah dibincangkan dan diperhalusi bagi tujuan serahan selanjutnya kepada Jabatan Peguam Negara.

**23 Kenyataan Polisi Bagi Kerangka HAKB**

| | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 1** | Pengenalan kepada kerangka pendaftaran kepentingan bercagar bagi harta alih termasuk kepentingan bercagar dari urus niaga shariah. |
| **Kenyataan Polisi 2** | Pendaftaran adalah secara sukarela. |
| **Kenyataan Polisi 3** | Kerangka undang-undang akan terpakai untuk gadaian terapung. |
| **Kenyataan Polisi 4** | Kerangka undang-undang akan terpakai bagi semua jenis harta alih. |
| **Kenyataan Polisi 5** | Pengenalan sebuah rejim pendaftaran tunggal yang komprehensif. |
| **Kenyataan Polisi 6** | Sistem pendaftaran adalah elektronik sepenuhnya. |
| **Kenyataan Polisi 7** | Kepentingan bercagar dianggap telah sempurna dan efektif terhadap pihak ketiga jika –<br>(a) notis yang berkaitan dengan kepentingan bercagar telah didaftarkan dengan Pendaftar; atau<br>(b) pemiutang bercagar telah memiliki harta alih tersebut. |
| **Kenyataan Polisi 8** | Kerangka perundangan menyediakan pemfailan notis. |
| **Kenyataan Polisi 9** | Hanya pihak berkepentingan boleh memohon maklumat dari Daftar. |
| **Kenyataan Polisi 10** | Pindaan kepada penyata pembiayaan akan dibenarkan didaftarkan oleh pemberi/ penghutang/ pemiutang bercagar. |
| **Kenyataan Polisi 11** | Penyataan palsu yang difailkan kepada Pendaftar di bawah kerangka ini adalah suatu kesalahan jenayah. |
| **Kenyataan Polisi 12** | Pendaftaran kepentingan bercagar adalah sempurna melainkan dibuat untuk tujuan menipu atau mengelirukan. |
| **Kenyataan Polisi 13** | Pendaftaran penyata pembiayaan boleh dibatalkan melalui suatu notis. |
| **Kenyataan Polisi 14** | Kerangka undang-undang memerlukan penzahiran sebarang subordinasi dari dalam penyata pembiayaan. |
| **Kenyataan Polisi 15** | Kerangka ini secara umumnya akan membenarkan mana-mana orang untuk membuat carian ke atas daftar dan mendapatkan cetakan hasil carian. Walau bagaimanapun, pertimbangan berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 perlu diambil kira di mana maklumat yang dibenarkan bukan merupakan maklumat yang sensitif di bawah PDPA. |
| **Kenyataan Polisi 16** | Secara umumnya keutamaan diberikan kepada kepentingan bercagar yang telah didaftarkan dengan sempurna berbanding kepentingan bercagar yang tidak disempurnakan bagi kolatoral yang sama dan keutamaan tersebut ditentukan pada masa pihak itu mengambil langkah penyempurnaan. |

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

**23 Kenyataan Polisi Bagi Kerangka HAKB**

| | |
|---|---|
| **Kenyataan Polisi 17** | Kerangka undang-undang hendaklah menyediakan parameter yang jelas berkaitan dengan kepentingan bercagar/ perubahan keadaan kepentingan. |
| **Kenyataan Polisi 18** | Kerangka undang-undang hendaklah menyediakan penguatkuasaan kepentingan sekiranya berlaku keingkaran oleh penghutang/ pemberi/ pemiutang bercagar. |
| **Kenyataan Polisi 19** | Kerangka undang-undang hendaklah membenarkan pembatalan hak penguatkuasaan oleh pemberi atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan ke atas harta bercagar. |
| **Kenyataan Polisi 20** | Peruntukan akan dibuat untuk menyediakan perlindungan sewajarnya bagi kepentingan bercagar yang melibatkan penghutang/ pemberi di bawah insolvensi atau *receivership*. |
| **Kenyataan Polisi 21** | Peruntukan umum tempoh peralihan. |
| **Kenyataan Polisi 22** | Kepentingan bercagar terdahulu. |
| **Kenyataan Polisi 23** | Pindaan dan pemansuhan. |

**Kajian ke atas Kesan Ekonomi Gig Terhadap APP 1956**

Menyedari kepentingan berhubung peranan yang dimainkan oleh pekerja gig dan penyedia platform digital ke arah pertumbuhan domestik, SSM telah mengambil inisiatif untuk mengkaji kesan sektor gig ke atas APP 1956 dengan memberi penekanan khusus berhubung penentuan sama ada aktiviti pekerja gig termasuk dalam takrifan "perniagaan" yang perlu didaftarkan di bawah APP 1956.

Kajian ini adalah signifikan kerana ramai rakyat Malaysia telah memilih untuk menyertai ekonomi gig berikutan pemberhentian kerja dan kehilangan pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Objektif kajian adalah:

(a) Untuk menentukan sama ada aktiviti pekerja gig yang terlibat dalam ekonomi gig boleh diklasifikasikan sebagai 'perniagaan' di bawah APP 1956;

(b) Untuk mencadangkan dasar yang bersesuaian bagi mengawal aktiviti gig di bawah APP 1956 berdasarkan klasifikasi yang telah dibuat; dan

(c) Untuk memodenkan APP 1956 seiring dengan amalan perniagaan semasa dan trend baharu aktiviti "seumpama perniagaan" yang dijalankan dalam ekonomi gig.

Hasil kajian dijangka akan dilaporkan pada Mei 2022 selepas *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) memuktamadkan definisi nasional berkaitan industri gig dan hasil penyelidikan berhubung Tenaga Kerja Tidak Rasmi oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

**Peraturan, Arahan Amalan dan Garis Panduan**

Pada tahun 2021, SSM mengeluarkan nota dan dokumen-dokumen perundangan bagi menyediakan panduan terkini dan penjelasan berhubung perundangan dan praktis di bawah seliaannya.

*INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG*

Berikut adalah dokumen-dokumen yang dikeluarkan dan digazetkan dalam tahun 2021:

**(a) Peraturan-Peraturan Syarikat (Pindaan) 2021**
Tarikh warta : 18 Ogos 2021
Objektif : Pindaan pada Jadual di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 2017 berkaitan dengan:
(i) Fi bagi tujuan serah simpan notis berkaitan penambahan modal saham syarikat asing di bawah subseksyen 567(3) AS 2016; dan
(ii) Perkara 43, 45, 47 dan 48 bagi tujuan permohonan dan serah simpan butiran-butiran sewajarnya berkaitan syarikat, pemegang saham, pengarah, setiausaha syarikat, juruaudit dan penyelesai di bawah AS 2016.

**(b) Preskripsi Jumlah Keterhutangan Syarikat di bawah seksyen 466(1)(a) AS 2016**
Tarikh warta : 22 Mac 2021
Objektif : Menambah nilai ambang keterhutangan sesebuah syarikat di bawah seksyen 466(1)(a) AS 2016 dari RM10,000 kepada RM50,000.

**(c) Semakan Arahan Amalan 6/ 2020: Lanjutan Masa Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah Simpan Penyata Kewangan**
Tarikh warta : 27 Januari 2021
Objektif : Memperjelaskan kuasa Pendaftar berhubung permohonan lanjutan masa—
(i) Untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan di bawah seksyen 340(4) AS 2016;
(ii) Untuk mengedarkan Penyata dan Laporan Kewangan di bawah PN 3/ 2018;
(iii) Untuk serah simpan Penyata Kewangan di bawah seksyen 259(2) AS 2016; dan
(iv) Untuk mengecualikan fi permohonan lanjutan masa yang dibuat di bawah seksyen 340(4), PN 3/ 2018 atau seksyen 259(2) AS 2016 bagi syarikat yang terjejas disebabkan wabak COVID-19.

**(d) Arahan Amalan 7/ 2021: Serah Simpan Lampiran Maklumat Pemunyaan Benefisial dalam Laporan Tahunan yang Diserah Simpan di bawah seksyen 68 AS 2016**
Tarikh warta : 8 Mac 2021
Objektif : (i) Memperjelaskan dan menyelaras penyerahsimpanan lampiran maklumat PB yang dilampirkan bersama Penyata Tahunan di bawah seksyen 68 AS 2016.
(ii) Menetapkan keperluan umum berhubung serah simpan dan lain-lain perkara berkaitan dokumen tersebut.

**(e) Arahan Amalan 8/2021 – Lanjutan Masa Pengedaran Penyata dan Laporan Kewangan, Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah Simpan Penyata Kewangan Bagi Syarikat Yang Terkesan Oleh Pelaksanaan Arahan PKP.**
Tarikh warta : 31 Mei 2021
Objektif : Menyediakan tatacara untuk syarikat memohon lanjutan masa bagi pengedaran Penyata dan Laporan Kewangan, mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan menyerah simpan Penyata dan Laporan Kewangan kepada Pendaftar bagi syarikat yang terjejas akibat pelaksanaan PKP.

**(f) Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)**
Tarikh warta : 27 September 2021
Objektif : Mengemas kini garis panduan sedia ada berhubung perkara-perkara melibatkan SBMJ

**(g) Garis Panduan Berkenaan Permohonan Memasukkan Semula Nama Syarikat di bawah seksyen 555(1) AS 2016**
Tarikh warta : 10 Jun 2021
Objektif : Mengemas kini garis panduan sedia ada bagi syarikat yang memohon untuk memasukkan semula nama syarikat di dalam daftar selepas syarikat tersebut dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar.

# AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

# AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2021

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-10 dengan tema '*Governing Under New Normal*' telah diadakan pada 24 Ogos 2021. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam Hj Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP yang juga merangkap Pengerusi SSM.

Buat pertama kalinya, Persidangan Kebangsaan SSM 2021 telah dihoskan melalui platform persidangan secara maya yang membenarkan perwakilan menyertai empat (4) sesi plenari serta berinteraksi di *networking lounge* dan reruai pameran. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 2,049 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta. Seramai 17 orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan kertas semasa persidangan yang merangkumi topik-topik berikut:

(a) *Governing Under New Normal;*

(b) *Working with Remote Board;*

(c) *Beneficial Ownership Reporting: Transitional Period and Future Obligations;* dan

(d) *SSM Talks.*













## TAHUN 2021 - TAHUN PENDIGITALAN UNTUK LATIHAN

Tahun 2021 merupakan tahun kedua SSM menjalankan program latihan secara maya bagi memastikan pihak berkepentingan, terutamanya pengarah syarikat dan setiausaha syarikat meneruskan latihan untuk menimba ilmu baharu walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19.

## e-COMTRAC

Platform e-COMTRAC telah diperkenalkan pada Januari 2021 di mana e-COMTRAC adalah sistem pendaftaran latihan secara dalam talian yang disediakan oleh SSM. Semua pendaftaran dan bayaran latihan hendaklah dibuat melalui e-COMTRAC. Pihak berkepentingan dan orang ramai boleh melayari e-COMTRAC di https://e-comtrac.ssm.com.my untuk perkhidmatan yang pantas, tanpa kesesakan dan 24/7 bagi mendaftar latihan dan memperoleh mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM.

Faedah e-COMTRAC adalah seperti berikut:

(a) Peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem perkhidmatan penyampaian SSM berasaskan konsep mudah, cepat dan kos efektif dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat;

(b) Capaian secara *web-based* dengan menggunakan kemudahan teknologi terkini seperti telefon pintar, iPad dan komputer riba yang mempunyai sambungan internet;

(c) Perkhidmatan yang mudah dicapai (24/7) dan peserta tidak perlu hadir ke kaunter-kaunter perkhidmatan SSM bagi tujuan pendaftaran dan pembayaran program latihan; dan

(d) Persekitaran tanpa tunai dan pembayaran secara elektronik.

Selain daripada itu, peserta program boleh memuat turun *e-Certificate* melalui platform e-COMTRAC.

Sistem e-COMTRAC ini telah dianugerahkan sebagai Naib Johan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan pemenang Anugerah Dokumentasi Terbaik, KIK, KPDNHEP bagi tahun 2021.

## PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2021, SSM telah menganjurkan sejumlah 187 program (2020: 139) dengan 12,241 peserta (2020: 5,470). Semua program dijalankan secara dalam talian.

**PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**




Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti di bawah:

| PROGRAM | SESI | PESERTA |
|---|---|---|
| *Corporate Directors Training Programme 3.0* | 7 | 247 |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* | 21 | 1,686 |
| *Company Secretaries Training Programme Significant 2.0* | 12 | 774 |
| *Continuing Education Programmes* | 91 | 5,453 |
| *Malaysian Business Reporting Systems* (MBRS) | 40 | 1,474 |
| *In-house Training Programmes* | 15 | 558 |
| *SSM National Conference 2021* | 1 | 2,049 |
| **JUMLAH** | **187** | **12,241** |

## *CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME* (CDTP) 3.0

*Corporate Directors Training Programme Fundamental* (CDTPF) 3.0 secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat.

Dengan menyertai CDTPF 3.0, peserta akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan bentuk sesebuah syarikat;

(b) Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;

(c) Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional untuk amalan etika;

(d) Memberi pemahaman tentang isu-isu etika dan integriti yang mungkin akan dihadapi dalam perniagaan; dan

(e) Meningkatkan pemahaman berhubung AS 2016.

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

CDTPF 3.0 + *Cyber Security Awareness* dirumuskan dengan menggabungkan modul dari CDTPF 3.0 dengan latihan mengenai keselamatan siber dan CDTPF 3.0 + *Financial Statements* 101 yang memfokuskan pengenalan Penyata Kewangan kepada pengarah. Pada tahun 2021, sebanyak tujuh (7) program CDTPF 3.0 (2020: 8) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 247 orang peserta (2020: 272).

**PESERTA *CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME 3.0* BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**




***COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL* (CSTPE) 1.0**

CSTPE 1.0 adalah kesinambungan dari CSTPE di mana isi kandungan program ini telah dikemas kini berdasarkan AS 2016. CSTPE 1.0 ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 235(2)(b) AS 2016.

CSTPE 1.0 direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat kepada lembaga pengarah. Walaupun CSTPE 1.0 disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pemain korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga dapat memperoleh manfaat daripada program ini sekaligus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka.

Para peserta modul CSTPE 1.0 akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Membangunkan pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;

(b) Menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;

(c) Menggariskan fungsi dan tanggungjawab pengarah dan juruaudit;

(d) Mengamalkan pengetahuan yang diperlukan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan

(e) Mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 2016.

Pada tahun 2021, sebanyak 21 CSTPE 1.0 (2020: 21) telah diadakan yang dihadiri oleh seramai 1,686 peserta (2020: 1,185).

**PESERTA *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL* BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**



*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

### ***COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT* (CSTPS) 2.0**

CSTPS 2.0 merupakan program susulan kepada CSTP *Essential 1.0* yang diperkenalkan pada tahun 2013.

Para peserta modul CSTPS 2.0 akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;

(b) Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;

(c) Menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam pengoperasian syarikat;

(d) Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada fungsi harian setiausaha syarikat;

(e) Mengetahui pengurusan risiko keselamatan siber untuk lembaga pengarah; dan

(f) Membaca dan mentafsir Penyata Kewangan.

Sebanyak 12 CSTPS 2.0 (2020: 12) telah dianjurkan secara dalam talian pada tahun 2021 serta telah dihadiri seramai 774 peserta (2020: 568).

**PESERTA *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT* BAGI 2019 HINGGA 2021**




### ***CONTINUING EDUCATION PROGRAMME* (CEP)**

CEP direka untuk membincangkan secara terperinci berkenaan topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Kumpulan sasaran program ini adalah lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional dan usahawan.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 91 program CEP (2020: 60) telah diadakan secara dalam talian (*webinar*). Program ini telah dihadiri oleh 5,453 peserta (2020: 2,455).

**PESERTA *CONTINUING EDUCATION PROGRAMME* BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**




### **PROGRAM LATIHAN *MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM* (MBRS)**

Pada tahun 2021, tiga (3) program latihan MBRS telah ditawarkan oleh SSM:

**(a) MBRS – *Annual Return***
*This half-day course aims to provide participants with an in-depth understanding of MBRS platform and MBRS filing requirements to ensure smooth submission of Annual Returns to SSM.*

**(b) MBRS *for Preparers – Financial Statements***
*This two (2) days course is specially designed to provide preparers with an in-depth understanding and knowledge in using the* MBRS *Preparation Tool (mTool) for submission of Financial Statements (FS) and Key Financial Indicators (KFI) to SSM.*

**(c) MBRS *for Preparers – Financial Statements (Fast Track)***
*This 8-hours course over two (2) half days is a fast-track programme of* MBRS *for Preparers – Financial Statements. The hands-on course is designed for preparers with accounting/ financial backgrounds.*

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

Sebanyak 12 sesi latihan *MBRS – Annual Return*, 19 sesi latihan *MBRS for Preparers – Financial Statements* dan sembilan (9) sesi latihan *MBRS for Preparers – Financial Statements (Fast Track)* telah dianjurkan oleh SSM secara dalam talian. Ketiga-tiga latihan MBRS tersebut telah dihadiri oleh seramai 1,474 peserta.

**PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI**

SSM turut menjalankan program latihan dalaman kepada lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi. Sebanyak 15 (2020: 6) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan pada tahun 2021 dengan jumlah peserta seramai 558 orang (2020: 145).

Program latihan dalaman untuk pelbagai organisasi yang telah dianjurkan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

| PROGRAM | ORGANISASI | TARIKH |
|---|---|---|
| *Registration of Business, Company & Limited Liability Partnership & Common Offences Under ROBA 1956, CA 2016 & LLPA 2012* | Jabatan Kastam Diraja Malaysia | 11 Februari 2021 |
| *Duties and Responsibilities of Directors & Understanding Boardroom Dynamics* | Kementerian Kewangan | 16 Februari 2021 |
| *Read, Interpret and Analyse Financial Statement for Company Directors (Basic)* | Kementerian Kewangan | 17 Februari 2021 |
| *MBRS - Annual Return* | Universiti Teknologi MARA | 18 Februari 2021 |
| *MBRS for Preparers - Financial Statements* | Universiti Teknologi MARA | 22 – 23 Februari 2021 |
| *MBRS for Preparers - Financial Statements* | Universiti Teknologi MARA | 24 – 25 Februari 2021 |
| *CA 2016 (Essential)* | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 23 Mac 2021 |
| *Practical Guide to Capital Reduction by Solvency Statement* | Tricor Corporate Services Sdn Bhd | 14 Julai 2021 |
| *Adequate Procedures: Implementations and Practical Aspects* | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 9 Ogos 2021 |
| *MBRS – Annual Return* | Universiti Teknologi MARA | 12 Ogos 2021 |
| *MBRS for Preparers - Financial Statements* | Universiti Teknologi MARA | 16 – 17 Ogos 2021 |
| *MBRS for Preparers - Financial Statements* | Universiti Teknologi MARA | 18 – 19 Ogos 2021 |
| *Interview for Approved Liquidators from the Companies Commission of Malaysia's Perspective* | Malaysian Institute of Accountants | 9 September 2021 |
| *CA 2016: Practical Guide for Company Directors* | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | 27 Oktober 2021 |
| *Cyber Security: How to Mitigate the Impact of Cyber Crime on Your Business* | Pansar Company Sdn Bhd | 15 November 2021 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

**PROGRAM *CORPORATE TALK***

Pada tahun 2021, SSM telah menganjurkan lapan (8) Program *Corporate Talk* (CT) kepada pihak berkepentingan iaitu pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengurus dan pegawai dalaman syarikat, ketua/ wakil agensi dan badan berkanun, ahli badan profesional serta orang awam.

Program CT bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan tentang maklumat dan perkembangan terkini menyentuh isu korporat semasa termasuk pematuhan kepada undang-undang yang dikawal selia oleh SSM berserta peraturan perundangan yang berkaitan dengannya.

SSM berpegang kepada falsafah 'Penguatkuasaan Melalui Pendidikan' dengan pendekatan 'Penguatkuasaan Yang Seimbang'. SSM percaya melalui pendidikan yang berterusan akan dapat memperlengkapkan inisiatif penguatkuasaan SSM bagi mencapai pematuhan sukarela.

Berikutan pandemik COVID-19 pada tahun 2021, SSM meneruskan pengendalian Program CT secara dalam talian dan juga melalui Laman Rasmi Facebook SSM. Program-program CT yang dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

| PROGRAM | TARIKH | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) Dengan Kerjasama PERKESO Negeri WP Kuala Lumpur | 5 Mac 2021 | Encik Thanak a/l Prak Hin,<br>Pengarah Negeri,<br>SSM Negeri Sembilan | 125 |
| HRDF – *The Relevance & Significant of PSMB Act 2001* | 17 Mac 2021 | Encik Md Sharizal Che Deris, HRDF | 250 |
| *Disclosure Requirement: Who Is A Beneficial Owner?* | 16 April 2021 | Cik Khairani M Yusof,<br>Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan, SSM | 255 |
| Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | 16 April 2021 | Encik Mohammad Syafiq Hairom,<br>Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan, SSM | 140 |
| Penerangan Terhadap Kerangka Kerja Skim Kepentingan di Bawah ASK 2016 | 29 Julai 2021 | Encik Nik Muhd Marwan Nik Mustapha,<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, SSM | 103 |
| *Incorporation of Companies (Starting a Business in Malaysia)* | 14 September 2021 | Encik Amirul Ihsan Sharif,<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, SSM<br><br>Puan Norisa Ishat,<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, SSM | 188 |
| *Business Review Reporting* | 21 Oktober 2021 | Encik David Yap Weng Seong,<br>Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan, SSM | 231 |
| *Incorporation of Companies (Starting a Business in Malaysia)* | 18 November 2021 | Encik Amirul Ihsan Sharif,<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, SSM<br><br>Puan Norisa Ishat,<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, SSM | 241 |
| **JUMLAH** | | | **1,533** |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

**PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH ORGANISASI LAIN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN**

Selain program CT, pegawai-pegawai SSM juga dijemput sebagai penceramah bagi memberikan taklimat berkaitan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956, penubuhan syarikat di bawah AS 2016, pendaftaran perniagaan perkongsian di bawah APLT 2012 dan produk-produk yang disediakan oleh SSM.

Pada tahun 2021, SSM telah dijemput untuk menyampaikan taklimat dalam 76 program yang dianjurkan oleh organisasi lain dan dihadiri oleh 10,376 orang peserta.

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 4 Januari 2021<br>Universiti Utara Malaysia | Undang-undang Akta Syarikat & Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) | Encik Mohamed Sufyan Mohd Mokhtar | 63 |
| 14 Januari 2021<br>Kelab Liga Malaysia (MFL) | Pendaftaran Syarikat – Sdn. Bhd. | Puan Norisa Ishat | 34 |
| 13 Februari 2021<br>Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 207 |
| 17 Februari 2021<br>Universiti Teknologi PETRONAS | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson | 132 |
| 3 Mac 2021<br>Jabatan Laut Malaysia | AS 2016,<br>Perkongsian Liabiliti Terhad,<br>Produk & Perkhidmatan SSM | Puan Norisa Ishat,<br>Puan Rosniwati Hussin | 25 |
| 8 Mac 2021<br>HELP Universiti | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 60 |
| 9-10 Mac 2021<br>Penang Bar Committee | Garis Panduan SSM untuk Pendaftar SSM Bertindak sebagai Wakil bagi syarikat yang telah dibubarkan | Puan Norhaslinda Salleh | 63 |
| 10 Mac 2021<br>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia | Pendaftaran Perniagaan di bawah APP 1956 | Puan Maziah Muhammad | 41 |
| 16 Mac 2021<br>Polis Diraja Malaysia | Kesalahan di bawah Akta Syarikat dan Bidang Kuasa Penyiasatan SSM & PDRM | Encik Sazuree Shuib | 30 |
| 16 Mac 2021<br>Mont Royale College | Prosedur Pendaftaran Perniagaan,<br>Produk & Perkhidmatan SSM | Encik Meor Ahmad Shafiq Bin Shaidi | 80 |
| 17 Mac 2021<br>UNIKL MIMET | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson | 189 |
| 25 Mac 2021<br>Top Performers Learning & Consulting Sdn. Bhd. | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 25 |
| 29 Mac 2021<br>Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang | Fungsi & Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat dan Juruaudit di bawah AS 2016 | Puan Zaidah Mohamed Zainun | 30 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 2 April 2021<br>Universiti Kebangsaan Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 173 |
| 2 April 2021<br>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | Forum 1: Bagaimana Merebut Peluang Perniagaan Pasca COVID-19 | Puan Azurah Nor Sarif | 34 |
| 3 April 2021<br>Universiti Sains Islam Malaysia | AS 2016,<br>Pendaftaran Perniagaan,<br>Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Azurah Nor Sarif | 294 |
| 3 April 2021<br>Universiti Malaysia Pahang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Cik Ku Aziruwaida Binti Ku Aziz | 31 |
| 6 April 2021<br>Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia WPKL | Prosedur Pendaftaran Perniagaan,<br>Produk & Perkhidmatan SSM | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 87 |
| 9 April 2021<br>Pusat Internet Komuniti Gerik | Taklimat dan Tutorial Pendaftaran Perniagaan ezBiz | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson,<br>Puan Nuraisida Binti Shaharom | 8 |
| 10 April 2021<br>EMPOWERNCER | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Nuraisida Binti Shaharom | 20 |
| 27 April 2021<br>MyIPO | Mengoptimumkan Harta Alih Bukan Ahli sebagai Kolateral/ Sandaran untuk Pembiayaan Perniagaan | Cik Khairon Niza Md. Akhir,<br>Puan Raja Farahdatul Husna Raja Amiruddin | 1,000 |
| 3 Mei 2021<br>Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik N.Vijayasegaran a/l Nedason | 30 |
| 19 Mei 2021<br>Monash University | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 31 |
| 21 Mei 2021<br>Universiti Putra Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 208 |
| 27-28 Mei 2021<br>Universiti Malaya | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Murnilawati Mustapha,<br>Puan Sharmila a/p Avaniappan | 250 |
| 2 Jun 2021<br>Universiti Pendidikan Sultan Idris | Proses Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan | Encik N.Vijayasegaran a/l Nedason | 665 |
| 5 Jun 2021<br>Universiti Kebangsaan Malaysia | Semak 6M, Anda Tidak Mudah Tertipu | Encik Premeelan a/l Sundararajoo | 758 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 9 Jun 2021<br>Perbadanan Usahawan Nasional Berhad | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), Produk SSM | Puan Murnilawati Mustapha | 163 |
| 15 Jun 2021<br>Kolej Komuniti Hulu Langat | Tatacara Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 52 |
| 16 Jun 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Encik Mohammad Syafiq Hairom, Puan Mardiyana Ibrahim | 26 |
| 22 Jun 2021<br>Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) | *Company Limited by Guarantee, CA 2016* | Puan Ravinderjit Kaur Savinder Singh | 40 |
| 24 Jun 2021<br>Pejabat Perhubungan Sarawak Kuala Lumpur | Pentingnya Pendaftaran SSM (Pemerbadanan Syarikat) | Puan Mardiyana Ibrahim | 35 |
| 1 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Puan Nur Dyana Aina Mohamad Kamil, Puan Norisa Ishat | 54 |
| 3 Julai 2021<br>Surau Baiturraudhah, Amoda Saujana Rawang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 30 |
| 5 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Encik Arman Hamzah, Puan Rahmawati Yusof | 68 |
| 6 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Puan Samsiah Jamman, Cik Roslina Iberahim | 44 |
| 8 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Encik Mohd Rizal Abd Jamil, Puan Rahmawati Yusof | 48 |
| 12 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Puan Hasnah Hussain, Encik Amirul Ihsan Bin Sharif | 37 |
| 13 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Puan Murnilawati Mustapha, Cik Roslina Iberahim | 56 |
| 14 Julai 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Penubuhan Syarikat | Puan Siti Maryam Mustapha, Encik Amirul Ihsan Bin Sharif | 73 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 28 Julai 2021<br>UniKL Medical Services Sdn. Bhd. | Tatacara Pendaftaran dan Pengurusan Sebuah Syarikat | Encik N.Vijayasegaran a/l Nedason | 18 |
| 30 Julai 2021<br>Kolej Komuniti Ampang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Nur Dyana Aina Mohamad Kamil | 42 |
| 11 Ogos 2021<br>GIATMARA Negeri Selangor | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), Produk & Perkhidmatan SSM | Puan Azihan Ahmad | 58 |
| 11-12 Ogos 2021<br>Institut Pengurusan Dan Integriti Melaka (INSPIM) | Peranan Lembaga Pengarah Memastikan Tadbir Urus Yang Baik, Fungsi Operasi Dan Objektif Penubuhan Dalam Melindungi Kepentingan Pemegang Saham | Puan Ravinderjit Kaur Savinder Singh, Encik Mohamed Sufyan Mohd Mokhtar | 60 |
| 23 Ogos 2021<br>Institut Kemahiran MARA Kuala Lumpur | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Hasnah Hussain | 116 |
| 23 Ogos 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom, Puan Hajah Sri Nor Indah Sarmon, Puan Samsiah Jamman | 360 |
| 24 Ogos 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Siti Maryam Mustapha, Encik Mohd Rizal Abd Jamil, Puan Azlina Rahman Binti Abd Rahman | 360 |
| 24 Ogos 2021<br>Institut Kemahiran MARA Kuala Lumpur | *Techno Talk: Business Registration* | Encik Meor Ahmad Shafiq Bin Shaidi | 48 |
| 25 Ogos 2021<br>Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA (JPU) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom, Puan Norisa Ishat, Puan Mardiyana Ibrahim | 360 |
| 7 September 2021<br>SME Corporation Malaysia | Moderator - Forum 5: *Legal and Regulatory Environment* | YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz | 563 |
| 8 September 2021<br>Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), Produk SSM | Puan Nur Zawani Mohd Zulkifli | 189 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 8 September 2021<br>Pembangunan Sumber Manusia Berhad | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), SSM QR Kod BizTrust | Puan Murnilawati Mustapha,<br>Puan Nitty Herawati Tarmizi | 128 |
| 8 September 2021<br>Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) | *Common Offences Committed by Board of Directors Under CA 2016* | Encik Mohd Zulkhairi Kamaruzaman | 32 |
| 22 September 2021<br>BERJAYA TVET College | *Start-up Business in Malaysia (Incorporation of Companies)* | Encik Amirul Ihsan Bin Sharif | 238 |
| 26 September 2021<br>Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Hulu Terengganu | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Muhammad Asyraf Marzuki | 67 |
| 1 Oktober 2021<br>Malaysian Global Innovation & Creativilty Centre (MaGIC) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Perkongsian Liabiliti Terhad | Encik Mohammad Syafiq Hairom,<br>Puan Norisa Ishat | 17 |
| 5 Oktober 2021<br>Maktab PDRM Kuala Lumpur | Asas Perniagaan & Perdagangan/ Peranan SSM Dalam Siasatan Jenayah Komersil | Puan Sazlin Abdul Khalil | 65 |
| 15 Oktober 2021<br>Universiti Malaysia Pahang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Produk SSM | Encik Kamarudin Mohd Daud | 137 |
| 18 Oktober 2021<br>Pertubuhan Pelindung Kebajikan Pengguna Masyarakat Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Noraini Binti Shuib | 55 |
| 24 Oktober 2021<br>Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ PUBI PERAK | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik N.Vijayasegaran a/l Nedason | 42 |
| 26 Oktober 2021<br>Politeknik Port Dickson | *Secretarial Practice in Malaysia (The Roles & Responsibilities of Company Secretaries)* | Encik Md Ibnu Hisyam Mohamad | 72 |
| 27 Oktober 2021<br>Akademi Audit Negara | Pemantauan Terhadap Syarikat Berhad Menurut Jaminan | Puan Zarinah Othman | 64 |
| 28 Oktober 2021<br>Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Muhammad Fahmi Nazarudin | 50 |
| 28 Oktober 2021<br>Yayasan Pelajaran MARA Negeri Selangor | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Nur Zawani Mohd Zulkifli | 167 |
| 28 Oktober 2021<br>Institut Kemahiran Belia Negara Peretak (IKBN) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Puteri Harnifareiza Halim | 40 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| TARIKH & PENGANJUR | PROGRAM | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 29 Oktober 2021<br>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Azihan Ahmad | 92 |
| 29 Oktober 2021<br>EDUSPEC Holdings Berhad | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Noorsyahmina Binti Ismail | 1,149 |
| 2 November 2021<br>Yayasan Pelajaran MARA Negeri Melaka | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Muhamad Shahreen Jahaya | 91 |
| 10 November 2021<br>Kolej Komuniti Pasir Gudang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Khairulsham Bin Jantan | 51 |
| 12 November 2021<br>Maktab PDRM Kuala Lumpur | Peranan & Kerjasama SSM Dalam Penyiasatan Kes Jenayah Komersil | Encik Mohamad Azies Han Mohd Fadzil | 30 |
| 16 November 2021<br>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 31 |
| 18 November 2021<br>UniKL RCMP & Kerjasama MARA | Entiti Perniagaan Di Bawah SSM (Pendaftaran Perniagaan, Perkongsian Liabiliti Terhad & Pemerbadanan Syarikat) | Encik N.Vijayasegaran a/l Nedason | 20 |
| 19 November 2021<br>Kolej Komuniti Pasar Besar | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Kamarudin Mohd Daud | 50 |
| 3 Disember 2021<br>Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 80 |
| 14 Disember 2021<br>Syarikat La'Joise Industries (M) Sdn. Bhd. | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 20 |
| 31 Disember 2021<br>Universiti Malaya | Prosedur Pendaftaran Perniagaan – Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 120 |
| **JUMLAH** | | | **10,376** |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

### *KMCHAMPION TRAINING COURSE*

*Knowledge Management & e-Learning* merupakan satu usaha untuk meneruskan pemantapan dan pemerkasaan tahap kecemerlangan peribadi dan organisasi. Sesi *Power Talk* dan bengkel *KMChampion Training Course* kepada pekerja SSM telah diadakan pada 22 hingga 23 Disember 2021.

Objektif penganjuran *KMChampion Training Course* adalah seperti berikut:

(a) Memberikan pendedahan awal tentang konsep dan aplikasi pengurusan pengetahuan;

(b) Memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang pengurusan pengetahuan bagi meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi;

(c) Mengenal pasti, mengurus dan berkongsi maklumat dalam bentuk pangkalan data, dokumen, polisi dan peraturan organisasi serta pekerja-pekerja yang pakar, berpengetahuan dan berpengalaman; dan

(d) Meningkatkan pengurusan pengetahuan ke arah penambahbaikan organisasi melalui perkongsian maklumat serta penggunaan maklumat yang betul.

### *EMPLOYEE DEVELOPMENT TRAINING* (EDT)

SSM telah menganjurkan sebanyak 18 modul EDT-3 (Kemahiran Tinggi) bermula Mac hingga November 2021 secara dalam talian kepada pekerja SSM.

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

(a) Memberi pendedahan kepada pekerja berkenaan pengetahuan dan kemahiran tentang sesuatu perkara di peringkat dalaman serta dari sudut pandangan pihak berkepentingan;

(b) Menjelaskan secara terperinci berkenaan perkara atau isu operasi yang dihadapi oleh pekerja dan pihak berkepentingan;

(c) Mengemas kini pekerja dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran baharu selaras dengan kehendak semasa;

(d) Mendedahkan pekerja dengan kajian kes *(case study)* yang berkaitan dengan akta yang dikawal selia oleh SSM;

(e) Memberi pencerahan kepada pekerja berkaitan fungsi, proses dan prosedur kerja;

(f) Sebagai penghubung terus di antara pekerja dengan SME dan penceramah bersekutu SSM; dan

(g) Pendedahan pendidikan dan pembelajaran berterusan melalui *Staff Learning & Development Site* (SLDS).

Modul-modul yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| MODUL | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| *Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person (SSM Perspective)* | 25 Mac 2021 | 210 |
| *Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person (Practitioner Perspective)* | 8 April 2021 | 220 |
| Tatacara Serbuan di bawah Kanun Prosedur Jenayah (CPC) Bagi Kes Jenayah Komersil | 21 April 2021 | 101 |
| *Roles and Responsibilities of Company Secretaries* | 5 Mei 2021 | 111 |
| *Managing Company Meetings* | 19 Mei 2021 | 106 |
| *Managing Registered Office, Stat books, Returns and Other Documents* | 9 Jun 2021 | 158 |
| *Navigating Compliance: Key Offences Under CA 2016* | 16 Jun 2021 | 162 |

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

| MODUL | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| *Towards Corporate Survivability: Corporate Rescue Mechanism* (CRM) | 22 Jun 2021 | 166 |
| *Enforcement of section 241 of the CA 2016* | 24 Jun 2021 | 175 |
| *Key Role-Players in a Company – Directors, Officers, Shareholders and Auditors* | 29 Jun 2021 | 168 |
| *Pathway for Beginners: Shares and Share Capital (Types, Allotments, Issuance, Certificate, Transfer & Dividend)* | 8 Julai 2021 | 191 |
| *Step-By-Step Guide on Issuance, Redemption & Conversion of Preference Shares* | 13 Julai 2021 | 143 |
| *Read, Interpret and Analyse Financial Statements for Company Directors and Company Secretaries* | 15 Julai 2021 | 174 |
| *Cessation of Companies & Limited Liability Partnerships in Perspective of Registrar* | 28 Julai 2021 | 106 |
| Kajian Kes Menurut APP 1956 | 29 Julai 2021 | 168 |
| Garis Panduan Carian Nama Perniagaan 2019 | 3 Ogos 2021 | 176 |
| *Fundamentals of MBRS - Annual Return* | 5 Ogos 2021 | 157 |
| *Corporate Liability Provision: Introduction to section 17A of Malaysian Anti-Corruption Act 2009* | 16 November 2021 | 60 |
| **JUMLAH** | | **2,752** |

**PROGRAM PENSIJILAN *MICROSOFT OFFICE SPECIALIST* (MOS): *WORD, EXCEL* DAN *POWERPOINT 2019***

SSM turut mencungkil bakat pekerja dalam kemahiran teknologi maklumat melalui program pensijilan ini. Program ini dilaksana menggunakan peruntukan Dana Pelan Strategik *Competency Enhancement Program* (CEP) *Master Licensing Agreement* (MLA) 2.0 untuk pekerja SSM.

Seramai 30 pekerja SSM telah menghadiri modul MOS:

| MODUL | TARIKH | LULUS PENSIJILAN |
|---|---|---|
| *MOS: Word 2019 Associate* | 15 – 22 November 2021 | 6 pekerja |
| *MOS: Excel 2019 Associate* | 22 – 29 November 2021 | 5 pekerja |
| *MOS: PowerPoint 2019 Associate* | 6 – 13 Disember 2021 | 8 pekerja |

Pekerja yang menyertai program ini telah menjalani ujian kompetensi melalui laman web *Certiport* yang merupakan pusat ujian bagi pensijilan perisian di bawah *Microsoft*. Daripada kesemua 30 orang pekerja yang mengikuti program ini, 19 (63%) pekerja telah berjaya diiktiraf sebagai *Microsoft Office Specialist* dalam modul masing-masing.

*AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN*

## ***STAFF LEARNING & DEVELOPMENT SITE*** **(SLDS)**

SSM telah mewujudkan *site* yang berasaskan web iaitu SLDS yang mengguna pakai perisian sedia ada oleh semua pekerja iaitu *Microsoft SharePoint (SharePoint).*

SLDS ini dilengkapi dengan senarai modul yang telah disediakan sejak tahun 2020 sehingga kini sebagai sumber rujukan kepada pekerja dalam pembelajaran kendiri secara digital. Inisiatif ini sekali gus dilihat sebagai transformasi pembudayaan pembelajaran dan pembangunan pekerja di SSM.

SLDS ini telah dinobatkan sebagai Naib Johan Anugerah Inovasi KPDNHEP bagi tahun 2021.

## PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| *Resolving Boardroom and Shareholder Disputes* | 10 Februari 2021 |
| *Read, Interpret and Analyze Financial Statement for Company Directors for Ministry of Finance* | 16 - 17 Februari 2021 |
| *Seminar on Companies Act 2016 Essential for Malaysian Anti-Corruption Commission* | 23 Mac 2021 |
| *Companies Act 2016 Practical Guide for Company Secretaries* | 1 April 2021 |
| *Emotional Quotient* | 6 - 7 April 2021 |
| *Seminar on Company Limited By Guarantee Under The Companies Act 2016* | 25 Mei 2021 |
| *Online Image and Influence* | 16 Jun 2021 |
| *Seminar on Insolvency* | 28 - 29 Jun 2021 |
| *Seminar on MBRS – Annual Return for Universiti Teknologi MARA (In-House)* | 12 Ogos 2021 |
| *Seminar on MBRS for Prepares - Financial Statements for Universiti Teknologi MARA (In-House)* | 16 - 17 Ogos 2021 |
| *Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person in Malaysia* | 4 Oktober 2021 |
| *Persuasion and Influencing Skills* | 26 Oktober 2021 |
| *Pathway for Beginner Series: Cessation of Companies* | 9 – 10 November 2021 |
| *Cyber Security: How to Mitigate the Impact of Cyber Crime on Your Business for Pansar Company Sdn Bhd* | 15 November 2021 |
| *Critical Thinking for Executives* | 16 November 2021 |
| *Pathway for Beginners: Corporate Governance* | 2 Disember 2021 |
| *Managing Challenging Communication* | 8 - 9 Disember 2021 |

# PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

# **PENGLIBATAN DAN** KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

## FORUM PENDAFTAR KORPORAT

Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum* (CRF) 2021 telah diadakan secara dalam talian pada 9 hingga 11 November 2021. CRF 2021 telah dianjurkan oleh Uganda *Registration Services Bureau* (URSB) iaitu pendaftar korporat Uganda bersama dengan CRF yang bertemakan "*Ease of Doing Business: The Role of Corporate Registries*". SSM dijemput untuk membentangkan satu kertas kerja bertajuk "*How Registries Have Supported Businesses Throughout COVID-19*" yang telah dibentangkan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

## DIALOG TAHUNAN SSM 2021

Dialog SSM 2021 telah diadakan melalui sesi webinar pada 23 November 2021. Dialog SSM tersebut telah dihadiri oleh lebih 500 wakil dari pelbagai badan profesional, dewan perniagaan dan persatuan perindustrian di Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Dialog Tahunan merupakan platform untuk SSM berkongsi dan menyebarkan perkembangan serta maklumat berhubung dasar-dasar dan peraturan-peraturan terkini kepada industri, agensi kerajaan dan badan-badan profesional di samping bertukar pandangan dan memperjelaskan perkara berkaitan operasi dan penguatkuasaan bagi meningkatkan kecekapan SSM keseluruhannya.

Pelbagai topik telah dibentangkan sepanjang sesi tersebut di mana sebanyak 234 isu telah diterima dan diperjelaskan sama ada secara lisan mahupun secara bertulis.

Inisiatif tahunan ini menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan SSM kepada pihak awam selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik.

## RUNDINGAN AWAM

SSM sentiasa melibatkan pemegang taruh dengan mengeluarkan dokumen rundingan bagi mendapatkan pandangan dan komen dari industri dan orang awam secara keseluruhannya mengenai sebarang kerangka perundangan atau kenyataan polisi yang dicadangkan sebelum diterima pakai.

**(a) Dokumen rundingan berkenaan cadangan RUU HAKB**

Bagi tahun 2021, SSM telah mengeluarkan beberapa dokumen rundingan untuk mendapatkan maklum balas ke atas RUU HAKB dari pihak awam (rundingan dalam talian) dan secara spesifiknya dari pemegang taruh berikut:

(i) Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak; dan
(ii) Persatuan-persatuan Bank di Malaysia.

Dokumen rundingan tersebut telah dikeluarkan bagi tempoh bermula 23 September 2021 hingga 12 November 2021 dan menyediakan pemegang taruh dengan salinan draf RUU HAKB dan Penyata Penjelasan (*Explanatory Statement*) yang menerangkan hasrat setiap peruntukan untuk memastikan pemahaman yang lebih baik ke atas kerangka perundangan tersebut secara keseluruhan. Memandangkan draf RUU HAKB tersebut melibatkan prosedur pendaftaran dan keutamaan yang perlu diberi ketika pendaftaran, penerangan turut disediakan agar langkah-langkah sebelum dan selepas pendaftaran kepentingan bercagar difahami dan boleh dipraktiskan.

Maklum balas dari rundingan ini adalah penting untuk memastikan bahawa RUU HAKB yang dicadangkan adalah jelas tujuannya supaya manfaat keseluruhan (iaitu akses mudah kepada kredit dan penerimaan jenis harta alih yang lebih meluas sebagai cagaran) dari RUU HAKB adalah efektif kepada pihak berkepentingan apabila RUU ini diluluskan di Parlimen kelak.

**(b) Rundingan berkenaan kajian ke atas kesan sektor ekonomi gig terhadap keperluan di bawah APP 1956**

Sebagai sebahagian daripada kajian Impak Ekonomi Gig ke atas APP 1956, pada Ogos 2021 SSM telah mengeluarkan dokumen rundingan kepada 11 Kementerian dan agensi kerajaan yang dikenal pasti.

Dokumen rundingan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pengesahan berkaitan fungsi dan bidang kuasa Kementerian dan agensi-agensi berhubung kuasa mereka untuk mengeluarkan lesen atau permit atau syarat-syarat lain berkaitan aktiviti yang dijalankan oleh pekerja gig.

Selain itu, SSM turut mengadakan perbincangan lanjut dengan MDEC mengenai usaha MDEC bagi memperhalusi definisi ekonomi gig di peringkat nasional. Ini merupakan suatu langkah penting yang akan membantu pelbagai pihak termasuk SSM dalam mengenal pasti dan mengkategorikan aktiviti pekerja gig dengan sewajarnya di mana bukan kesemua mereka harus disifatkan sebagai perniagaan atau didaftarkan sebagai aktiviti perniagaan.

## BENGKEL *ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION* (APEC) *EASE OF DOING BUSINESS: RESOLVING INSOLVENCY IN APEC ECONOMIES*

Bengkel APEC *Ease of Doing Business* telah diadakan pada 10 Jun 2021, dipengerusikan oleh Amerika Syarikat dan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Ekonomi APEC.

Objektif bengkel tersebut adalah untuk membina kapasiti ahli APEC dengan menerokai pengalaman yang dipelajari oleh negara ekonomi APEC berkenaan isu penyelesaian insolvensi. Negara ekonomi APEC berpeluang membincangkan impak COVID-19 ke atas rejim insolvensi sedia ada dan pembaharuan yang telah dibuat untuk memerangi cabaran berkaitan COVID-19 melalui perkongsian pengalaman dan maklumat. Bengkel ini juga mewujudkan kesedaran negara ekonomi APEC tentang mekanisme perundangan dan institusi yang mempengaruhi banyak pihak yang berkepentingan dalam insolvensi, serta peranan yang boleh dimainkan oleh rejim insolvensi yang berkesan untuk meningkatkan daya tahan dan pemulihan ekonomi semasa pandemik COVID-19.

## *VIRTUAL FORUM ON ASIAN INSOLVENCY REFORM* (FAIR)

FAIR telah ditubuhkan oleh Kumpulan Bank Dunia, *INSOL International* dan lain-lain institusi berikutan Krisis Kewangan Asia pada akhir 1990-an. Objektif forum tersebut adalah untuk:

(a) Menyediakan platform dialog peringkat tertinggi antara pegawai Kementerian dan lain-lain pihak yang terlibat dalam pembangunan insolvensi, hak pemiutang serta undang-undang dan amalan penstrukturan semula, termasuk wakil Kumpulan Bank Dunia dan organisasi pembangunan serantau yang memfokus kepada pembaharuan insolvensi di rantau Asia Pasifik;

(b) Menubuhkan forum bagi menyelaraskan pendekatan oleh badan antarabangsa, negara-negara dan pakar-pakar melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan; dan

(c) Mengangkat insolvensi dan pembaharuan penstrukturan semula dalam agenda polisi Asia.

FAIR telah diadakan secara dalam talian dari 13 hingga 14 September 2021 dan SSM telah dijemput untuk membentangkan berkenaan pembaharuan dalam undang-undang insolvensi serta amalan terutamanya langkah-langkah yang diambil semasa pandemik COVID-19.

## MESYUARAT INTERSESI *POLICY DEVELOPMENT GROUP* (PDG) BERHUBUNG SEMAKAN SEMULA *RECOMMENDATION 24* FATF

SSM melalui Bank Negara Malaysia telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung semakan *Recommendation 24* FATF yang telah diadakan secara maya pada 13 dan 14 September 2021. *Recommendation 24* FATF adalah berkaitan dengan piawaian maklumat pemunya benefisial.

Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut ialah cadangan yang dikemukakan oleh semua ahli untuk meminda *Recommendation 24* sedia ada dan cadangan yang telah dimuktamadkan, setelah dibentangkan pertama kalinya di Mesyuarat FATF *Plenary*, kertas cadangan tersebut akan diterbitkan dan diedarkan kepada pelbagai pemegang taruh untuk maklum balas. Selepas selesai proses semakan, *Recommendation 24* ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat FATF *Plenary* untuk diterima pakai. Negara anggota perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mematuhi piawaian baharu yang telah ditetapkan.

### *THE UNITED NATIONS COMMISSION ON INTERNATIONAL TRADE LAW* (UNCITRAL) *54TH COMMISSION SESSION*

UNCITRAL ialah badan subsidiari *U.N. General Assembly* (UNGA) yang bertanggungjawab membantu memudah cara perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Mandat rasmi UNCITRAL ialah "untuk menggalakkan pengharmonian progresif dan penyatuan undang-undang perdagangan antarabangsa" melalui konvensyen, model undang-undang dan instrumen-instrumen lain yang menangani bidang perdagangan utama, daripada penyelesaian pertikaian sehingga pemerolehan dan penjualan barangan.

SSM menyertai *54th UNCITRAL Commission Session* yang dijalankan secara dalam talian pada 28 Jun hingga 16 Julai 2021 sebagai Pendengar. Fokus utama perbincangan adalah mengenai pemulihan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) daripada kejutan ekonomi akibat pandemik COVID-19 melalui rejim insolvensi yang dipermudah. Sebagai Pemerhati, SSM dapat mengikuti perbincangan dan huraian isu serta menyertai acara sampingan untuk meningkatkan kesedaran berhubung teks-teks yang diterbitkan oleh UNCITRAL dan menimba pengalaman berkenaan isu-isu berkaitan UNCITRAL daripada pemegang taruh lain.

### PENERBITAN ARTIKEL

Pada tahun 2021, SSM telah menjalankan kajian tentang "impak perubahan iklim terhadap pembangunan perniagaan" sebagai respons kepada isu-isu berkaitan aktiviti syarikat dan kesannya terhadap alam sekitar.

Satu artikel yang dihasilkan daripada kajian bertajuk *Climate Change Weathering the Storm for Businesses* telah dimuat naik dalam portal *e-Secretary*.

Objektif artikel tersebut adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan setiausaha syarikat berhubung kepentingan syarikat mengambil kira isu-isu alam sekitar dalam membuat sebarang keputusan atau mewujudkan polisi syarikat serta kesedaran tentang kesan tindakan tersebut kepada syarikat.

### SSM BIZTRUST *ONE TO ONE COACHING* (OTOC)

Dalam usaha untuk mewujudkan satu (1) komuniti perniagaan yang lebih selamat dan patuh pada etika amalan perniagaan dalam talian, SSM telah menganjurkan sebanyak 21 sesi OTOC berbentuk Klinik SSM BizTrust bagi membantu pihak-pihak berkepentingan terutamanya para peniaga dalam talian dengan memberikan kesedaran kepada mereka berkaitan inisiatif SSM BizTrust ini.

Melalui sesi ini, SSM turut bekerjasama dengan *SiteGiant Sdn. Bhd.* (SiteGiant) selaku rakan kerjasama strategik SSM dalam usaha untuk mempromosi serta menggalakkan lebih ramai usahawan mengaplikasikan penggunaan SSM BizTrust pada platform dalam talian perniagaan mereka.

Selain itu, penglibatan daripada Bahagian Pematuhan Korporat dalam memberikan taklimat berhubung inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Bahagian tersebut termasuk *SSM Online Business Alert* (OBA) juga turut membantu dalam memperkasakan lagi objektif penganjuran Klinik SSM BizTrust ini.

### SSM BIZTRUST DI DALAM AGENDA NASIONAL NEGARA

SSM turut terlibat secara langsung dalam penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan 2.0 (NeSR 2.0) dan Pelan Strategik DTDigital (asalnya Pelan Tindakan Bersepadu e-Dagang) yang diterajui oleh KPDNHEP.

Penglibatan SSM adalah bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2021 sehingga 2025 yang lebih menjurus kepada pelaksanaan PS 2: *Improve promotional efforts for existing online business verification programmes*. PS 2 adalah tertumpu kepada entiti pendaftaran yang mengaplikasikan penggunaan tanda percaya (*trustmark*) seperti *Halal Development Corporation Berhad* (HDC), *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), *CyberSecurity Malaysia* (CSM) dan SSM. Melalui kedua-dua inisiatif ini, SSM adalah bertanggungjawab ke atas pendaftaran entiti perniagaan, terutamanya yang melibatkan entiti-entiti perniagaan dalam talian bagi mengaplikasikan penggunaan Kod QR SSM BizTrust.

### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan SSM terus menjalin kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman untuk meneruskan perkongsian data dan meningkatkan kualiti data yang dikumpul.

Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dan SSM telah diadakan secara maya pada 19 November 2021. DOSM telah diwakili oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, manakala Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz menandatangani MoU bagi pihak SSM dan disaksikan oleh Pegawai Kanan kedua-dua agensi tersebut.

MoU itu ditandatangani buat kali kedua selepas yang pertama dilaksanakan pada 2009. Melalui kerjasama ini, DOSM akan terus berkongsi maklumat berkaitan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) berasaskan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), mengadakan kursus dan taklimat statistik yang diperlukan oleh SSM, pembekalan statistik rasmi lain kepada SSM, manakala SSM terus membekalkan data maklumat syarikat dan perniagaan di Malaysia.

*PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN*

**PROGRAM PROMOSI DAN *OUTREACH***

Berikut adalah senarai organisasi yang telah menjemput SSM untuk membuka Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan sepanjang tahun 2021:

| PROGRAM | LOKASI | ORGANISASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan | Pekan Masjid Tanah, Melaka | Pejabat Parlimen Masjid Tanah | 25 Februari 2021 |
| Taklimat Produk, Perkhidmatan SSM Dan SPPP | Pusat Internet Komuniti (PIK) PPR Pinggiran Bukit Jalil | Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) | 4 April 2021 |
| Himpunan Sinergi Pertubuhan (HiPER) 2021 | Hotel Istana, Kuala Lumpur | Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Wilayah Persekutuan | 6 April 2021 |
| Karnival Kerjaya *Up* 2021 | Pusat Komuniti Setiawangsa | Kementerian Sumber Manusia & PERKESO | 12 April 2021 |
| Sentuhan Kecantikan Menjana Pendapatan | Dewan Prima LJT, Kuala Lumpur | Tri-D Event & Management Sdn Bhd | 17 April 2021 |
| Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) | Kolej Belia Transformasi Setiawangsa | Kolej Aimi Academy | 26 Oktober 2021 |
| Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) - Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) | Hotel Tamu, Kuala Lumpur | Persatuan Pengusaha Taska Dan Tadika Putrajaya | 28 Oktober 2021 |
| Karnival Usahawan Dan Koperasi 2021 | Padang Astaka Tanjung Karang, Selangor | Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi | 29 - 31 Oktober 2021 |
| Program Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) MSU *Entrepreneurship* Program 2020/ 2021 | MSU | MSU | 18 November 2021 |
| Program Pemerkasaan Pendigitalan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana Kebangsaan 2021 | Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera, Pahang | MyDigital Corporation (Strategic Change Management Office) | 20 - 22 November 2021 |
| Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | Dewan Daha | IKBN Peretak Kuala Kubu Bharu | 24 November 2021 |
| Program Citarasa Keluarga Malaysia Dan Seminar *Let's Get Started* | Perkarangan Lobi KPDNHEP | KPDNHEP | 25 - 26 November 2021 |
| Seminar Keusahawanan Keluarga Malaysia Dan Karnival Jualan Barangan Tempatan "Barang Baik, Barang Kita" | Puspanitapur, Putrajaya | KPDNHEP | 25 - 26 November 2021 |
| Majlis Perasmian Kad Prihatin Penjaja Dan Peniaga Melalui Platform Maya In2niagaan | AEON AU2, Setiawangsa | Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi | 27 November 2021 |
| Program Sambutan Hari Penjaja Dan Peniaga Kecil 2021 (HPPK 2021) | Pentas Utama Laman Usahawan Presint 2, Putrajaya | Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi | 2 - 4 Disember 2021 |
| Sambutan 100 Hari #AspirasiKeluargaMalaysia | Dewan Konvensyen 1, KLCC | KPDNHEP | 9 - 12 Disember 2021 |

**PROGRAM PROMOSI DAN *OUTREACH* – PEJABAT NEGERI DAN CAWANGAN SSM**

Pada tahun 2021, Pejabat Negeri dan Cawangan SSM telah menganjurkan program taklimat dan aktiviti kesedaran bagi mempromosikan perkhidmatan dan produk SSM.

Selain itu, Pejabat Negeri dan Cawangan SSM juga telah dijemput bagi menyertai program yang dianjurkan oleh pihak luar seperti Universiti, Kolej, Agensi Kerajaan dan sebagainya.

Pelaksanaan program taklimat dan aktiviti kesedaran yang telah dijalankan adalah secara fizikal, webinar, hebahan dan FB *live*.

Program taklimat dan kesedaran ini meliputi modul:

(a) Prosedur/ Pematuhan AS 2016, APP 1956 dan APLT 2012;

(b) Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP);

(c) Skim 1 OKU 1 Perniagaan;

(d) Perkhidmatan MyCoID, MBRS, ezBiz;

(e) Produk SSM BizTrust, MyData, e-Info; dan

(f) Sebarang maklumat terkini berkaitan SSM.

**STATISTIK PROGRAM JEMPUTAN DAN PROGRAM ANJURAN PEJABAT NEGERI DAN CAWANGAN BAGI TAHUN 2021**

| Pejabat Negeri & Cawangan | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Selangor | 0 | 3 | 4 | 8 | 0 | 2 | 0 | 2 | 3 | 6 | 10 | 0 | **38** |
| Johor | 0 | 3 | 4 | 4 | 2 | 1 | 1 | 2 | 3 | 2 | 4 | 3 | **29** |
| Pulau Pinang | 1 | 3 | 2 | 6 | 0 | 10 | 1 | 4 | 1 | 6 | 4 | 4 | **42** |
| Perak | 1 | 4 | 1 | 4 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 3 | 1 | **29** |
| Kedah | 3 | 2 | 2 | 13 | 2 | 3 | 1 | 7 | 2 | 5 | 7 | 6 | **53** |
| Melaka | 0 | 3 | 4 | 5 | 1 | 4 | 2 | 2 | 4 | 9 | 9 | 2 | **45** |
| Negeri Sembilan | 0 | 6 | 18 | 3 | 3 | 0 | 1 | 0 | 0 | 4 | 7 | 5 | **47** |
| Pahang | 0 | 5 | 20 | 15 | 3 | 1 | 2 | 2 | 4 | 9 | 10 | 7 | **78** |
| Kelantan | 1 | 5 | 6 | 7 | 2 | 3 | 2 | 2 | 0 | 6 | 4 | 0 | **38** |
| Terengganu | 0 | 4 | 6 | 5 | 2 | 2 | 2 | 2 | 4 | 4 | 8 | 3 | **42** |
| Sabah | 1 | 4 | 4 | 2 | 0 | 0 | 1 | 0 | 2 | 1 | 1 | 1 | **17** |
| Sarawak | 1 | 0 | 0 | 3 | 2 | 3 | 1 | 3 | 3 | 3 | 3 | 1 | **23** |
| Miri | 0 | 1 | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | **6** |
| Labuan | 0 | 1 | 3 | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 4 | 2 | 2 | 2 | **18** |
| Tawau | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | **3** |
| Muar | 1 | 1 | 3 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 2 | 1 | 2 | 1 | **16** |
| Temerloh | 0 | 1 | 4 | 1 | 0 | 1 | 1 | 2 | 2 | 1 | 2 | 5 | **20** |
| Perlis | 0 | 2 | 9 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 5 | 1 | **20** |
| Sibu | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 1 | 0 | **3** |
| **Jumlah** | **9** | **48** | **91** | **80** | **22** | **35** | **23** | **32** | **37** | **65** | **83** | **42** | **567** |

**PROGRAM SSM BERSAMA MASYARAKAT**

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, SSM mendukung aspirasi Kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan aktiviti agihan zakat. Ia merupakan inisiatif SSM dalam menunjukkan kesungguhan SSM untuk berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan.

Program inisiatif SSM ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (JPZCSR) SSM dengan mengguna pakai peruntukan dari Wakalah Zakat Korporat (WZK) tahun 2020 bagi aktiviti agihan zakat manakala bagi program sumbangan CSR pula melalui dana CSR tahun 2021.

JPZCSR SSM telah ditubuhkan pada 1 Januari 2021. Jawatankuasa ini menggabungkan kedua-dua fungsi yang melibatkan pengurusan zakat dan CSR SSM di mana jawatankuasa ini berperanan dalam mengurus, mempertimbangkan seterusnya melaksanakan proses pengagihan WZK SSM dan sumbangan CSR SSM kepada golongan sasaran.

JPZCSR SSM telah menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan pada tahun 2021 seperti berikut:

(a) Program Agihan Zakat dan Serahan Sumbangan CSR SSM (MSUSSM19);

(b) Sumbangan Dua (2) Buah Van Jenazah di Hulu Terengganu;

(c) Program Ziarah Kasih Ramadhan 2021 Bersama YB Menteri KPDNHEP;

(d) Majlis Iftar Meraikan Anak-anak Yatim dan Asnaf Negeri Selangor Bersama KSU KPDNHEP;

(e) Program Ihya' Ramadan 2021: Dari Hati ke Hati Menyantuni Orang Tua Al-Ikhlas dan Anak Yatim Sempena Ramadan 1442H/ 2021;

(f) Program Sumbangan Usahawan Asnaf;

(g) Program Kerjasama SSM dan Yayasan Pendidikan Pelajaran MARA (YPM);

(h) Program Sumbangan Peralatan Perubatan Kepada Hospital Kapit Sarawak;

(i) Sumbangan Prihatin Kepada Pekerja Pembersihan dan Pengawal Keselamatan SSM di Ibu Pejabat Sempena Majlis Sambutan Aidilfitri 1442H/ 2021;

(j) Bantuan Kepada Pesara SSM Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Negara ke-64 dan Sambutan Hari Malaysia (Program Jejak Pesara SSM 2021);

(k) Program Sumbangan *Food Aid* Kepada Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia;

(l) Sumbangan Bantuan Banjir Kepada Pekerja SSM;

(m) Sumbangan Bantuan Banjir ke Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Yan;

(n) Program Sumbangan Peralatan Perubatan Kepada Hospital Sg. Buloh, Selangor;

(o) Program Sumbangan Peralatan Perubatan Kepada Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu;

(p) Penyertaan SSM di Program Karnival Advokasi Kepenggunaan Belia Bersama KPDNHEP; dan

(q) Program Misi Bantuan Banjir Kepada 50 Orang Pekerja SSM.

*PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN*

## MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN SSM KE-19 (MSUSSM19)

Sempena menyambut ulang tahun SSM ke-19 pada 16 April 2021, pelbagai program telah dijalankan seperti berikut:

(a) Program Jejak Pesara SSM (CSR)

(b) Sumbangan CSR kepada Usahawan B40

(c) Sumbangan CSR kepada Rumah Kebajikan

(d) Sumbangan Zakat

(e) Pertandingan Sempena Bulan Merdeka (2021)
Terdapat dua (2) pertandingan yang dilaksanakan semasa MSUSSM19 iaitu Pertandingan Video Ucapan Merdeka yang dibuka penyertaannya kepada orang awam dan Pertandingan Kereta Berhias *(Auto Show)* yang dibuka kepada semua pekerja SSM seluruh Malaysia. Seramai 10 orang pemenang telah dipilih untuk setiap pertandingan tersebut.

(f) *Corporate Talk*
Program ini telah dilaksanakan secara kerjasama dalaman bersama Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan (COMTRAC) dengan penyertaan seperti berikut:

| TAJUK | JUMLAH TONTONAN | |
|---|---|---|
| | *MS TEAM* | *FB LIVE* |
| *Disclosure Requirement: Who is a Beneficial Owner?* | 255 | 5,600 |
| Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) | 140 | 2,300 |

(g) Pelancaran Kempen "Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar"
Pelancaran Kempen "Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar" ini dilaksanakan secara hybrid iaitu secara fizikal di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral dengan kehadiran seramai 150 orang peserta dan secara dalam talian melalui *Facebook Live* dengan jumlah penonton seramai 2,800 orang.

(h) Hari Terbuka Bersama Pelanggan
Program ini melibatkan beberapa Bahagian di SSM dengan mengadakan pameran untuk memperkenalkan fungsi setiap Bahagian pada MSUSSM19. Memandangkan SSM perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) COVID-19, kehadiran peserta dihadkan kepada 150 orang sahaja.

**PROGRAM BIMBINGAN USAHAWAN 2021 (PBU21)**

Program ini merupakan satu inisiatif sokongan kepada pelaksanaan program Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang dianjurkan khusus untuk membantu usahawan kumpulan B40.

Bentuk pengisian program ini melibatkan taklimat dan perkongsian maklumat daripada penceramah dalaman dan luaran berkaitan keperluan dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi pengurusan perniagaan dan kewangan serta pendekatan pemasaran digital. Perkongsian yang bermanfaat ini diberikan secara percuma kepada peserta oleh penceramah dalaman SSM dan penceramah luar dari agensi dan syarikat lain seperti Koperasi Co-op Bank Persatuan Malaysia Berhad, Grab Malaysia dan Shopee Malaysia.

Dengan mengambil kira pandemik COVID-19, empat (4) program PBU21 telah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Seramai 429 orang peserta telah hadir bagi mengikuti program ini yang dianjurkan di antara bulan Mac 2021 sehingga Jun 2021.

| PROGRAM PBU21 | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| PBU21 Sesi 1 | 25 Mac 2021 | 100 |
| PBU21 Sesi 2 | 7 April 2021 | 112 |
| PBU21 Sesi 3 | 12 April 2021 | 100 |
| PBU21 Sesi 4 | 29 Jun 2021 | 117 |

**PROGRAM USAHAWAN MUDA 2021 (PUM21)**

Program Usahawan Muda 2021 (PUM21) merupakan sebuah program yang berasaskan pendidikan korporat dan diberikan secara percuma kepada kumpulan sasaran iaitu pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. PUM21 memberi penekanan kepada faedah mendaftarkan perniagaan, pengurusan kewangan perniagaan dan pemasaran digital. Program ini bermatlamat untuk memberi manfaat kepada golongan pelajar yang berminat dalam menjalankan perniagaan melalui pendedahan dan kefahaman berkaitan tatacara perniagaan sebenar melalui informasi yang lebih tepat, padat dan menyeluruh.

Selain itu, pelaksanaan PUM21 ini adalah untuk menyemai minat keusahawanan dalam kalangan golongan belia agar memilih untuk menjadikan aktiviti perniagaan sebagai salah satu daripada pilihan kerjaya mereka di samping mengajar peserta tentang selok-belok perniagaan melalui penerapan nilai-nilai perniagaan yang lebih komprehensif serta praktikal.

Tambahan pula, program ini dilihat mampu membantu peserta memanfaatkan tempoh *lockdown* yang sedang dilalui akibat pandemik COVID-19, dengan mencari pendapatan sampingan bagi menampung kos sara hidup. Pengisian program yang dijalankan adalah perkongsian strategi perniagaan yang berkesan melalui kisah kejayaan oleh ikon negara yang berjaya.

PUM21 dianjurkan dengan kerjasama beberapa institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET), Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Sebanyak empat (4) program PUM21 mengikut zon telah berjaya dilaksanakan dan jumlah keseluruhan peserta yang mengikuti program ini adalah seramai 3,308 orang pada November 2021 hingga Disember 2021:

| PROGRAM PUM21 | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| Peringkat Zon Utara dengan kerjasama UUM | 9 November 2021 | 492 |
| Peringkat Zon Tengah dengan kerjasama TVET | 11 November 2021 | 573 |
| Peringkat Zon Selatan dengan kerjasama UiTM Melaka | 17 November 2021 | 984 |
| Peringkat Zon Timur dengan kerjasama UniSZA | 4 Disember 2021 | 1,259 |

## BENGKEL PEMANTAPAN TADBIR URUS JAWATANKUASA PENGURUSAN ZAKAT DAN CSR SSM (JPZCSR SSM)

Bengkel pemantapan tadbir urus JPZCSR SSM merupakan platform percambahan idea dalam merangka gerak kerja serta menambah baik tadbir urus pengurusan WZK SSM dan CSR SSM agar lebih sistematik dan efisien, selain memberi keseragaman dan pemahaman yang jelas berkenaan struktur, polisi dan garis panduan serta terma rujukan sedia ada. Bengkel ini telah diadakan pada 9 hingga 12 Disember 2021.

Penganjuran bengkel ini juga diadakan bertujuan untuk menyemak semula dan memperkemaskan dokumen-dokumen Manual Prosedur Kerja (MPK) serta proses kerja yang melibatkan JPZCSR SSM. Melalui bengkel ini, urusetia dan ahli JPZCSR SSM dapat berbincang, mengenal pasti dan membuat perancangan strategik berhubung aktiviti pengagihan WZK SSM dan CSR SSM agar pelaksanaannya lebih tersusun bagi tahun-tahun berikutnya.

Beberapa pihak yang berpengalaman dalam aktiviti agihan zakat dan pemberian sumbangan CSR seperti Yayasan Bank Kerjasama Rakyat dan Yayasan An-Nur telah dijemput untuk bersama-sama dengan urusetia dan ahli JPZCSR SSM melalui perkongsian maklumat berhubung kaedah-kaedah yang dilaksanakan dalam menjayakan program mereka.

## MISI BANTUAN BANJIR DAN PASCA BANJIR

Pengurusan SSM sangat prihatin akan ujian yang dihadapi oleh 50 orang warga kerja SSM yang terkesan akibat banjir besar yang melanda beberapa negeri pada bulan Disember 2021. Susulan itu, pihak Pengurusan telah meluluskan penubuhan Skuad Bantuan Kilat SSM yang terdiri daripada 12 skuad yang disertai oleh 120 orang pekerja SSM sebagai sukarelawan bagi membantu mereka yang terlibat.

Selepas mempertimbangkan nilai kerugian pekerja terlibat, JPZCSR SSM juga menyumbangkan wang tunai kepada 50 pekerja terbabit.

SSM juga prihatin dengan kesusahan yang dialami oleh masyarakat Malaysia yang terkesan akibat banjir. Justeru, bagi membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir, JPZCSR SSM telah meluluskan bantuan zakat kepada enam (6) buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dengan mengguna pakai peruntukan WZK SSM tahun 2020.

## PERKONGSIAN MAKLUMAT KEPADA ORANG AWAM MELALUI MEDIA SOSIAL

Menepati matlamat untuk mengutuhkan jenama SSM serta menyalurkan maklumat dan perkembangan terkini tentang inisiatif, produk serta perkhidmatan yang SSM tawarkan kepada orang ramai, Unit Penjenamaan Korporat telah membuat hebahan dan pendidikan berterusan menerusi penerbitan 23 video dan 121 poster yang dimuat naik di portal dan media sosial rasmi SSM sepanjang tahun 2021.

Antara senarai video yang dihasilkan adalah:

(a) Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)

(b) Cara Daftar Perniagaan di ezBiz *Online*

(c) Pengagihan zakat di Johor, Terengganu dan Pahang

(d) Sumbangan Zakat Korporat di Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas

(e) Sumbangan Zakat Korporat di Rumah Jalinan Kasih Anak Yatim dan Miskin Selangor

(f) Pengenalan Berkenaan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)

(g) Cakna Hak Anda Kawan (CHAK) - SPPP

(h) Persidangan Kebangsaan SSM 2021

(i) XCESS *Teaser*

(j) Video Usahawan Inspirasi

SOROTAN MEDIA

# SSM DALAM MEDIA 2021



*SSM DALAM MEDIA 2021*



# SSM DALAM TV 2021

**Bayaran rayuan GKP 2.0 berjumlah RM155 juta kepada 52,000 PKS mikro**



BERNAMA - 7 Februari 2021

**Rasuah pendaftaran pemilik bermanfaat perlu lebih efektif**



ASTRO AWANI - 7 Februari 2021

**SSM dakwa Exco Terengganu**



TV9 - 7 Februari 2021

**900 mangsa banjir di tiga negeri menerima bantuan pasca banjir sumbangan PPZ-MAIWP**




BERNAMA - 13 Februari 2021

**Hanya peniaga kecil berdaftar boleh mohon bantuan**



RTM1 - 27 Februari 2021

**Jual beli dalam talian naik kepada 2.5b tahun lalu**



TV3 - 29 Mac 2021

**Jual beli dalam talian naik kepada 2.5b**



ASTRO AWANI - 29 Mac 2021

**SSM lanjut inisiatif pengecualian kompaun sehingga 31 Disember 2021**



TV9 - 30 Mac 2021

**SSM lanjut inisiatif pengecualian kompaun sehingga 31 Disember 2021**



TV3 - 30 Mac 2021

**489,000 pendaftaran baharu perniagaan direkodkan SSM pada tahun 2020**



RTM 1 - 31 Mac 2021

*SSM DALAM TV 2021*

**SPPP bantu usahawan daftar perniagaan secara percuma**




ASTRO AWANI - 31 Mac 2021

**SSM lanjut inisiatif pengecualian kompaun sehingga 31 Disember 2021**




TV9 - 1 April 2021

**Daftar niaga menerusi SPPP dapat akses pelbagai dana**




NTV7 - 1 April 2021

**SSM lanjut inisiatif pengecualian kompaun sehingga 31 Disember 2021**




TV3 - 1 April 2021

**SSM bantu balu pesakit COVID-19**



TV9 - 5 April 2021

**SSM bantu balu pesakit COVID-19**



NTV7 - 5 April 2021

**SSM bantu balu pesakit COVID-19**



TV3 - 5 April 2021

**SSM lancar Kempen Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar**




TV3 - 16 April 2021

**SSM lancar Kempen Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar**



RTM 1 - 16 April 2021

**Kod QR SSM BizTrust**




ASTRO AWANI - 30 Mei 2021

*SSM DALAM TV 2021*

**Aspirasi perkasa pembangunan peneroka dan generasi baharu**




TV3 - 7 Julai 2021

**SSM Portal XCESS**




RTM1 - 2 September 2021

**RUU Syarikat 2021**



RTM1 - 26 Oktober 2021

**Skuad bantuan kilat SSM bantu ringankan beban warga kerja SSM**




RTM1 - 27 Disember 2021

# PENYATA KEWANGAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 50.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*].

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(NOR AZIAN BINTI NORDIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
26 OKTOBER 2022

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATUK AZMAN BIN MOHD. YUSOF** dan **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

..........................................................

Nama : **DATUK AZMAN BIN MOHD. YUSOF**
Jawatan : **PENGERUSI SURUHANJAYA**
Tarikh : 28 JUN 2022
Tempat : **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

..........................................................

Nama : **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
Jawatan : **ANGGOTA SURUHANJAYA**
Tarikh : 28 JUN 2022
Tempat : **KUALA LUMPUR**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Saya, **AMIR BIN AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di **KUALA LUMPUR** )
pada 28 JUN 2022 )

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
W 800
AMIR BIN ISMAIL
01.01.2020-31.12.2022
MALAYSIA
NO.33-4, JALAN MEDAN TUANKU, 50300
KUALA LUMPUR

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Harta, kelengkapan dan peralatan | 4 | **154,946,369** | 127,474,655 |
| Hartanah pelaburan | 5 | **52,366,730** | 10,395,000 |
| Pelaburan jangka panjang | 6 | **364,049,765** | 245,732,673 |
| Kerja dalam kemajuan | 7 | **-** | 71,432,300 |
| Pembiayaan pekerja | 8 | **44,451,256** | 48,819,366 |
| | | **615,814,120** | **503,853,994** |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang perdagangan | 9 | **10,995,119** | 6,540,782 |
| Penghutang lain, deposit dan prabayar | 10 | **32,904,784** | 33,814,039 |
| Pelaburan jangka pendek | 11 | **592,011,214** | 622,084,133 |
| Inventori | 12 | **-** | 277,820 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 13 | **134,358,188** | 121,165,071 |
| | | **770,269,305** | **783,881,845** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,386,083,425** | **1,287,735,839** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)
PADA 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Ekuiti** | | | |
| Lebihan terkumpul | | **1,128,192,903** | 1,034,410,950 |
| Dana pembiayaan pekerja | 14 | **91,000,000** | 91,000,000 |
| | | **1,219,192,903** | **1,125,410,950** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Peruntukan faedah pekerja | 15 | **34,160,227** | 32,106,777 |
| | | **34,160,227** | **32,106,777** |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | **49,716,558** | 46,821,768 |
| Pemiutang lain | 17 | **59,407,859** | 57,417,849 |
| Pemiutang projek | 18 | **605,878** | 2,217,590 |
| Cukai dan zakat | 23 | **23,000,000** | 23,760,905 |
| | | **132,730,295** | **130,218,112** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **166,890,522** | **162,324,889** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,386,083,425** | **1,287,735,839** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | 19 | **425,805,891** | **420,236,262** |
| **Perbelanjaan Operasi** | | | |
| Kos pekerja | 20 | **158,394,526** | 158,372,648 |
| Kos pentadbiran | 21 | **91,456,203** | 86,656,994 |
| Susutnilai | 4 | **9,836,333** | 10,506,169 |
| Kos lain | | **396,970** | 8,627,892 |
| | | **260,084,032** | **264,163,703** |
| **Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan** | | **165,721,859** | **156,072,559** |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | **49,716,558** | 46,821,768 |
| **Lebihan sebelum cukai dan zakat** | | **116,005,301** | **109,250,791** |
| Cukai dan zakat | 23 | **22,223,348** | 22,772,000 |
| **Lebihan bagi tahun** | | **93,781,953** | **86,478,791** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Lebihan bagi tahun** | | **93,781,953** | **86,478,791** |
| **Pendapatan Komprehensif Lain:** | | | |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **93,781,953** | **86,478,791** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Lebihan Terkumpul RM | Dana Pembiayaan Pekerja RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 01 Januari 2021 | 1,034,410,950 | 91,000,000 | 1,125,410,950 |
| Lebihan bagi tahun | 93,781,953 | - | 93,781,953 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 93,781,953 | - | 93,781,953 |
| **Baki pada 31 Disember 2021** | **1,128,192,903** | **91,000,000** | **1,219,192,903** |
| Baki pada 01 Januari 2020 | 947,932,159 | 91,000,000 | 1,038,932,159 |
| Lebihan bagi tahun | 86,478,791 | - | 86,478,791 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 86,478,791 | - | 86,478,791 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **1,034,410,950** | **91,000,000** | **1,125,410,950** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan sebelum cukai | **116,005,301** | 109,250,791 |
| Pelarasan bagi: | | |
| Susutnilai | **9,836,333** | 10,506,169 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | **44,150** | 37,962 |
| Pindahan ke penyata pendapatan | **248,350** | - |
| Keuntungan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | **(120)** | (479) |
| Keuntungan dari perubahan nilai saksama hartanah pelaburan | **(2,013,320)** | - |
| Kerugian rosotnilai ke atas manfaat aset | **277,820** | 8,589,930 |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | **(29,087,921)** | (31,503,614) |
| **Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja** | **95,310,593** | **96,880,759** |
| Perubahan di dalam penghutang perdagangan | **(4,454,337)** | 5,827,995 |
| Perubahan di dalam penghutang lain, deposit dan prabayar | **909,255** | 5,478,212 |
| Perubahan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | **2,894,790** | (2,073,405) |
| Perubahan di dalam pemiutang lain | **1,990,010** | (3,469,816) |
| Perubahan di dalam pemiutang projek | **(1,611,712)** | (2,566,650) |
| Perubahan di dalam peruntukan faedah pekerja | **2,053,450** | 3,512,277 |
| **Tunai dari aktiviti operasi** | **97,092,049** | **103,589,372** |
| Cukai berbayar | **(8,184,253)** | (8,911,095) |
| Zakat berbayar | **(14,800,000)** | (16,000,000) |
| **Tunai bersih daripada aktiviti operasi** | **74,107,796** | **78,678,277** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan (Nota 4) | **(285,766)** | (945,710) |
| Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | **417** | 593 |
| Kerja dalam kemajuan | **(5,797,038)** | (5,968,641) |
| Pelaburan | **(88,288,323)** | (108,054,802) |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | **29,087,921** | 31,503,614 |
| Pembiayaan pekerja | **4,368,110** | 2,643,355 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | **(60,914,679)** | **(80,821,591)** |
| **Pertambahan/ (Pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai** | **13,193,117** | **(2,143,314)** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | **121,165,071** | **123,308,385** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **134,358,188** | **121,165,071** |

**Nota-nota di muka surat 163 hingga 188 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana–mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas. Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM@Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian tersebut adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

#### (b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambil kira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

(i) Kos
Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

(ii) Susutnilai
Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaian semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Peralatan Bangunan | 20% |
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Perkakasan dan Perisian Komputer | 20% - 33 1/3% |
| Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | 20% |
| Ubahsuai | 20% - 33 1/3% |

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan akan dihentikan apabila dinyahiktiraf dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda rosotnilai. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk Nota 2(e) polisi perakaunan mengenai rosotnilai aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

### (d) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (e) Rosotnilai Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian rosotnilai sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

### (f) Pajakan

Terma pajakan oleh Suruhanjaya yang menjangka dengan ketara segala risiko dan ganjaran bagi hak pemilikan adalah dikategorikan sebagai pajakan kewangan dan terma pajakan di mana Suruhanjaya menjangka dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi dikenal pasti sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

### (g) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

### (h) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada nilai saksama ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

### (i) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

### (j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi.

### (k) Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (l) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

### (m) Faedah Pekerja

(i) Faedah Pekerja Jangka Pendek
Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

(ii) Pelan Caruman Ditentukan
Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang berada dalam skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

(iii) Pelan Manfaat Ditentukan
Pembayaran pelan manfaat ditentukan selepas persaraan dan/ atau setelah tamat perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai kos faedah pekerja, manakala dalam penyata kedudukan kewangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

Jenis-jenis pelan manfaat ditentukan yang diiktiraf adalah seperti berikut:
a) Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS);
b) Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM); dan
c) Saguhati Tamat Perkhidmatan bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara atau yang tamat tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Gaji akhir di bawah sistem Saraan Malaysia digunakan untuk pengiraan liabiliti di bawah GPS.

Suruhanjaya menentukan nilai semasa obligasi faedah dan nilai saksama pelan aset secara tetap supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tidak berlainan materialiti daripada jumlah pada akhir tempoh pelaporan.

Perubahan pada liabiliti manfaat yang timbul ditentukan daripada perkhidmatan pekerja yang diberikan dan faedah ke atas kewajipan manfaat ditentukan bagi tahun kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (n) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat.

### (o) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

### (p) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

### (q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar-benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (r) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) Pendapatan Perkhidmatan
Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing - masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

(ii) Kompaun
Seksyen 23 MPERS tidak memperuntukkan pengiktirafan pendapatan daripada transaksi kompaun. Oleh itu, pendapatan kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima di mana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar, dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan dan/atau tindakan lain yang sesuai selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) Program Latihan Korporat
Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) Faedah dan Dividen
Faedah dan dividen diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti dapat diakrukan kepada Suruhanjaya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (s) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan merangkumi bahagian pejabat bangunan dan tanah bagi tujuan peningkatan modal atau peroleh hasil sewaan atau kedua-duanya.

Pada peringkat awal hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan kos yang terdiri daripada harga belian dan sebarang perbelanjaan secara langsung serta kos lain semasa urusan belian. Kemudiannya hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dan perubahan dalam nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos pengubahsuaian dan penambahbaikan utama direkodkan sebagai aset dan jumlah bawaan bagi komponen yang digantikan direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos penyelenggaraan, pembaik pulih dan penambahbaikan kecil direkodkan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Bagi pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan jumlah bawaan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

### (t) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan kedua-dua aset kewangan sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sesuatu perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

## 3. ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

### (a) Susut Nilai Pada Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Kos bagi sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan telah disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi aset tersebut berbanding dengan hayat penggunaan. Jangkaan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta, kelengkapan dan peralatan berkemungkinan berbeza daripada jangkaan yang digunakan dan ini akan membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan.

### (b) Liabiliti Manfaat Yang Ditentukan

Suruhanjaya mempunyai pelan manfaat tetap untuk pekerjanya. Pengukuran nilai semasa pelan manfaat tetap ini adalah berdasarkan pada bilangan anggaran dan faktor seperti yang didedahkan pada Nota 15. Setiap perubahan dalam andaian akan mempunyai implikasi pada jumlah bawaan pada obligasi pelan manfaat tetap.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

| | Bangunan RM | Peralatan Bangunan RM | Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan RM | Perkakasan dan Perisian Komputer RM | Kenderaan Bermotor RM | Ubah Suai RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2021 | 149,243,916 | 16,650,580 | 18,561,528 | 86,662,124 | 2,582,966 | 33,474,876 | 307,175,990 |
| Tambahan | 28,882,990 | - | 4,234,880 | - | 13,848 | 4,176,626 | 37,308,344 |
| Pelupusan | - | - | (312,101) | (9,845) | - | (1,487,590) | (1,809,536) |
| **Pada 31 Disember 2021** | **178,126,906** | **16,650,580** | **22,484,307** | **86,652,279** | **2,596,814** | **36,163,912** | **342,674,798** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Susutnilai pada 01 Januari 2021 | 30,450,126 | 16,650,569 | 15,752,366 | 82,300,014 | 2,299,646 | 32,248,614 | 179,701,335 |
| Susutnilai (Nota 22) | 3,466,261 | - | 1,782,988 | 3,738,915 | 163,428 | 684,741 | 9,836,333 |
| Pelupusan | - | - | (311,809) | (9,843) | - | (1,487,587) | (1,809,239) |
| **Pada 31 Disember 2021** | **33,916,387** | **16,650,569** | **17,223,545** | **86,029,086** | **2,463,074** | **31,445,768** | **187,728,429** |
| **Nilai Bawaan Bersih Pada 31 Disember 2021** | **144,210,519** | **11** | **5,260,762** | **623,193** | **133,740** | **4,718,144** | **154,946,369** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

| | Bangunan RM | Peralatan Bangunan RM | Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan RM | Perkakasan dan Perisian Komputer RM | Kenderaan Bermotor RM | Ubah Suai RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 149,243,916 | 16,650,580 | 18,281,810 | 86,669,189 | 2,582,966 | 33,765,190 | 307,193,651 |
| Tambahan | - | - | 691,518 | - | - | 254,192 | 945,710 |
| Pelupusan | - | - | (411,800) | (7,065) | - | (544,506) | (963,371) |
| **Pada 31 Disember 2020** | **149,243,916** | **16,650,580** | **18,561,528** | **86,662,124** | **2,582,966** | **33,474,876** | **307,175,990** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Susutnilai pada 01 Januari 2020 | 27,465,248 | 16,650,569 | 14,920,551 | 76,681,356 | 2,082,967 | 32,357,732 | 170,158,423 |
| Susutnilai (Nota 22) | 2,984,878 | - | 1,243,518 | 5,625,720 | 216,679 | 435,374 | 10,506,169 |
| Pelupusan | - | - | (411,703) | (7,062) | - | (544,492) | (963,257) |
| **Pada 31 Disember 2020** | **30,450,126** | **16,650,569** | **15,752,366** | **82,300,014** | **2,299,646** | **32,248,614** | **179,701,335** |
| **Nilai Bawaan Bersih Pada 31 Disember 2020** | **118,793,790** | **11** | **2,809,162** | **4,362,110** | **283,320** | **1,226,262** | **127,474,655** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Suruhanjaya telah memeterai Perjanjian Jual Beli bertarikh 21 November 2016 untuk pembelian sebidang tanah dan membina bangunan lapan (8) tingkat bersama dengan dua (2) tingkat tempat letak kenderaan, dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan telah diperolehi pada 01 Mac 2021. Hartanah berkenaan beserta dengan kerja-kerja ubah suai telah diiktiraf sebagai harta, kelengkapan dan peralatan mengikut kategori masing-masing.

Tambahan kos bagi harta, kelengkapan dan peralatan adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Pemerolehan dalam tahun semasa | **37,308,344** | 945,710 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan | **(37,022,578)** | - |
| | **285,766** | **945,710** |

## 5. HARTANAH PELABURAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| **Baki pada 01 Januari** | **10,500,000** | **10,500,000** |
| Tambahan dalam tahun semasa | **39,958,410** | - |
| **Baki pada 31 Disember** | **50,458,410** | **10,500,000** |
| **Nilai Saksama** | | |
| **Baki pada 01 Januari** | **(105,000)** | **(105,000)** |
| Perubahan dalam tahun semasa | **2,013,320** | - |
| **Baki pada 31 Disember** | **1,908,320** | **(105,000)** |
| | **52,366,730** | **10,395,000** |

Sebahagian daripada bangunan yang dimiliki Suruhanjaya adalah bertujuan untuk mendapatkan sewa atau untuk peningkatan modal, atau kedua-duanya telah diiktiraf sebagai hartanah pelaburan dalam tahun 2021. Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran hartanah yang setanding dengan harga pasaran terkini.

Pada akhir tahun 2021, nilai saksama hartanah pelaburan Menara SSM Sarawak tidak berubah berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Manakala perubahan nilai saksama dalam tahun semasa adalah peningkatan nilai ke atas bangunan SSM Perak.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 6. PELABURAN JANGKA PANJANG

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Pelaburan pada kos terlunas:** | | |
| Sukuk | **195,188,429** | 130,239,512 |
| Sekuriti Hutang | **19,961,254** | 19,954,321 |
| Akaun Amanah Institusi | **190,465,981** | 112,465,405 |
| | **405,615,664** | **262,659,238** |
| **Aset Semasa:** | | |
| Pelaburan matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (Nota 11) | **(41,565,899)** | (16,926,565) |
| | **364,049,765** | **245,732,673** |

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan dan *Islamic Medium-Term Notes* dengan kadar kupon antara 3.10% hingga 3.92% (2020: 4.05% hingga 5.25%). Tempoh peletakan bagi pelaburan ini adalah sehingga sepuluh (10) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang diperbadankan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 3.40% hingga 3.50% setahun (2020: 4.70% hingga 4.80% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama lima (5) tahun (2020: tiga (3) tahun).

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 7. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **80,022,230** | **74,053,589** |
| Tambahan kerja dalam kemajuan | **5,797,038** | 5,968,641 |
| Pindahan ke penyata pendapatan | **(248,350)** | - |
| Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan serta hartanah pelaburan | **(76,980,988)** | - |
| | **8,589,930** | **80,022,230** |
| Kerugian rosotnilai terkumpul | **(8,589,930)** | (8,589,930) |
| **Baki pada 31 Disember** | **-** | **71,432,300** |

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk bangunan Suruhanjaya dan pengubahsuaian, serta projek teknologi maklumat dan komunikasi.

Projek-projek ini telah diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan pada tahun semasa berdasarkan pengesahan ke atas bekalan atau perkhidmatan, atau invois yang diterima:

**(a) Pembinaan Bangunan Pejabat Suruhanjaya**

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM5,797,038 (2020: RM5,968,641) adalah diperolehi daripada kemajuan kerja dalam tahun kewangan semasa.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM76,980,988 (2020: RM Tiada) dipermodalkan kepada harta, kelengkapan dan peralatan serta hartanah pelaburan, dan RM248,350 dipindahkan ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan semasa berdasarkan tarikh Suruhanjaya memulakan operasi di bangunan tersebut.

**(b) Pembangunan dan Pemasangan Infrastruktur dan Peralatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.**

Pada Mac 2017, Suruhanjaya telah menawarkan tender perkhidmatan *"Supply, Implementation, Training, Support and Warranty and Maintenance of Enterprise Resource Planning* (ERP)" kepada Liberty Resources Technology Sdn Bhd (LRTSB). Projek ini kemudian ditamatkan pada 23 Disember 2019 dan kini sedang melalui proses litigasi.

Faktor-faktor litigasi pada tahun kewangan 2020 telah mempengaruhi kedudukan aset, di mana nilai saksama projek tersebut kurang daripada nilai dibawa kos kemajuan projek sebanyak RM8,589,930. Oleh itu, Suruhanjaya telah mengiktiraf kerugian rosotnilai berjumlah RM8,589,930 (Nota 22) sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan tahun 2020.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 8. PEMBIAYAAN PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **48,819,366** | **51,462,721** |
| Perubahan dalam nilai semasa (Nota 20) | | |
| Pembiayaan perumahan | **531,676** | 1,575,874 |
| Pembiayaan kenderaan bermotor | **50,158** | (13,164) |
| Pembiayaan komputer | **31,794** | (12,565) |
| | **613,628** | **1,550,145** |
| Pembiayaan bersih dalam tahun semasa | | |
| Pembiayaan perumahan | **(4,707,126)** | (4,334,779) |
| Pembiayaan kenderaan bermotor | **(279,454)** | 196,310 |
| Pembiayaan komputer | **4,842** | (55,031) |
| **Baki pada 31 Disember** | **44,451,256** | **48,819,366** |

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer secara Islamik kepada pekerja Suruhanjaya.

Pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masing selama sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun (2020: sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun) dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 5.00% dan 8.20% setahun (2020: 5.00% dan 9.40% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4.50% setahun (2020: 4.50% setahun).

## 9. PENGHUTANG PERDAGANGAN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Penghutang perdagangan | **10,995,119** | 6,540,782 |

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan pembekalan maklumat korporat dan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dibekalkan oleh ejen dan penyedia perkhidmatan Suruhanjaya yang dilantik, perkhidmatan dalam talian dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari dari tarikh invois dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam perjanjian dengan ejen yang dilantik.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 10. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRABAYAR

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Faedah dan dividen belum terima | **8,375,470** | 8,497,802 |
| Deposit dan prabayar | **1,725,566** | 2,278,849 |
| Pendahuluan pekerja | **205,269** | 23,960 |
| Lain-lain terimaan | **1,863,171** | 2,680,063 |
| Aset cukai | **12,778,758** | 11,763,187 |
| Nilai saksama faedah dari pembiayaan pekerja | **7,956,550** | 8,570,178 |
| | **32,904,784** | **33,814,039** |

Aset cukai terdiri dari amaun Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang boleh dituntut oleh Suruhanjaya daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), serta jumlah yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui CP204 untuk anggaran cukai yang perlu dibayar oleh Suruhanjaya berjumlah RM10.60 juta (2020: RM9.57 juta).

## 11. PELABURAN JANGKA PENDEK

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Diukur pada kos dilunaskan:** | | |
| Deposit Komoditi Murabahah | **560,000,000** | 635,000,000 |
| Akaun Amanah Institusi | **20,445,315** | 40,157,568 |
| Pelaburan jangka panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (Nota 6) | **41,565,899** | 16,926,565 |
| Pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang peletakan sehingga tiga (3) bulan (Nota 13) | **(30,000,000)** | (70,000,000) |
| | **592,011,214** | **622,084,133** |

Suruhanjaya telah membeli Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 2.20% hingga 2.50% setahun (2020: 3.10% hingga 4.45% setahun) dengan tempoh matang peletakan sehingga lima belas (15) bulan (2020: lima belas (15) bulan).

Suruhanjaya turut meletakkan dana ke dalam Akaun Amanah Institusi yang dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad, untuk jangka masa pendek. Kadar keuntungan kasar yang diterima oleh Suruhanjaya adalah 2.60% hingga 2.70% setahun (2020: 2.60% hingga 3.50% setahun) dan tempoh peletakan adalah sehingga dua belas (12) bulan (2020: dua belas (12) bulan).

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 12. INVENTORI

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Kos | **277,820** | 277,820 |
| Kerugian rosotnilai terkumpul | **(277,820)** | - |
| | **-** | **277,820** |

Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas surat cara Memorandum Pertubuhan dan Artikel Pertubuhan syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Seterusnya, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui surat bertarikh 22 Januari 2014 telah memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengkompaun bayaran duti setem bagi surat cara Memorandum Pertubuhan dan Artikel Pertubuhan dan bermula Januari 2017 di bawah Akta Syarikat 2016, untuk mengkompaun bayaran duti setem bagi surat cara Perlembagaan syarikat secara tidak bersetem.

Setem hasil fizikal diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih. Walau bagaimanapun, melihat kepada nilai pegangan setem hasil yang berkurangan berbanding dengan nilai wajar, maka dalam tahun kewangan 2022 Suruhanjaya telah memutuskan untuk melakukan rosotnilai ke atas kesemua kosnya dalam tahun kewangan 2021.

Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Baki tunai dan bank:** | | |
| Tunai di tangan dan apungan | **122,100** | 404,600 |
| Baki bank | **64,236,088** | 50,760,471 |
| **Peletakan deposit dengan:** | | |
| Bank tempatan dan institusi kewangan berlesen | **40,000,000** | - |
| Pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang peletakan sehingga tiga (3) bulan (Nota 11) | **30,000,000** | 70,000,000 |
| | **134,358,188** | **121,165,071** |

Tempoh untuk Deposit Komoditi Murabahah dengan bank tempatan dan institusi kewangan berlesen di bawah tunai dan kesetaraan tunai ini mempunyai jangka masa pendek dengan tempoh matang dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh peletakan.

## 14. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Dana pembiayaan perumahan | **80,000,000** | 80,000,000 |
| Dana pembiayaan kenderaan bermotor | **10,000,000** | 10,000,000 |
| Dana pembiayaan komputer | **1,000,000** | 1,000,000 |
| | **91,000,000** | **91,000,000** |

Dana pembiayaan sebanyak RM80.00 juta, RM10.00 juta dan RM1.00 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer masing-masing adalah untuk pekerja Suruhanjaya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 15. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **34,868,251** | **30,777,935** |
| Tambahan dalam tahun semasa (Nota 20) Pewujudan obligasi: | | |
| Saguhati Tamat Perkhidmatan | **2,408,802** | 2,265,561 |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat | **523,688** | 316,870 |
| Perubahan dalam nilai saksama: | | |
| Saguhati Tamat Perkhidmatan | **1,177,463** | 4,165,449 |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat | **386,954** | (79,632) |
| | **4,496,907** | **6,668,248** |
| Pembayaran dibuat dalam tahun semasa: | | |
| Saguhati Tamat Perkhidmatan | **(3,001,241)** | (2,399,315) |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat SSSSM | **(178,370)** | (145,383) |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat GPS | **(42,856)** | (33,234) |
| | **36,142,691** | **34,868,251** |
| **Liabiliti Semasa** | | |
| Peruntukan faedah pekerja dalam tempoh dua belas (12) bulan (Nota 17) | **(1,982,464)** | (2,761,474) |
| **Baki pada 31 Disember** | **34,160,227** | **32,106,777** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 15. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA (sambungan)

Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat dan pelan manfaat ditentukan Suruhanjaya yang dinamakan sebagai Saguhati Tamat Perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan berkuat kuasa daripada 01 Januari 2016.

Suruhanjaya menggunakan kaedah yang telah dipermudahkan untuk mengukur obligasi dan kos di bawah pelan manfaat yang ditetapkan untuk mengiktiraf sumbangan sebagai liabiliti. Permudahan pengukuran pelan manfaat tetap berkenaan dengan pekerja sedia ada adalah seperti berikut:

(a) Tidak mengambil kira kenaikan gaji masa hadapan, semakan gaji iaitu mengandaikan gaji semasa berterusan sehingga pekerja sedia ada dijangka akan mula menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan;
(b) Tidak mengambil kira perkhidmatan masa hadapan pekerja semasa iaitu mengandaikan penutupan pelan untuk pekerja sedia ada dan pekerja baharu; dan
(c) Tidak mengambil kira kemungkinan kematian dalam perkhidmatan bagi pekerja sedia ada, antara tarikh pelaporan dan tarikh mula menerima manfaat iaitu mengandaikan semua pekerja sedia ada akan menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan.

Asas aktuari andaian perakaunan yang digunakan dalam pengukuran adalah seperti berikut:

| | 2021 | 2020 |
|---|---|---|
| Kadar diskaun | **3.45%-4.66%** | 3.45%-4.66% |

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 Suruhanjaya telah meluluskan Opsyen Persaraan Pilihan Bagi Pekerja Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM) bermula umur lima puluh lima (55) tahun mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

## 16. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **46,821,768** | **48,895,173** |
| Peruntukan belum bayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | **49,716,558** | 46,821,768 |
| Bayaran dalam tahun kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | **(46,821,768)** | (48,895,173) |
| **Baki pada 31 Disember** | **49,716,558** | **46,821,768** |

Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) memperuntukkan bahawa Suruhanjaya membayar 30% dari lebihan tahunan semasa kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 17. PEMIUTANG LAIN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan belum bayar dan terakru | **20,992,856** | 16,802,896 |
| Perbelanjaan pekerja dan statutori belum bayar | **22,691,444** | 24,921,218 |
| Lejar amanah | **7,436,663** | 6,747,652 |
| Lain-lain pemiutang | **6,304,432** | 6,184,609 |
| Peruntukan manfaat pekerja (Nota 15) | **1,982,464** | 2,761,474 |
| | **59,407,859** | **57,417,849** |

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang lain adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

Pelepasan Jaminan Bank berjumlah RM1,776,508 bagi kes litigasi projek ERP diterima oleh Suruhanjaya pada 19 April 2021 (Nota 25) direkod di bawah lain-lain pemiutang.

## 18. PEMIUTANG PROJEK

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Pemiutang projek | **605,878** | 2,217,590 |

Pemiutang projek adalah kos yang ditanggung untuk projek teknologi maklumat dan komunikasi yang tertunggak pada akhir tahun.

Tempoh kredit untuk pemiutang projek adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

## 19. PENDAPATAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Pendapatan daripada aktiviti operasi:** | | |
| Pendapatan perkhidmatan | **288,434,276** | 279,459,221 |
| Kompaun | **22,535,753** | 34,487,551 |
| Pembekalan maklumat korporat | **72,673,658** | 66,252,684 |
| Program latihan korporat | **4,641,320** | 2,504,550 |
| **Pendapatan lain:** | | |
| Faedah dan dividen | **29,087,921** | 31,503,614 |
| Lain-lain pendapatan | **8,432,963** | 6,028,642 |
| | **425,805,891** | **420,236,262** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 20. KOS PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Gaji | **72,269,422** | 70,084,219 |
| Elaun tetap | **14,179,395** | 14,166,889 |
| Sumbangan berkanun | **19,922,563** | 19,538,777 |
| Elaun lebih masa | **293,865** | 391,144 |
| Bonus dan faedah pekerja (Nota 15) | **36,806,147** | 39,137,103 |
| Faedah perubatan | **12,184,136** | 11,795,352 |
| Elaun Anggota | **1,686,943** | 1,432,861 |
| Subsidi di atas pembiayaan pekerja (Nota 8) | **1,052,055** | 1,826,303 |
| | **158,394,526** | **158,372,648** |

Bilangan pekerja Suruhanjaya sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 1,321 termasuk 85 orang pekerja sambilan (2020: 1,321 termasuk 79 orang pekerja sambilan).

Termasuk amaun bonus dan faedah pekerja adalah peruntukan obligasi tahun semasa dan perubahan dalam nilai saksama bagi faedah pekerja (Nota 15) berjumlah RM4,496,907 (2020: RM6,668,248), manakala amaun bagi perubahan dalam nilai semasa dari pembiayaan pekerja Suruhajaya (Nota 8) berjumlah RM613,628 (2020: RM1,550,145) diiktiraf kepada subsidi di atas pembiayaan pekerja.

Penyumberan luar pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) melalui pakej Pembiayaan-i dengan kadar keuntungan 4.67% (2020: 4.67%) setahun iaitu kadar asas semasa ditambah dengan 0.80%. Pekerja Suruhanjaya akan membayar semula pada kadar keuntungan 2.00% dan Suruhanjaya akan memberi subsidi baki peratusan kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank.

Kadar asas semasa oleh BKRM bagi tahun kewangan semasa adalah 4.10% setahun (2020: 4.10% setahun).

Peristiwa selepas tarikh pelaporan kewangan 2021 berkaitan dengan pembiayaan pekerja Suruhanjaya, di mana Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan tambahan panel bank penyumberan luar pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) berkuat kuasa daripada 16 Jun 2022.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 21. KOS PENTADBIRAN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Perjalanan dan penginapan | **1,244,805** | 1,783,270 |
| Komunikasi dan utiliti | **7,564,467** | 7,625,789 |
| Sewa | **26,163,010** | 27,385,623 |
| Percetakan, alat tulis dan pengiklanan | **2,277,975** | 3,284,841 |
| Penyelenggaraan peralatan | **34,883,176** | 30,873,945 |
| Penyelenggaraan dan keselamatan pejabat | **3,211,244** | 3,220,863 |
| Fi professional | **2,461,353** | 2,235,408 |
| Keraian dan hospitaliti | **8,577,488** | 5,369,679 |
| Lain-lain kos pentadbiran | **5,072,685** | 4,877,576 |
| | **91,456,203** | **86,656,994** |

Suruhanjaya telah meluluskan geran berjumlah sehingga RM10.00 juta di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) dalam tahun 2016 untuk menggalakkan pelajar daripada pusat pengajian tinggi yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Geran ini hendaklah digunakan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun berkuat kuasa daripada 01 Januari 2017.

Dalam tahun 2020, Suruhanjaya bersetuju dengan penjenamaan semula Skim S1P1P kepada Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dan pelaksanaannya adalah untuk membantu usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi.

Geran SPPP adalah tambahan daripada peruntukan geran SSM Perihatin sebanyak RM5.00 juta yang digabungkan dengan baki peruntukan geran S1P1P pada 31 Disember 2020, yang akan digunakan sehingga habis.

Jumlah tersebut direkodkan sebagai kos keraian dan hospitaliti:

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **10,973,420** | **6,470,000** |
| Peruntukan geran SPPP tahun semasa | **-** | 5,000,000 |
| Pendaftaran perniagaan di bawah geran Suruhanjaya | **(1,728,320)** | (496,580) |
| **Baki pada 31 Disember** | **9,245,100** | **10,973,420** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 22. LEBIHAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Lebihan sebelum cukai dan zakat bagi tahun semasa diperolehi setelah mengambil kira: | | |
| Faedah dan dividen | **29,087,921** | 31,503,614 |
| Pendapatan pelbagai | **3,364,048** | 2,367,548 |
| Sewa hartanah | **2,441,847** | 2,110,470 |
| Keuntungan dari perubahan nilai saksama pada hartanah pelaburan | **2,013,320** | - |
| Nilai saksama keuntungan dari pembiayaan pekerja | **613,628** | 1,550,145 |
| Keuntungan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | **120** | 479 |
| dan kenaan: | | |
| Ganjaran juruaudit | **78,000** | 77,200 |
| Susutnilai (Nota 4) | **9,836,333** | 10,506,169 |
| Pelunasan dan penurunan nilai ke atas pelaburan | **44,150** | 37,962 |
| Nilai saksama faedah dari pembiayaan pekerja | **613,628** | 1,550,145 |
| Kerugian rosotnilai ke atas inventori (Nota 12) | **277,820** | - |
| Kerugian rosotnilai ke atas kerja dalam kemajuan (Nota 7) | **-** | 8,589,930 |

## 23. CUKAI DAN ZAKAT

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari** | **23,760,905** | **25,900,000** |
| Peruntukan tahun semasa: | | |
| Cukai | **8,100,000** | 8,372,000 |
| Cukai terlebih peruntukan bagi tahun terdahulu | **(776,652)** | (400,000) |
| Zakat | **14,900,000** | 14,800,000 |
| | **22,223,348** | **22,772,000** |
| Bayaran dalam tahun semasa dan pelarasan ke atas pembayaran CP204: | | |
| Cukai | **(8,184,253)** | (8,911,095) |
| Zakat | **(14,800,000)** | (16,000,000) |
| | **(22,984,253)** | **(24,911,095)** |
| **Baki pada 31 Disember** | **23,000,000** | **23,760,905** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 23. CUKAI DAN ZAKAT (sambungan)

Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun taksiran 2002 hingga tahun taksiran 2011 serta telah memberi lanjutan tempoh pengecualian cukai untuk tempoh lima (5) tahun daripada tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016. Bermula pada tahun taksiran 2017, peruntukan cukai korporat dibuat menurut 'Warta Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) Order 2006 [P.U. (A) No. 207/ 2006]'.

Di dalam pengiraan peruntukan zakat, Suruhanjaya mengguna pakai kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan sebelum cukai dan zakat** | **116,005,301** | **109,250,791** |
| Cukai pada kadar yang dikenakan: | | |
| Pendapatan dikecualikan cukai | **(388,285,007)** | (382,704,006) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | **309,414,514** | 310,886,768 |
| Zakat | **(3,384,804)** | (2,550,221) |

Perbelanjaan cukai diselaraskan kepada keuntungan pada kadar cukai dua puluh empat peratus (24%) (2020: 24%) seperti berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan sebelum cukai dan zakat** | **27,841,272** | **26,220,190** |
| Cukai pada kadar yang dikenakan: | | |
| Pendapatan dikecualikan cukai | **(93,188,402)** | (91,848,961) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | **74,259,483** | 74,612,824 |
| Zakat | **(812,353)** | (612,053) |
| **Perbelanjaan cukai** | **8,100,000** | **8,372,000** |

## 24. KOMITMEN MODAL

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Komitmen perbelanjaan modal: | | |
| Diluluskan dan berkontrak | - | 17,363,100 |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 25. LITIGASI SIGNIFIKAN

Suruhanjaya berhadapan dengan dua (2) kes litigasi signifikan berikut:

(a). Formis Network Services Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendan):

Suruhanjaya telah menandatangani perjanjian dengan Formis Network Services Sdn Bhd (FNS) untuk *'Outsourcing Agreement For The Supply, Implementation, Training, Support, And Maintenance Of SSM's Core Registry Solution'*. Perjanjian ini berkuat kuasa pada 17 Mac 2017 dan kemudian ditamatkan pada 05 Ogos 2019.

Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 11 Februari 2021, telah menuntut kerugian terhadap defendan berjumlah RM128,178,068 yang merangkumi kos kerugian, kerosakan dan kehilangan hasil.

Suruhanjaya selaku defendan telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM49,298,651 bertarikh 02 April 2021.

(b). Liberty Technology Resources Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendan)

Pada Mac 2017, Suruhanjaya telah menawarkan tender perkhidmatan *'Supply, Implementation, Training, Support and Warranty and Maintenance of Enterprise Resource Planning* (ERP)*'* kepada Liberty Resources Technology Sdn Bhd (LRTSB) di mana projek ini kemudian ditamatkan pada 23 Disember 2019.

Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 26 November 2020, telah menuntut kerugian terhadap defendan sejumlah RM19,872,979, manakala Suruhanjaya selaku defendan telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM12,240,109 bertarikh 13 Januari 2021.

Dalam Saman Pemula bertarikh 08 Disember 2020, plaintif telah menghalang dan melarang defendan-defendan daripada mengambil apa-apa langkah menuntut, menerima, mengguna dan/ atau berurusan serta membuat pembayaran dan/ atau melepaskan dua (2) Jaminan Bank berjumlah RM1,776,508. Namun melalui *'Affidavit in Reply'* oleh Suruhanjaya bertarikh 8 Januari 2021, dan Suruhanjaya telah menerima Jaminan Bank berkenaan pada 19 April 2021 serta telah direkod di bawah pemiutang lain (Nota 17).

Suruhanjaya menilai bahawa jangkaan kerugian yang timbul daripada dua (2) litigasi signifikan tersebut adalah perbelanjaan yang melibatkan fi peguam bela dan peguam cara, pelantikan saksi pakar, serta kos litigasi dan prosiding litigasi.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 26. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada Anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri seperti berikut:
(a) Seorang Pengerusi;
(b) Ketua Pegawai Eksekutif;
(c) Tidak lebih daripada tiga (3) orang daripada perkhidmatan awam; dan
(d) Tidak lebih daripada empat (4) orang yang merupakan orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] atau orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman.

Pampasan pengurusan utama:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Anggota Suruhanjaya | **1,686,943** | 1,432,861 |
| Kakitangan pengurusan utama | **963,219** | 931,905 |
| | **2,650,162** | **2,364,766** |

## 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Program pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya menumpu kepada ramalan pasaran kewangan dan cubaan untuk meminimumkan potensi kesan yang berlawanan ke atas prestasi kewangan Suruhanjaya. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insuran dan pegangan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya. Suruhanjaya sentiasa mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan yang merangkumi pengurusan risiko berkenaan.

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya adalah risiko kecairan, risiko aliran tunai, risiko kadar keuntungan dan faedah serta risiko nilai saksama.

### (a) Risiko Kecairan

Suruhanjaya mengurangkan risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian daripada pelaburannya dalam aset cair berbentuk deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi komitmen kewangan jangka pendek.

### (b) Risiko Aliran Tunai

Suruhanjaya sentiasa mengkaji kedudukan aliran tunainya untuk pengurusan pendedahan turun naik aliran tunai masa hadapan.

### (c) Risiko Kadar Keuntungan dan Faedah

Suruhanjaya mempunyai tunai, baki di bank dan peletakan deposit dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. Suruhanjaya mengurus risiko kadar keuntungan dan faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan, keuntungan dan kadar keuntungan dan faedah yang berbeza-beza.

### (d) Nilai Saksama

Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang perdagangan dan penghutang lain, sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, pemiutang lain dan pemiutang projek, nilai bawaan adalah lebih kurang berbanding nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh matang yang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(DITUBUHKAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

## 28. KESAN COVID-19 KEPADA SURUHANJAYA

Corona virus (COVID-19) telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 memandangkan wabak itu berlaku di negara-negara di seluruh dunia. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan pada 18 Mac 2020 dan kemudiannya telah memasuki pelbagai fasa PKP berdasarkan penularan wabak telah memberi kesan signifikan kepada masyarakat, aktiviti, ekonomi dan operasi perniagaan.

Semasa tempoh fasa-fasa PKP dalam tahun 2020 sehingga suku ketiga tahun 2021, Suruhanjaya telah beroperasi dalam keadaan keterbatasan aktiviti dan pergerakan, serta keperluan mematuhi Prosedur Operasi Standard PKP dan kemudahan bekerja dari rumah antara lain menyumbang kepada kesan signifikan ke atas perancangan kewangan dan operasinya.

Selari dengan pengumuman kerajaan Malaysia, Suruhanjaya mula beroperasi dalam tempoh peralihan PKP bermula suku keempat 2021 sehingga akhir suku pertama 2022, dan seterusnya. Malaysia mula berada dalam fasa peralihan ke endemik mulai 01 April 2022. Dengan memahami risiko penularan COVID-19, pihak pengurusan Suruhanjaya memantau secara dekat keadaan operasi Suruhanjaya dari semasa ke semasa dengan mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam dan sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan aktiviti harian.

Lanjutan daripada inisiatif Suruhanjaya yang dibuat dalam tahun 2020, Suruhanjaya telah mengumumkam beberapa inisiatif 2021 bagi membantu komuniti korporat dan perniagaan semasa tempoh PKP ke atas beberapa peruntukan akta-akta di bawah seliaan Suruhanjaya, termasuk menaikkan nilai ambang keterhutangan syarikat, memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) untuk membantu usahawan dalam Kumpulan B40 dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi dengan mengecualikan yuran pendaftaran dan maklumat perniagaan yang ingin mendaftar perniagaan, memberikan kadar pengurangan kompaun maksima dan pengecualian kompaun, pembatalan dan penangguhan latihan korporat secara fizikal termasuk persidangan tahunan Suruhanjaya.

Pada tarikh penyata kewangan 31 Disember 2021 diluluskan, pengurusan Suruhanjaya berterusan melakukan penilaian dan mempertimbangkan dengan teliti kesan COVID-19 terhadap operasi dan kedudukan kewangan Suruhanjaya dan akan terus memantau perkembangan yang melibatkan COVID-19.

## 29. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bertarikh 28 Jun 2022.

# DIREKTORI SSM

# DIREKTORI SSM

## IBU PEJABAT

**MENARA SSM@SENTRAL**
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

**Pusat Panggilan SSM**
Tel: 03-77214000

**Talian Umum SSM**
Tel: 03-22994400
E-mel: enquiry@ssm.com.my

## PEJABAT NEGERI

### SELANGOR
Hairul Anuar bin Yasin
Blok 9, 10 & 11, Kompleks KPPMS
Lot 291, Jalan RU 3/9A, Seksyen 3
40000 Shah Alam, Selangor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 03-5511 6500 / 5513 5997
Faks: 03-5510 4200
E-mel: hairul@ssm.com.my

### JOHOR
Azrin bin Mohd Ripin
Podium 4B & 5, Menara Ansar
65 Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 07-224 4710
Faks: 07-224 1714 / 224 8169
E-mel: azrin@ssm.com.my

### PULAU PINANG
Sazuree bin Shuib
Tingkat 6 - 7, Bangunan KWSP
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Pulau Pinang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 04-397 7793
Faks: 04-397 7713
E-mel: sazurees@ssm.com.my

### MELAKA
Mohd Zainuddin bin Salleh
No. 53 & 55, Jalan Komersial
Taman Kota Fesyen MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 06-231 1717 / 06-231 2266
Faks: 06-231 3502
E-mel: znudin@ssm.com.my

### NEGERI SEMBILAN
Thanak a/l Prak Hin
Aras 3, Wisma PERKESO
Lot 3757 & 52, Jalan Sungai Ujong
70000 Seremban, Negeri Sembilan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 06-761 9098 / 761 5506 / 764 1885 / 764 5598
Faks: 06-765 5877
E-mel: thanak@ssm.com.my

*DIREKTORI SSM*

## PAHANG

Kamarudin bin Mohd Daud
B2 & B4, Aras Bawah Suria Atabara
Jalan IM 7/2
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 09-572 9743 / 573 0866 / 573 0400 / 573 0969
Faks: 09-573 2316
E-mel: din_md@ssm.com.my

## TERENGGANU

Ab Razak bin Isa
Tingkat 6, Menara Yayasan Islam
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu, Terengganu

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 09-623 7170 / 624 0721
Faks: 09-623 0945
E-mel: abrazak@ssm.com.my

## KELANTAN

M.K. Mastura binti Mat Zin
Tingkat 2 & 3 Kota Sri Mutiara
Jalan Sultan Yahya Petra
15150 Kota Bharu, Kelantan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 09-748 2860 / 748 4599
Faks: 09-744 7622 / 747 2607
E-mel: mastura@ssm.com.my

## PERAK

Mohd Arif Hamzah
Menara SSM Perak
Jalan Basco Kepayang 1
Basco Avenue @ Kepayang
31400 Ipoh, Perak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 05-547 5070
Faks: 05-547 5107
E-mel: arifh@ssm.com.my

## KEDAH

Ismanani binti Khazali
Tingkat 1 & 2, Wisma PERKESO
No. 186 Jalan Teluk Wan Jah
05538 Alor Setar, Kedah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 04-733 0111
Faks: 04-731 5517
E-mel: ismanani@ssm.com.my

## SABAH

Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik
Tingkat 4, Menara MAA
6 Lorong Api-Api
Locked Bag 2039
88999 Kota Kinabalu, Sabah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 088-233 551 / 233 346
Faks: 088-237 884
E-mel: yasin@ssm.com.my

## SARAWAK

Ramle bin Leen
Lot 11115, Section 64
Kuching Town Land District
Jalan Pending, City Square Phase 1
93450 Kuching, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 082-266 111 / 266 112 / 266 113 / 266 114
Faks: 082-266 115
E-mel: lramle@ssm.com.my

*DIREKTORI SSM*

## PEJABAT CAWANGAN

### PERLIS
Ahmad Nizam bin Samsoo
Urban Transformation Centre (UTC) Perlis
No. 1 Aras 1, Blok B
Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis
Mukim Sena 01000 Kangar, Perlis

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 04-970 5471 / 970 5472
Faks: 04-970 5473
E-mel: nizam@ssm.com.my

### WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
Sukarno bin Mat Husain
No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 087-414 100
Faks: 087-414 152
E-mel: sukarno@ssm.com.my

### MUAR
Mohd Azlan bin Abdul Majid
No. 1, Jalan Perdagangan
Off Bulatan Jalan Bakri
84000 Muar, Johor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 06-954 6611 / 954 7711
Faks: 06-954 6600
E-mel: mohdazlan@ssm.com.my

### TEMERLOH
Adnan bin Hj Omar
No. 96 & 98
Jalan Persiaran Damai 1, Damai Court
28000 Temerloh, Pahang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 pm (Isnin - Jumaat)

Tel: 09-296 2419 / 296 6238
E-mel: adnan@ssm.com.my

### TAWAU
Muhammad Nasrizal bin Saidin
TB 4444, GF & 1st floor
Blok F, Sabindo Square
Jalan Dunlop
91018 Tawau, Sabah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 089-750 585 / 752 585
Faks: 089-754 585
E-mel: nasrizal@ssm.com.my

### MIRI
Misiah binti Ramli
D-G-03A & D-G-05
Miri Times Square
Marina ParkCity
98000 Miri, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 085-324 400 / 325 334
Faks: 085-324 545
E-mel: misiahr@ssm.com.my

### SIBU
Dayang Doliana binti Abang Abdullah
No. 3 & 5, Tingkat 1
Jalan Lau King Howe
Lot 776 & 777 Block 5
Sibu Town District
96000 Sibu, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 084-250 145
Faks: 084-250 147
E-mel: doliana@ssm.com.my

*DIREKTORI SSM*

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

### PUSAT TRANSFORMASI BANDAR KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Ruang Legar, Tingkat Bawah
Bangunan UTC Kuala Lumpur
Jalan Pudu (Pudu Sentral)
55100 Kuala Lumpur

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 am - 4.15 pm (Isnin - Sabtu)

Tel: 03-2026 2041

## PUSAT PERKHIDMATAN

### LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia Langkawi
No. 56, Tingkat 1, Kompleks Pekan Rabu
07000 Langkawi, Kedah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 04-966 7943
Faks: 04-966 5318
E-mel: nurulaini@ssm.com.my

## PUSAT PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

### PUTRAJAYA

Kaunter Pendaftaran Perniagaan (SSM)
Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna
No. 13, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

**Pusat Panggilan SSM**
Tel: 03-772 14000

**Talian Umum SSM**
Tel: 03-2299 4400
E-mel: enquiry@ssm.com.my

